

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman	1)
RANG UNDANG-UNDANG:		
Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2002) 2002		
<u>Jawatankuasa:-</u>		
<u>Jadual:-</u>		
Maksud B. 26	(Halaman	14)
Maksud B. 29 dan B. 30	(Halaman	51)
Maksud B. 34	(Halaman	74)
USUL-USUL:		
Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 2002		
<u>Jawatankuasa:-</u>		
Maksud P. 26	(Halaman	14)
Maksud P. 28	(Halaman	51)
Maksud P. 33	(Halaman	74)
Maksud P. 38	(Halaman	78)
Maksud P. 40	(Halaman	79)
Maksud P. 41	(Halaman	79)
Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah Peraturan Mesyuarat 16(3)	(Halaman	83)
UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:		
Aktiviti Politik Di Kawasan Sekolah – Y.B. Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak (Setiu)	(Halaman	83)
Penahanan Encik Lim Kit Siang Di Bawah Akta Hasutan 1948 – Y.B. Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)	(Halaman	87)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dato Seri Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.S.D.K., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)
- “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Seri Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, S.I.M.P., D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

Yang Berhormat	Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
“	Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
“	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
“	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu)
“	Menteri Pertanian, Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi, SIMP., PGBK., DPMS., JSM., JBS., KMN., PPB. (Kuala Rajang)
“	Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
“	Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
“	Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
“	Timbalan Menteri Penerangan Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
“	Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
“	Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)
“	Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
“	Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
“	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
“	Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
“	Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
“	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B..K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
“	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
“	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
“	Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
“	Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
“	Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
“	Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasar Salak)
“	Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)

Yang Berhormat	Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
"	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
"	Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
"	Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
"	Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
"	Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
"	Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
"	Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
"	Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
"	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
"	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
"	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tajah)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)

Yang Berhormat	Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
”	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
”	Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
“	Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
”	Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
“	Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, D.S.S.S.M.T. (Marang)
“	Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman, P.J.N.(Sungai Benut)
“	Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
“	Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
“	Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
“	Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
“	Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
“	Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
“	Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
“	Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
“	Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar, D.S.A.P. (Larut)
“	Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
“	Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
“	Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
“	Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
“	Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
“	Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
“	Datuk Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
“	Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
“	Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
“	Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
“	Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
“	Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)

Yang Berhormat	Tun Dato' Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
"	Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
"	Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
"	Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
"	Dato Goh Siow Huat (Rasah)
"	Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
"	Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
"	Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
"	Tan Sri Dato' Hew See Tong, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Kampar)
"	Dato' Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
"	Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
"	Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
"	Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
"	Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
"	Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P. (Rompin)
"	Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
"	Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
"	Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
"	Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
"	Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
"	Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
"	Tuan Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
"	Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
"	Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
"	Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
"	Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
"	Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
"	Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
"	Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
"	Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
"	Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
"	Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
"	Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
"	Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
"	Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
"	Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
"	Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)

Yang Berhormat	Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
"	Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
"	Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
"	Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
"	Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
"	Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
"	Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
"	Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
"	Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
"	Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
"	Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
"	Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
"	Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
"	Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
"	Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
"	Dato' Mustafa bin Ali, D.P.M.T. (Dungun)
"	Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
"	Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
"	Tuan Ng Lip Yong (Batu)
"	Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
"	Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
"	Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
"	Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
"	Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
"	Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
"	Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
"	Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
"	Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
"	Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
"	Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
"	Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
"	Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
"	Dato' Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
"	Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
"	Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
"	Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)

Yang Berhormat	Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
"	Dato' Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
"	Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
"	Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
"	Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
"	Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
"	Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
"	Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
"	Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
"	Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
"	Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
"	Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
"	Dato' Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
"	Dato' Tiong Thai King, (Lanang)
"	Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
"	Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
"	Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
"	Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
"	Dato' Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
"	Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
"	Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
"	Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
"	Dato' Seri Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
"	Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
"	Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.
"	Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
"	Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
"	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N.
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M Kayveas, P.J.N.
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN****Setiausaha Dewan Rakyat**

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Selamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaiton binti Yaacob
Abd. Talip bin Hasim
Noorhazmah binti Hamzah
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Syed Azuddin bin Syed Othman
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Habibunisah binti Mohd. Azir
Abu Bakar bin Hasan

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
MESIN CETAK**

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

JURUBAHASA SERENTAK

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah
Lt Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER

Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
PERUNDANGAN**

Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani
Mazlina binti Ali
Norlaila binti Abdullah Sidi
Ropiah binti Tambi
Alias bin Mohd. Nor

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
Rabu, 26 Jun 2002

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Seri Hajah Zaleha binti Ismail [Gombak]** minta Menteri Kesihatan menyatakan faedah dan manfaat skim insurans kesihatan kepada mereka yang mencarum. Adakah syarikat insurans kesihatan yang sanggup memberi *coverage* bagi penyakit-penyakit kanser serviks dan kanser payudara yang menjadi pembunuh wanita.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S.G. Sothinathan]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menerusi Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kesihatan sedang mengkaji pelaksanaan sistem pembiayaan kesihatan yang bersesuaian bagi negara ini. Pada dasarnya sistem pembiayaan kesihatan negara akan memberikan liputan yang menyeluruh terhadap perkhidmatan kesihatan berlandaskan prinsip ekuiti dan akses sejajar dengan budaya penyayang yang dinyatakan dalam wawasan 2020.

Berbagai model termasuk pengalaman luar negara sedang diteliti, di samping itu laporan dari beberapa kajian yang telah *dicommissionkan* oleh Unit Perancangan Ekonomi juga diambil kira. Selain dari itu perancangan sistem ini juga mengambil kira input atau maklum balas dari berbagai pihak termasuklah dari sektor awam, swasta dan badan bukan kerajaan yang berkaitan dengan kesihatan.

Sistem insurans kesihatan nasional ini akan memberikan banyak faedah dan manfaat kepada rakyat. Sistem ini akan memberikan lebih ekuiti dan akses terhadap liputan yang menyeluruh bagi berbagai jenis penyakit termasuklah penyakit kanser serviks dan kanser payudara yang menjadi pembunuh wanita.

Selain dari itu sistem ini juga akan menitikberatkan aspek *quality* dan *efficiency* serta memberikan penekanan terhadap perkhidmatan *preventive* dan 'promotif' selari dengan prinsip anjakan paradigma kesejahteraan. Kekuatan sistem yang sedia ada akan dipertahankan. Rakyat juga akan menikmati perkhidmatan kesihatan yang bersepadu menerusi integrasi antara perkhidmatan kesihatan swasta dan awam. Seterusnya rakyat juga tidak perlu risau terhadap masa depan kos pembiayaan kesihatan yang tidak menentu kerana dengan adanya sistem insurans kesihatan nasional secara prabayaran, risiko ketidakmampuan membayar terhadap bil kesihatan yang tinggi akan dapat dielakkan.

Adalah disarankan agar sistem yang dicadangkan tersebut berasaskan kepada konsep insurans kesihatan nasional yang diwajibkan bagi golongan yang berkemampuan. Selain dari itu golongan yang berkemampuan juga digalakkan secara sukarela membeli insurans kesihatan swasta untuk *complement* insurans kesihatan nasional sejajar dengan dasar pembangunan nasional dan dasar wawasan nasional. Golongan miskin, warga tua, orang cacat dan sebagainya akan dibiayai oleh kerajaan.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin menanya kepada Yang Berhormat sama ada skim insurans ini boleh meliputi perubatan di luar negara, seperti terdapat beberapa penyakit yang perlu dirawat di luar negara dan sekiranya ia hanya had kepada negara kita maka mungkin boleh menimbangakan satu *quotation* yang dibuat oleh doktor-doktor tempatan dan sejumlah *quotation* itu boleh diterima dan diguna pakai oleh pesakit untuk pergi ke luar negara untuk mendapat lawatan perubatan. Sekian.

Tuan S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sistem ini adalah masih lagi di peringkat awal dan beberapa perkara dan input-input seperti ini diambil kira dan memang kalau sesuatu rawatan itu, memang kita tidak boleh diperolehi dalam negara kita, maka untuk skim-skim pembiayaan seumpama itu mungkin input yang diberikan oleh Yang Berhormat akan diambil kira tetapi di sini ada pelbagai tahap skim insurans yang di mana itu sebabnya kita menggalakkan supaya orang-orang yang berkemampuan supaya mengambil skim insurans persendirian untuk *complement* supaya dapat menampung kos-kos yang berlebihan daripada tahap – kita menentukan satu tahap maksimum yang boleh dibiayai oleh skim insurans ini. Jadi untuk menampung lebih daripada itu mungkin seseorang itu terpaksa mengadakan insurans mereka secara persendirian untuk menampung itu tetapi input yang diberikan oleh Yang Berhormat itu akan diambil kira dan kita akan pertimbangkan semasa kita mengeluarkan dasar mengenai perkara ini.

Dato' Seri Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, didapati bahawa ibu bapa mempunyai anak kurang upaya yang mampu ingin mengambil insurans untuk anak mereka tetapi ternyata di negara kita ini hampir semua syarikat insurans tidak mahu mengadakan satu skim untuk anak-anak kurang upaya ini. Apa agaknya langkah yang boleh dilaksanakan oleh kerajaan bagi membolehkan ibu bapa yang mempunyai anak kurang upaya ini dapat mengambil insurans untuk anak-anak mereka.

Tuan S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu saya percaya adalah berkenaan dengan insurans swasta yang sedang berada pada masa sekarang tetapi itu insurans ini adalah di bawah kelolaan Bank Negara Malaysia dan saya harap Kementerian Kewangan boleh mengambil satu pendekatan tetapi ini adalah di luar bidang kuasa Kementerian Kesihatan tetapi di bawah skim pembiayaan insurans nasional ini orang kurang upaya semua juga tidak tertinggal, semuanya ditanggung oleh kerajaan dan buat masa ini pun orang kurang upaya memang kesihatan mereka, segala perbelanjaan mereka adalah ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan.

2. **Tuan Mah Siew Keong [Telok Intan]** minta Menteri Pendidikan menyatakan, adakah Kementerian akan membenarkan salah satu daripada SJK(C) San Min 1 atau SJK(C) San Min 2 yang berkongsi premis di Jalan Ah Cheong, Teluk Intan berpindah ke satu tapak yang lain.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan tetap berpandukan kepada Akta Pendidikan. Bagi SJK(C) yang berhasrat untuk berpindah ke tapak baru, sekolah tersebut perlulah mengemukakan permohonan terlebih dahulu. Kementerian Pendidikan akan mengkaji permohonan tersebut dengan teliti berdasarkan keperluan pendidikan aliran Cina di tapak baru, sebelum meluluskan perpindahan SJK(C) tersebut. Berhubung dengan SJK(C) San Min 1 SJK(C) San Min 2 Teluk Intan, Perak, sehingga sekarang pihak kementerian tidak ada menerima sebarang permohonan daripada pihak sekolah atau pihak lembaga pengelola sekolah tersebut. Terima kasih.

Tuan Mah Siew Keong: Terima kasih untuk Setiausaha Parlimen, saya hendak soalan tambahan, terdapat sekolah-sekolah di mana oleh sebab lokasi tidak sesuai lagi mungkin kerana pembangunan atau pemindahan penduduk. Apakah kriteria untuk pemindahan, walaupun tadi Dato' Setiausaha Parlimen telah beritahu belum ada permohonan tetapi apakah kriteria yang akan diambil untuk membuat kelulusan? Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Seperti mana yang telah saya jelaskan kalau mereka perlukan perpindahan mereka boleh buat permohonan dan nyatakan apakah sebab-sebabnya mereka mahu berpindah. Dan apabila mereka berpindah, akhirnya sekolah yang lama itu dikehendaki ditutup, tidaklah boleh kadang-kala kita dengar ada banyak cerita, bila dia sudah pindah sekolah yang lama dia tetap tinggal, hendak pun beroperasi juga. Inilah yang menimbulkan masalah dan kita tidak mahulah pula ada parti-parti politik khususnya parti pembangkang, mempolitikkan isu perpindahan ini. Jadi sekiranya Yang Berhormat memikirkan bahawa sekolah itu perlu dipindah, Yang Berhormat boleh menulis kepada pihak kementerian dan kita sedia pertimbangannya. Terima kasih.

Tuan Thong Fah Chong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. SRK Pasir Binji 1 dan 2 dengan Sekolah Kebangsaan St. Micheale 1 dan 2 di Ipoh adalah sekolah yang berlainan di bangunan yang sama. Bolehkah kementerian memberi kelulusan untuk menukarkan nama sekolah tersebut jika sekolah di pindah ke tapak lain kerana nama yang hampir sama akan mengelirukan ibu bapa tanpa memahami implikasinya?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Sekiranya ada permohonan dan sebagainya dan berikan sebab kita sedia pertimbangkan sekiranya ada permohonan dan permohonan itu mestilah dinyatakan sekuat-kuat kenyataan mengapa ia harus ditukar dan sebagai. Terima kasih.

Tuan Jimmy Lim Donald: Selamat Pagi dan salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada Timbalan Menteri yang telah menyambut kami dengan baik apabila kami pergi ke Semporna pada bulan yang lepas. Soalan saya ialah soalan nombor tiga.

3. **Tuan Jimmy Lim Donald [Sri Aman]** minta Menteri Pertahanan menyatakan sebab kapal selam diperlukan untuk pertahanan negara memandangkan Laut China Selatan cetek dan kos pengendalian agak tinggi.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Terima kasih Yang Berhormat daripada Sri Aman. Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kapal selam adalah penting untuk pertahanan negara kerana ia merupakan aset strategik yang mampu memberi faktor pencegahan (*deterrence*) dan dapat menghalang bakal musuh dari sewenang-wenangnya mencabuli kedaulatan perairan negara. Ia juga merupakan *force multiplier* di mana dengan hanya satu atau beberapa kapal selam sahaja dapat memberi nilai pencegahan yang sama atau lebih tinggi dari satu angkatan kapal permukaan yang besar.

Perolehan kapal selam ini juga didapati perlu bagi memenuhi objektif dan strategi dasar pertahanan negara yang menitikberatkan ciri-ciri keupayaan seimbang dan *credible* yang harus dimiliki oleh ATM. Bagi TLDM khususnya, kehadiran kapal selam akan membolehkan ia meningkatkan keupayaan peperangan maritim 3 dimensi TLDM yang agak terhad, ia juga akan membolehkan TLDM melaksanakan tugas pengawalan laut (*sea control*) termasuk pengawalan kepentingan jalur utama pelayaran *sea-line of communications* dengan lebih berkesan. Senario semasa sememangnya memerlukan TLDM melakukan pengawasan dan kehadiran berterusan di seluruh perairan negara khususnya di stesen-stesen luar pantai, zon Eksklusif Ekonomi dan Perairan Sabah Timur.

Perairan Laut China Selatan mempunyai kedalaman yang berbeza. Sebahagiannya terutama di sekitar pantai timur Semenanjung Malaysia agak cetek manakala di sekitar Gugusan Semarang Peninjau pula agak dalam. Secara amnya perairan ini didapati sesuai dan tidak menghalang kapal selam bersaiz sederhana (di bawah 2500 metrik tan) untuk melaksanakan operasi dengan berkesan.

Kenyataan mengenai dengan kos pengendalian kapal selam yang tinggi adalah tidak benar. Kajian yang dibuat oleh Tentera laut asing yang mengendalikan kapal selam menunjukkan bahawa kos pengendalian sebuah kapal selam adalah lebih rendah berbanding dengan kos pengendalian sebuah kapal bersaiz Frigat dan ke atas. Tempoh sebelum kapal selam menjalani *refit* dengan iaitu di antara 6 ke 7 tahun juga lebih panjang berbanding kapal permukaan yang kebiasaannya menjalani refit setiap 2 ke 3 tahun sekali. Secara relatifnya, kos pengendalian kapal selam adalah rendah berbanding faktor pencegahan dan *force multiplier* yang diberikan oleh kapal selam.

Tuan Jimmy Lim Donald: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan pertanyaan saya yang seterusnya dengan adanya kapal selam adakah Malaysia nanti berhasrat mengadakan *Blue Water Navy* untuk memprojek imej Malaysia sebagai *maritime power* yang besar dan kalau tidak mengapa tidak menggunakan sistem pertahanan lain supaya tempat-tempat yang cetek seperti perairan seperti yang berdekatan dengan Sarawak itu dapat dironda dengan lebih dekat dan lebih berkesan.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tujuan seperti Yang saya sebutkan malam semalam dalam soalan Dewan yang mulia ini juga, tujuan kerajaan dan Kementerian Pertahanan membeli kapal selam ini adalah semata-mata sebagai satu langkah *deterrence*. Dia bukanlah satu langkah *aggression* di mana kita tidak

dicadangkan oleh Yang Berhormat, kita tidak mempunyai niat untuk menjadikan bahawa ada sesuatu kekuatan di lautan malahannya untuk menjadi sebahagian daripada usaha kita untuk mencegah anasir-anasir yang jahat untuk menembusi perairan dan sempadan negara kita, manakala di perairan cetek pula kita menggunakan kaedah-kaedah yang lain yang mana kapal selam tidak boleh menembusi kita menggunakan seperti RIB (*Rover 'Inflated' Boat*) yang agak laju dan boleh digunakan seperti yang kita gunakan di beberapa tempat yang agak strategik di Pantai Timur Malaysia dan saya yakin dengan adanya kemudahan-kemudahan ini tanpa adanya kapal selam digunakan di kawasan yang agak cetek insya-Allah kita akan dapat menangani segala anasir-anasir jahat.

Datuk Yong Teck Lee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kita ucapkan Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan penjelasan yang cukup tetapi yang Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri sebentar tadi menyebut tentang pencegahan ataupun *deterrent* dengan izin iaitu *deterrent* sebagai mencegah serangan daripada negara-negara lain. Maka disebabkan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) belum mempunyai dengan izin, *long-range* bomba (TUDM) ini. Maka adakah kerajaan bercadang suatu hari nanti, pada masa akan datang memperolehi kapal selam yang mempunyai dengan izin, *missile launch*. Yang itulah boleh menjadi *deterrent* bagi negara kita. Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat daripada Gaya. Di samping *deterrent* sebagai langkah kita juga membeli kapal selam ini sebagai sebahagian daripada mendapatkan berbagai maklumat, *intelligent information* dengan izin daripada anasir-anasir yang jahat di mana peralatan yang lain tidak boleh melakukan tanggungjawab ini. Umpama di satu keadaan di mana banyak radar sangat - dengan izin - *there are laws. It can be easily detected by the enemy*. Dengan adanya kapal selam ini maka dia akan tidak mudah untuk dikenal pasti di mana berada kapal selam itu dan kita boleh mengambil tindakan yang agak tepat untuk mencegah ataupun berhadapan dengan cabaran-cabaran yang di masa yang mendatang. Maka dengan itu, memang kapal selam ini tujuan kementerian pun akan memuatkan dengan *missile* yang menjadi agak penting kepada kapal selam untuk berhadapan dengan pihak-pihak anasir jahat.

[Soalan No. 4 – Dato' Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) tidak hadir]

5. **Tuan Kong Cho Ha [Lumut]** minta Menteri Pertahanan menyatakan:-
- (a) berapakah bilangan anggota pasukan simpanan sukarela yang menyertai Angkatan Tentera Darat, Angkatan Tentera Laut dan Angkatan Tentera Udara; dan
 - (b) bagaimana prestasi latihan, penyertaan anggota pasukan simpanan sukarela dalam ketiga-tiga unit angkatan tentera dan sambutan oleh sektor swasta dan sektor awam terhadap masalah yang dihadapi oleh mereka.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pasukan simpanan Sukarela yang menyertai ATM meliputi ketiga-tiga perkhidmatan iaitu, Tentera Darat, Tentera Laut dan Tentera Udara. Sebahagian besar daripada anggota-anggota simpanan ini merupakan anggota simpanan Tentera Darat yang berjumlah seramai 45,905 orang terdiri daripada 3,919 pegawai dan 41,986 anggota-anggota kerahan dan sukarela.

Anggota simpanan TLDM terdiri daripada 646 pegawai dan 1,452 lain-lain pangkat, sementara bagi TUDM ialah seramai 33 pegawai dan 380 lain-lain pangkat.

Latihan yang dilaksanakan oleh pasukan Angkatan Wataniah adalah sama seperti latihan yang dilaksanakan oleh Tentera Darat, Tentera Laut dan Tentera Udara. Ia sejajar dengan peranan Angkatan Wataniah sebagai barisan kedua dalam pertahanan negara.

Konsep latihan yang diamalkan adalah jadual latihan disesuaikan dengan masa kelapangan anggota sukarela untuk menyertainya. Pada amnya, latihan Angkatan Wataniah adalah *customer friendly* - dengan izin - di mana latihan dijalankan pada hujung minggu sebelum atau selepas waktu kerja mengikut kesesuaian pakej shif, semasa cuti semester diadakan di penempatan atau di kampung di mana kebanyakan anggota sukarela berada. Latihan-latihan yang dilaksanakan untuk anggota-anggota Askar Wataniah memberi tumpuan kepada latihan asas ketenteraan, membina keyakinan, ketahanan diri dalam aspek mental dan fizikal, latihan dalam fasa peperangan konvensional dan mendedahkan anggota-anggota ini kepada tradisi-tradisi ketenteraan.

Latihan dan kursus yang dijalankan di pasukan, di pusat latihan adalah bersistematis, menyeluruh dan mampu mengeluarkan anggota sukarela yang berkebolehan. Walaupun semenjak kebelakangan ini, penyertaan daripada kedua-dua sektor iaitu, awam dan swasta dalam Angkatan Wataniah amat menggalakkan, namun demikian, peratusan kehadiran anggota sukarela dalam sesuatu latihan atau kursus adalah agak rendah jika dibandingkan dengan pegangan Angkatan Wataniah. Antara sebab-sebabnya adalah seperti berikut:

- (i) tiada pelepasan daripada majikan;
- (ii) anggota sukarela memberi keutamaan kepada pekerjaan tetap mereka;
- (iii) kemudahan infrastruktur dan logistik yang agak terhad.

Tuan Kong Cho Ha: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya ketidakseimbangan dalam anggota simpanan di antara Tentera Darat, Laut dan Udara. Jadi, bagaimana kementerian boleh memberi publisiti lebih banyak supaya lebih orang awam ataupun rakyat boleh menyertai pasukan simpanan sukarela untuk Tentera Laut dan Tentera Udara. Adakah kementerian bercadang menggubal akta untuk sektor awam dan sektor-sektor swasta ini supaya lebih rela dan bekerjasama memberi pekerja-pekerjanya menyertai pasukan simpanan sukarela.

Dato' Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Lumut. Memang saya akui bahawa tidak ada keseimbangan daripada penyertaan masyarakat di peringkat akar umbi dengan pasukan-pasukan. Kita dapati bahawa kegemaran dan minat, banyak di antara masyarakat sama ada pegawai kerajaan mahupun pihak swasta yang ingin terlibat dalam pasukan darat oleh kerana mereka dapati bahawa ini adalah agak bersesuaian dengan suasana dalam perkhidmatan mereka agar berlainan sedikit. Contohnya, kalau mereka menyertai pasukan sukarela di peringkat Tentera Laut yang mana terpaksa melalui pelbagai latihan di lautan yang akan mengambil sedikit masa.

Walaupun demikian, kita sentiasa menggalakkan sebanyak mungkin masyarakat khususnya belia-belia untuk menyertai pasukan Askar Wataniah agar sebagai pasukan kedua hadapan, agar dapat kita perbanyakkan untuk mempertahankan negara kita.

Pelbagai kaedah digunakan oleh kementerian, publisiti baru-baru ini seperti yang saya sebutkan semalam, kita adakan program kempen di KLCC, bukan hanya sebahagian daripada pengambilan untuk pasukan tentera kita bahkan juga menggalakkan agar lebih ramai masyarakat menyertai Askar Wataniah.

Di samping itu, kita membuat pendekatan berjumpa dengan industri-industri, pihak swasta supaya mereka dapat menggalakkan lebih ramai pekerja-pekerja mereka diberi kelonggaran dan kita di peringkat kementerian telah berhubung rapat dengan Kementerian Buruh bagaimana supaya usaha-usaha dan langkah-langkah dapat diwujudkan untuk membolehkan memberi kelonggaran kepada pekerja-pekerja mereka khususnya untuk menyertai latihan-latihan yang sudah dianjurkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya bagi Larut, Larut dahulu.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sebab dia.....

Seorang Ahli: Dok main bola. [Dewan gamat seketika] [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sebab dia cepat muncul berdiri Yang Berhormat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, sama ada Kementerian bercadang untuk menjadikan sebahagian ataupun keseluruhan tenaga sukarelawan ini diserapkan sebagai tentera sepenuh, memandangkan mereka sudah mendapat latihan daripada kerajaan terpaksa menggunakan belanja yang besar, mengambil tenaga-tenaga baru yang kadang-kala kurang mendapat sambutan dan galakan sebagaimana yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, termasuk menghadapi masalah pelepasan daripada majikan dan sebagainya. Minta penjelasan. Terima kasih.

Dato' Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Ini adalah satu persoalan yang agak baik. Saya akui bahawa perkara itu memang agak baik sekali di mana pihak Kementerian sedang berusaha untuk menggalakkan lebih ramai daripada pasukan sukarela Askar Wataniah ini untuk menyertai sebagai pasukan tetap dan kita memang menggalakkan pasukan Askar Wataniah dimasukkan ke pasukan yang tetap.

Kalau kita dapati bahawa mereka berniat, berhasrat untuk menyertai pasukan yang dikerahkan dan pasukan tetap, kerana bagi kita di dalam usaha mempertahankan negara, tidak ada paksaan kepada masyarakat untuk menyertai tentera sebagai pasukan keselamatan negara kita. Kita hanya menggalakkan dengan kerelaan, keredaan mereka. Kalau mereka reda dan kita kena pastikan, ada komitmen, ada kebolehan, insya-Allah, kita akan masukkan mereka sebahagian daripada pasukan tetap.

6. **Tuan Abd. Rahman bin Yusof [Kemaman]** minta Perdana Menteri menyatakan berapa ramai rakyat asing yang diberi taraf kerakyatan sejak 1995 mengikut negara asal mereka. Apakah syarat-syarat yang dikenakan untuk membolehkan mereka mengundi di dalam pilihan raya di negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin]: Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Beberapa Ahli: Waalaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh.

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Tuan Yang di-Pertua, rakyat asing yang telah diberi taraf kerakyatan sejak tahun 1995 sehingga tahun 2001 ialah seramai 15,608 orang. Daripada jumlah tersebut, mereka yang lahir dan berasal dari negara ini ialah seramai 7,515 orang manakala seramai 8,093 orang adalah berasal dari negara luar. Buat masa kini, Kementerian tidak mempunyai maklumat mengikut pecahan negara asal mereka. Terima kasih.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kerajaan memberi taraf kerakyatan kepada lebih kurang 15,000 lebih rakyat asing sejak tahun 1955. Saya nampak mungkin daripada segi mereka yang duduk lama di negara kita yang diberi taraf pendudukan tetap (PR) sejak 20 tahun, kadang-kadang lebih dari 20 tahun. Yang dikatakan dokumen yang dikemukakan apabila memohon iaitu dokumen, memerlukan lebih sedikit maklumat. Misalnya, sijil kelahiran kurang jelas dan kadang-kadang ini bukan kesilapan pemohon sendiri. Jadi, soalan saya ialah sama ada kerajaan simpati keadaan golongan ini yang sudah lama menetap di negara kita dan mempunyai anak cucu yang ramai, yang selama ini menyumbang kepada pembangunan negara kita. Jadi, daripada golongan ini, sama ada kerajaan dapat memberi sedikit pertimbangan untuk meluluskan mereka ini. Terima kasih.

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Tuan Yang di-Pertua.....[Pembesar suara tidak berfungsi]

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Tidak menyala itu, Tuan Yang di-Pertua. Sekarang.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sudah nyala dah.

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Minta maaf, terima kasih [*Ketawa*] Dalam urusan kita memberi taraf kerakyatan warganegara luar sebagai warganegara Malaysia, ada banyak faktor yang perlu ditentukan oleh kerajaan terutama sekali Kementerian Dalam Negeri, kerana pertama sekali apabila kita memberikan taraf kerakyatan itu, penerima kerakyatan ini ialah seorang yang benar-benar suci daripada segala-galanya. Kalau ada hitam sikitkah, setitik tompok sana sikitkah misal kata, ada kuning sana sini, kita akan tahan. Kita akan beri laluan yang lama supaya mereka ini dapat membetulkan keadaan-keadaan yang tidak berapa sihat.

Oleh yang demikian, saya bagi pihak Kementerian Dalam Negeri memanglah bersimpati kepada rakyat asing yang datang ke mari, yang telah lama bermastautin, sebagaimana yang kita perlu hanya 12 tahun tetapi memanjangkan masa. Jadi, walau macam mana pun, Kementerian Dalam Negeri akan memberikan pertimbangan yang wajar, di mana sebagaimana yang saya nyatakan lebih awal tadi, tidak ada cacat cela kepada warganegara-warganegara asing yang telah tinggal lama di negara kita untuk mendapatkan kerakyatan negara.

Satu lagi yang saya ingin sampaikan, memang ramai warganegara asing, baik daripada orang yang biasa dan ada di antaranya profesional seperti doktor, akauntan dan lain-lain lagi, memang ingin duduk di negara kita ini, kerana mereka fikir negara inilah negara yang amat bertuah sekali kerana keamanan, kemakmuran dan segala-gala apa yang lain, tidak seperti sebagaimana ada tuduhan-tuduhan daripada pihak pembangkang yang mengatakan negara ini, pemimpinnya zalim. Terima kasih.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Saya ingin tahu, apakah kriteria-kriteria daripada segi keutamaan yang memberi ruang kepada rakyat asing untuk menjadi warganegara dan apabila mereka menjadi warganegara, apakah mereka diberi status automatik untuk mengundi ataupun mereka mesti melalui proses-proses tertentu sebagai pengundi. Ini kerana, saya dapati di Kemaman, ramai rakyat Myanmar yang menjadi pengundi di kawasan saya. [*Dewan gamat seketika*]

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Tuduhan Yang Berhormat bagi Kemaman itu tidak dapat saya terima sebab tidak dapat dibuktikan. Jangan tuduh sebagai andaian-andaian. Kalau ada bukti, sila kemukakan, kita akan ambil tindakan-tindakan.

Seorang Ahli: Dia punya kawan pun ada lagi.

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Kalau tidak ada penguat kuasa polis, pergi pihak-pihak agensi yang lain yang mempunyai penguat kuasa. Saya ingin menyatakan kriteria untuk seseorang memohon menjadi warganegara mengikut Perkara 19(1)(a)(i).

Tuan Yang di-Pertua, anda boleh memohon kewarganegaraan Malaysia seperti berikut:-

- (i) pemohon berumur 21 tahun ke atas – Ini sudah waras dah pemikiran Yang Berhormat dari Kemaman. Telah menjadi penduduk tetap selama 12 tahun, berniat bermastautin untuk selama-lamanya – tidak hendak duduk sini macam 'simbur-simbur mandilah, cecah-cecah lepas itu cabut' dia kata, tidak hendak;
- (ii) kemudian, berkelakuan baik – Ini yang penting ini. Jangan ada catkah, ada apakah, hitam mukakah, misal kata sikit. Hitam muka tidak apa, asal dia manis;
- (iii) ditaja oleh dua orang penyokong warganegara Malaysia.

Terima kasih.

[Soalan No. 7 - Tuan Hassan bin Mohamed (Besut) tidak hadir]

[Soalan No. 8 - Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said (Kota Belud) tidak hadir]

9. **Datuk Yong Teck Lee [Gaya]** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah kriteria dan mekanisme yang digunakan dalam sistem 'meritokrasi' supaya segala keraguan dapat dielakkan, memandangkan sistem 'meritokrasi' ini menghasilkan lebih banyak pelajar bumiputera diterima masuk Institusi Pengajian Tinggi Awam, adalah ini menunjukkan bahawa sistem kuota dahulu satu kesilapan dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, mulai sesi akademik 2002/2003, Kementerian Pendidikan telah membuat pengubahsuaian kepada kaedah kemasukan ke IPTA dengan menggunakan sistem merit yang mengambil kira pencapaian akademik pelajar sepenuhnya dan markah ko-kurikulum akan hanya digunakan sebagai penentu jika terdapat dua atau lebih pemohon yang mempunyai kedudukan merit yang sama. Kaedah pemilihan untuk memasuki program ijazah di IPTA adalah seperti berikut:-

- (i) senarai merit akan disusun;
- (ii) memilih senarai bermula daripada merit tertinggi;
- (iii) semak syarat kursus;
- (iv) kursus ditawarkan jika ada kekosongan mengikut keutamaan pilihan calon iaitu lapan pilihan.

Kementerian ini berpandangan tidak berlaku kesilapan dalam sistem kuota yang diamalkan sebelum ini. Namun demikian, kerajaan berpendapat dan yakin bahawa sistem merit adalah terbaik buat masa ini untuk mewujudkan persaingan yang sihat di kalangan pelajar untuk mencapai kecemerlangan.

Ingin saya nyatakan di sini kepada Yang Berhormat, semasa sistem kuota, kita juga berdasarkan kepada kelayakan bukan kita ambil semua sekali asalkan dia bumiputera atau bukan bumiputera. Itu telah kita nyatakan dengan jelas. Jangan salah faham Kementerian Pendidikan di sini. Begitu juga, kita harus faham ramai penuntut bukan bumiputera didapati ramai daripada mereka menyertai program berkembar di IPTS. Terima kasih.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita berdua, jadi saya dapat yang pertamalah.

Soal meritokrasi, saya sudah dengar jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan berlandaskan seratus peratus daripada kelulusan akademik. Jadi, persoalan saya, kalau kita lihat 100 orang, *the highest achievers* dalam sains dan penemuan (*discovery*) adalah segelintir manusia yang tidak mempunyai akademik *excellence* pada masa sekolah, umpamanya *Albert Einstein*, kita boleh sebut semua ini. Jadi, adakah jurusan menumpukan kepada kepandaian daripada segi akademik ini satu kriteria yang begitu tinggi dan mengetepikan inovasi kreativiti dan sebagainya. Dan adakah ini juga nanti akan menekankan anak-anak belia kita menjadi orang yang tertinggi di negara ini ataupun di rantau ini yang mati bunuh diri oleh kerana *frustration* pelajaran tidak masuk kepala mereka. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat. Saya faham ke mana arah tujuannya Yang Berhormat tadi iaitu bagaimana bagi mereka yang tidak mempunyai pencapaian akademik yang tinggi tetapi dia ada juga pencapaian yang lain seperti invention dan sebagainya. Sebenarnya kita di sini buat masa ini kita pertimbangkan kepada mereka yang mempunyai kedudukan akademik yang tinggi. Ini yang kita dapat lakukan kerana tempat di IPTA yang amat terhad, walaupun pembinaan universiti begitu banyak sekali. Apa yang kita hendak lakukan kepada penuntut seperti ini sekiranya mereka tidak mendapat peluang ke IPTA janganlah merasakan sudah putus harapan. Kita ada banyak IPTS yang dapat menawarkan pelbagai kursus yang mereka minati dan ini juga pihak kementerian membantu sekiranya mereka mohon kepada bantuan kewangan sekiranya mereka perlukan. Terima kasih.

Datuk Yong Teck Lee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas penjelasan yang diberikan oleh Setiausaha Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kerajaan sedang menggalakkan pengajaran Bahasa Inggeris. Bolehkah Setiausaha Parlimen memberikan penjelasan sama ada kerajaan bercadang memberikan lebih banyak markah, point, merit kepada kelulusan Bahasa Inggeris dalam pengiraan merit seseorang penuntut yang memohon

ke IPTA ataupun IPTS. Adakah Bahasa Inggeris diberikan lebih banyak point dalam perkiraan meritokrasi ini. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Buat masa ini kita tidak ambil perkiraan. Kita masih berdasarkan kepada merit atau mata pelajaran yang diperlukan bagi satu-satu kursus dan tidak lagi buat masa ini. Terima kasih.

10. **Tuan Philip Benedict Lasimbang [Penampang]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan apakah punca utama Pinjaman Tekun di Daerah Penampang tidak diluluskan sedangkan kawasan ini mempunyai konsentrasi usahawan antara yang tertinggi di Sabah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan [Datuk Rizalman bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, Yayasan Tekun Nasional masih belum beroperasi di kawasan Parlimen Penampang. Oleh yang demikian, YTN tidak dapat menimbang dan meluluskan sebarang permohonan di daerah Penampang. Namun begitu, adalah menjadi hasrat Yayasan Tekun Nasional untuk beroperasi kesemua 193 kawasan Parlimen pada masa hadapan termasuklah di daerah Penampang. YTN ketika ini lebih menumpukan kepada kutipan bayaran balik dan memperkemas pengurusan pinjaman. Di samping itu, YTN juga sedang merangka pembukaan kawasan-kawasan baru setelah mendapat peruntukan tambahan dalam tempoh yang terdekat. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat pagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tetapi sebelum saya membuat soalan tambahan, untuk maklum Tuan Yang di-Pertua, Turkey menang malam ini. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila buat soalan Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Ini ramalankah apa ini!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Itu ramalan sahaja Yang Berhormat. *[Ketawa]* Semalam Yang Berhormat kata Korea menang. *[Ketawa]* Terus soal Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Okay, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kepada peminjam Tekun yang jujur, yang bersungguh-sungguh dan dengan pinjaman pertama dia dapat membesarkan perniagaan, apakah ada rancangan pihak kementerian memberikan pinjaman yang kedua yang lebih besar lagi dengan syarat-syarat yang sama. Saya mohon sedikit penjelasan.

Datuk Rizalman bin Abdullah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Tuan Yang di-Pertua, had pinjaman untuk Tekun ini ialah di antara RM1,000 hingga RM5,000. Itu adalah bagi peminjam yang pertama. Sekiranya peminjam-peminjam tadi telah berjaya membayar balik semua pinjaman yang telah diberikan kepada mereka, Yayasan Tekun Nasional telah pun bersetuju supaya mereka boleh diberikan pinjaman kali yang kedua, tetapi mestilah peminjam-peminjam tadi telah pun mengikuti segala peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang ditentukan semasa membuat bayaran pinjaman yang pertama tadi. Jadi, bagi peminjam-peminjam yang kedua ini kita akan berikan di antara RM5,000 hingga RM10,000. Terima kasih.

Tuan Philip Benedict Lasimbang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jawapan daripada Setiausaha Parlimen tadi menyatakan bahawa ada pengemaskinian dalam YTN. Sebenarnya itu yang saya ingin tanya, adakah terdapat penyelewengan dalam pengendalian pungutan pinjaman ini dan berapa sudah dicaj, dan apakah langkah-langkah yang diambil supaya ini tidak berlaku lagi dan saya mohonlah supaya Penampang diberi, sebab sudah lama minta pinjaman daripada Tekun ini. Sebenarnya Yayasan Tekun Nasional ini mengelakkan daripada usahawan mendapat pinjaman daripada *loan sharks* ataupun Along dan ianya dapat menghasilkan usahawan yang secara semula jadi. Saya mohon jawapan daripada Setiausaha Parlimen.

Datuk Rizalman bin Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat bagi Penampang. Untuk makluman Yang Berhormat bagi Penampang kita sedang mengambil tindakan yang perlu supaya kesemua kawasan Parlimen di seluruh negara ini dapat kita beroperasi Tekun di kawasan masing-masing. Untuk makluman setakat

hari ini kita telah pun beroperasi di 44 kawasan Parlimen. Memang seperti mana saya menyatakan tadi bahawa setelah kita dapat peruntukan tambahan kita akan membuka kawasan-kawasan baru terutamanya seperti yang telah diminta oleh Yang Berhormat bagi Penampang.

Yang kedua, mengenai dengan penyelewengan dalam Tekun ini. Saya suka menyatakan bahawa memang kita akui bahawa terdapat salah guna yang telah dilakukan oleh pegawai-pegawai yang kita lantik untuk mengadakan pinjaman ini kepada para peminjam. Walau bagaimanapun, kita dapati tidaklah begitu besar dan ianya terkawal. Di samping itu juga, mengenai dengan para peminjam yang tidak membuat bayaran balik seperti saya telah nyatakan tadi bahawa sehingga hari ini sebanyak 12.46% pinjaman adalah tertunggak dan melebihi lapan minggu. Begitu juga sebanyak 4.33% adalah pinjaman yang tamat tempoh dan masih belum selesai membuat bayaran. Mengenai dengan mereka yang langsung tidak membayar balik pinjaman ialah daripada jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan sehingga hari ini iaitu RM190.03 juta, hanyalah 0.5% sahaja jumlah daripada pinjaman tersebut telah tamat tempoh dan langsung tidak dibuat bayaran.

Oleh sebab itu, Yayasan Tekun Nasional buat masa ini sedang berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan bahawa tunggakan pinjaman tersebut dapat kita susun semula dan kita dapat bayaran balik untuk digunakan bagi membuka kawasan-kawasan yang belum lagi beroperasi di negara kita. Terima kasih.

[Soalan No. 11 - Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang) tidak hadir]

12. **Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]** minta Menteri Kewangan menyatakan tunggakan cukai pendapatan, cukai syarikat, cukai jualan, cukai perkhidmatan, duti kastam dan eksais yang belum berbayar sehingga 30.4.2002, berapakah bilangan yang didakwa dan dijatuhi hukuman mahkamah dan usaha untuk menarik mereka supaya membayar.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah tunggakan cukai yang belum berbayar sehingga 30 April 2002 adalah seperti berikut:

- Cukai pendapatan bagi individu adalah sejumlah RM600.52 juta;
- Cukai pendapatan bagi syarikat adalah berjumlah RM3,463.31 juta;
- Duti kastam sejumlah RM46.74 juta;
- Cukai jualan RM75.75 juta;
- Cukai perkhidmatan sejumlah RM46.8 juta dan bagi duti eksais adalah sejumlah RM0.57 juta.

Bilangan kes yang diambil tindakan pendakwaan di mahkamah sehingga April 2002 adalah sejumlah, ini termasuk kes yang dibawa oleh LHDN dan juga Jabatan Kastam Diraja Malaysia, jumlahnya RM13,883 kes. Usaha-usaha yang dijalankan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk mendapatkan balik tunggakan termasuk:

- (a) menguat kuasa seksyen 104, Akta Cukai Pendapatan 1997 iaitu menahan pembayar cukai meninggalkan negara;
- (b) memasukkan caveat ke atas hartanah;
- (c) memberi kemudahan bayaran secara ansuran; dan
- (d) menguat kuasa pelaksanaan penghakiman seperti mengambil tindakan menggulung syarikat, kebangkrapan, perintah penjelasan pelaksanaan dan tindakan saman siberhutang penghakiman.

Manakala usaha-usaha yang diambil oleh pihak Kastam Diraja Malaysia adalah termasuk:

- (a) memberi kemudahan bayaran secara ansuran;

- (b) mengenakan surcaj ke atas siberhutang yang gagal menjelaskan hutang mengikut jadual ansuran yang dibenarkan;
- (c) menyenarai hitam nama ataupun pengarah syarikat yang berhutang dengan menghalang keluar negeri;
- (d) menjalankan operasi tuntutan ke atas syarikat yang berhutang dengan jabatan;
- (e) menahan dagangan syarikat yang berhutang dengan jabatan; dan
- (f) membuat bayaran balik secara kontrak ke atas mana-mana tuntutan pulang balik ataupun tarik balik cukai yang dibuat oleh syarikat yang berhutang dengan jabatan. Sekian, terima kasih.

Tuan Fong Kui Lun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada sebarang tindakan pendakwaan ke atas syarikat-syarikat gergasi telah dihalangi kerana hubungan rapat mereka dengan pemimpin-pemimpin politik. Misalnya syarikat-syarikat dengan Dato' Soh Chi Weng dan anak Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Encik Lim Hee Leong. Terima kasih.

Dato' Chan Kong Choy: Kenyataan Yang Berhormat adalah tidak berasas dan tidak benar sama sekali. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sri Gading mengatakan Turkey, saya katakan Brazil. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalan Yang Berhormat. Macam ada pertaruhan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Tak ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Saya cuma jemu menengok pengulas sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalannya.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Soalannya begini Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya sedikit kementerian mengenai kes-kes yang dibawa ke mahkamah berhubung dengan kereta-kereta yang dirampas oleh pihak kastam. Saya dapati kereta-kereta yang dirampas oleh kastam ini hendak menunggu perbicaraan agak lama betul, kereta itu daripada baru sudah jadi buruk. Kadang-kadang mungkin hilang sebahagian daripada alat-alatnya kerana perbicaraan yang begitu lama dan ini merugikan hasil kerajaan yang banyak. Adakah kementerian bercadang atau mengubah sedikit peraturan kereta-kereta yang rampas, katakan ada kereta yang dirampas, orangnya lari, kereta atau lori sahaja dapat. Jangan tunggu lamalah, kereta dan lori itu lelong, tak usah cerita banyak. Jadi, kerajaan dapat hasil.

Ini tidak, saya tengok ada tempat-tempat dilonggoknya. Teruk nampaknya. Jadi, lama sangat, adakah kerajaan hendak meminda sedikit peraturan undang-undang kes-kes kereta dan juga kenderaan-kenderaan yang dirampas yang agak begitu lama terbiar. Jadi, macam mana pandangan Yang Berhormat. Tahniah kerana sudah selesai kes MCA. *[Ketawa]*

Dato' Chan Kong Choy: Yang Berhormat sokong Brazil, saya Malaysia. *[Ketawa]* Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat kalau sekiranya tindakan mahkamah diambil terlalu memakan masa, ia akan merosakkan benda-benda yang dirampas. Kita sedang mengkaji secara mendalam dan menyeluruh dalam perkara ini. Pihak kastam telah pun diberi arahan supaya mencari jalan bagaimana untuk memendekkan proses supaya dapat kita sama ada memulangkan barang yang dirampas kepada sipemunya kalau sekiranya sipemunya telah menyelesaikan prosedur

untuk menuntut balik ataupun bila barang-barang yang kena dilelong dalam masa yang singkat, semua sedang dikaji oleh pihak Perbendaharaan dan juga pihak kastam. Terima kasih.

13. **Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah usaha yang dilakukan oleh pihak kementerian dalam menghadapi fenomena El-Nino yang kemuncaknya dijangka berlaku sekitar bulan Jun dan Julai tahun ini.

Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mohon mengucapkan selamat datang kepada rombongan daripada Shah Alam yang turut serta dalam Dewan yang mulia ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalan Yang Berhormat.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Zainal bin Dahalan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, suka saya memaklumkan bahawa kementerian melalui Jabatan Perkhidmatan Kaji Cuaca Malaysia (JPKM) secara berterusan memantau perkembangan fenomena El-Nino dan La-Nina sepanjang tahun. Di antara usaha yang dilakukan oleh pihak kementerian dalam menghadapi fenomena El-Nino, adalah:

- (i) mempamerkan maklumat terkini mengenai El-Nino dalam laman web Jabatan Perkhidmatan Kaji Cuaca Malaysia dan juga diedarkan kepada Jabatan Alam Sekitar dan agensi-agensi lain yang mempunyai aktiviti yang sensitif kepada keadaan cuaca;
- (ii) menjalankan program pembenihan awan untuk menambahkan sumber air melalui air hujan;
- (iii) melaksanakan larangan pembakaran terbuka untuk mengurangkan kejadian jerebu dan langkah-langkah lain sebagai usaha untuk mengurangkan masalah yang mungkin timbul semasa monsoon Barat daya;
- (iv) menyediakan pelan tindakan mencegah kebakaran dan peraturan tetap operasi pengendalian bencana kebakaran hutan dan pembakaran terbuka dan jerebu oleh bahagian keselamatan negara untuk diguna pakai dalam memadam kebakaran; dan
- (v) menyediakan pelan tindakan jerebu bagi mengurangkan kesan jerebu. Pelan ini menggariskan peranan agensi-agensi kerajaan, industri dan orang awam dalam menghadapi tahap kualiti udara jika berlaku keadaan jerebu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Induk Jerebu yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri sentiasa mengadakan mesyuarat bagi menilai keadaan cuaca, kesediaan setiap agensi dalam menangani kebakaran dan jerebu dan juga menimbangakan tindakan-tindakan lain yang perlu diambil.

Pihak RELA juga telah dijemput menjadi Ahli Jawatankuasa Induk Jerebu dan diminta membantu memantau aktiviti-aktiviti pembakaran terbuka dan juga membantu mengadakan kebakaran kecil-kecilan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, suka saya memaklumkan bahawa pada masa ini, dengan izin, Southern Isolation Index ataupun (SOI) merupakan satu tanda yang digunakan oleh para saintis untuk memantau keadaan El-Nino. Mengikut pemantauan oleh pusat-pusat ramalan iklim dunia, SOI ini masih belum menunjukkan tanda pembentukan El-Nino dengan jelas pada masa sekarang. Walau bagaimanapun, hasil ramalan daripada model-model ramalan iklim di pusat-pusat itu menunjukkan kemungkinan bahawa El-Nino yang lemah ke sederhana akan dibentuk menjelang akhir tahun ini.

Walaupun El-Nino yang lemah tiada kesan yang menerima atas cuaca di Malaysia, namun kita masih mengalami cuaca yang biasanya lebih kering dalam tempoh antara Jun hingga September.

Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan, adakah usaha-usaha yang disebutkan tadi, yang digunakan untuk menghadapi El-Nino ini dilakukan secara berterusan dan dipantau atau dijalankan secara berkala dan sejauh manakah keberkesanannya. Terima kasih.

Dato' Zainal bin Dahalan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya usaha ataupun program pemantauan mengenai perkembangan cuaca, sama ada El-Nino ataupun La-Nina seperti yang disebutkan tadi, sentiasa dijalankan secara berterusan oleh Jabatan Perkhidmatan Kaji Cuaca Malaysia.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Cara memantau El-Nino ini kerajaan menggunakan satelit jenis apa dan kemudian apakah kerajaan sudah membuat anggaran kerugian ekonomi hasil daripada El-Nino ini tadi dan kalau ada berapa jumlahnya anggaran?

Dato' Zainal bin Dahalan: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak sebutlah jenis satelit yang digunakan, tetapi kita memang menggunakan perkhidmatan *remote sensing* negara sebagai salah satu daripada kaedah ataupun pendekatan untuk membuat pemantauan di atas perkembangan cuaca yang berlaku dalam negara kita ini. Dan oleh kerana saya sebutkan tadi bahawa fenomena El-Nino belum lagi berlaku atau tidak berlaku lagi, dan seperti ramalan-ramalan yang biasa dibuat kadang-kadang tidak begitu tepat kerana ini hanya merupakan ramalan. Maka setakat ini juga jumlah kerugian yang berlaku daripada fenomena ini juga tidak dapat saya nyatakan dengan tepat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sebelum itu, saya hendak ucap tahniah kepada rakan-rakan saya yang ceria balik hari ini setelah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, teruskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Walaupun satu formula yang tidak pernah orang buat, tahun ini letak jawatan tetapi tahun hadapan berkuat kuasa. Soalan yang ke-14, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sepatutnya bersedihlah baru Ketua Pembangkang meninggal, suasana itu kita patut menghormatilah. *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak apa Rompin, Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: PAS ini macam mana ini, hendak cepat ambil alih.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ada dua Perdana Menteri.

Tuan Mohamad bin Sabu: Dua Perdana Menteri la ni. Dua Perdana Menteri Malaysia. *[Ketawa]*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Hi, hendak jadi Ketua Pembangkang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kuala Kedah.

Tuan Mohamad bin Sabu: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak payah Yang Berhormat. Ya, sila jawab.

14. **Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah punca LRT STAR dan PUTRA mengalami masalah sehingga kerajaan terpaksa ambil alih dan nyatakan kos pengambilalihan oleh kerajaan serta apakah kaedah kerajaan untuk selamatkannya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang dihadapi oleh STAR dan PUTRA adalah disebabkan oleh *ridership* yang rendah dan kos pembinaan yang tinggi.

Pada tahun 2001 STAR mencapai *ridership* purata sebanyak 88,803 penumpang sehari iaitu meliputi hanya 14% dari unjuran asal sebanyak 622,538 penumpang sehari.

Manakala PUTRA yang memberi diskaun kadar tambang yang besar, mencapai *ridership* purata sebanyak 143,777 penumpang sehari yang merupakan 39% dari unjuran yang dikaji semula sebanyak 371,635 penumpang sehari.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedua-dua syarikat tersebut telah diletak di bawah *liquidation* dan kerajaan telah mengenal pasti sebuah syarikat Menteri Kewangan (diperbadankan) iaitu Syarikat Prasarana Negara Berhad bagi tujuan mengambil alih aset dan operasi kedua-dua syarikat tersebut. Pada 30 November 2001, Syarikat Prasarana Negara Berhad telah mengambil alih pinjaman komersial STAR dan PUTRA berjumlah RM5,468 juta dan dilangsaikan melalui terbitan bon yang dijamin oleh pihak kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kini Syarikat Prasarana Negara Berhad berada dalam proses rundingan dengan *liquidator* bagi kedua-dua syarikat untuk membeli hak dan kepentingan STAR dan PUTRA di bawah perjanjian francais atau konsesi dan aset yang berhubung dengan projek pada harga pembelian bersamaan dengan kos projek seperti mana yang didefinisikan dalam perjanjian. Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat, masa soal jawab lisan sudah lebih, sudah habis Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini Ketua Pembangkang

[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan telah cukup]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2002) 2002

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.)(BIL.2) 2002

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2002) 2002" dan "Bahawa Usul Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil.2) 2002 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." **[Hari Kedua]**

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua ([Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Maksud B.26 [Jadual] –

Maksud P.26 [Anggaran Pembangunan (Tamb)(Bil.2) 2002] -

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.26 dan Kepala Pembangunan P.26 di bawah Kementerian Pendidikan terbuka untuk dibahas. Ya, saya beri Bachok. Sepuluh minit seorang Yang Berhormat ya.

11.10 pagi

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof [Bachok]: Tuan Pengerusi, sepuluh minit. Terima kasih. Merujuk kepada B.26 ini berkaitan dengan pertama, perkhidmatan kawalan keselamatan di sekolah-sekolah yang telah pun diswastakan ataupun telah diserahkan kepada pihak penender yang telah pun diberi tanggungjawab untuk mengawal keselamatan sekolah-sekolah. Ingin saya bangkitkan di atas tajuk ini ialah ada syarikat yang telah pun diberi ataupun ditawarkan tender bagi mengurus keselamatan di sekolah didapati tidak memenuhi tahap profesional keselamatan. Dan ada satu kes dalam kawasan Parlimen saya di salah sebuah sekolah kebangsaan telah berlaku pencerobohan daripada pihak luar yang menyebabkan kehilangan harta benda serta kerosakan.

Apabila perkara ini dihadapi kepada pihak keselamatan yang mendapat tender tersebut, tidak ada satu nilai tanggungjawab yang sebenar yang menyebabkan pihak sekolah menanggung kerugian dan risiko, walaupun tindakan tegas dibuat oleh pihak pengawal keselamatan berkenaan untuk memecat petugas ataupun pengawal keselamatan yang bertugas pada malam itu, tetapi saya yakin dan percaya jika tahap profesional ini tidak dipraktis sebagai suatu amalan yang standard, saya yakin peristiwa yang sedemikian akan berulang di sekolah-sekolah lain ataupun di sekolah berkenaan.

Oleh kerana itu, saya yakin dan percaya, pihak kementerian mempunyai satu penyelesaian yang serius dalam masalah ini kerana kita bimbang keselamatan sekolah tadi tidak dapat dijamin sepenuhnya.

Yang keduanya, berhubung dengan usaha peningkatan bahasa Inggeris sebagaimana disebut dalam Butiran Kedua yang saya sebutkan di sini iaitu suatu nilai kontradiksi diamalkan dalam penempatan guru-guru khususnya bagi negeri Kelantan yang mempunyai kekosongan ataupun keperluan kepada tenaga pengajar bahasa Inggeris yang begitu tinggi. Tetapi penumpuan yang diberikan oleh pihak kementerian dalam penempatan guru didapati tidak memberi keutamaan kerana kekosongan guru bahasa Inggeris begitu ketara di semua sekolah di bawah Jabatan Pendidikan Negeri dan juga di bawah sekolah Yayasan Islam Kelantan.

Berhubung dengan keperluan guru bahasa Inggeris di Sekolah Yayasan Islam Kelantan didapati ada suatu *understanding* di antara pihak Yayasan Islam Kelantan dengan Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan iaitu ada guru-guru daripada JPN dihantar untuk mengajar secara *understanding* di sekolah Yayasan Islam Kelantan. Tetapi apabila dihadapkan keperluan sebenar Yayasan Islam Kelantan kepada tenaga pengajar daripada guru bahasa Inggeris tetapi keperluan ini tidak dipenuhi, sebaliknya dihantar guru daripada pengajaran bidang geografi ataupun bidang yang telah pun ada di Sekolah Yayasan Islam Kelantan. Oleh kerana itu, menyebabkan keperluan itu sebenar tidak memenuhi dari sudut yang sebenar, yang dihantar guru lain, yang dikehendaki guru lain.

Yang keduanya, guru-guru daripada lepasan KPLI yang telah pun membuat pilihan untuk mengajar di sekolah-sekolah di Kelantan memandangkan keperluan daripada bahasa Inggeris ini, guru-guru KPLI yang telah pun mendapat latihan profesional dalam bidang pendidikan bahasa Inggeris, telah mohon untuk mengajar di mana-mana sekolah di Kelantan.

Apabila didapati kekosongan yang begitu ketara, tetapi yang dukacitanya pihak penempatan telah pun menghalakan penempatan guru-guru yang memang asalnya Kelantan dan mempunyai KPLI dalam bidang bahasa Inggeris di Kelantan dan mohon untuk mengajar tetapi ditawarkan untuk mengajar di Sabah dan Sarawak.

Jadi, perkara ini amat dukacita kerana dari sudut kos saya pasti guru berasal dari Kelantan bila ditugaskan ke Sabah dan Sarawak dari sudut kos perpindahan dan kos penempatan itu saya yakin tinggi dan akan ditanggung oleh pihak kementerian sendiri.

Oleh kerana itu, saya mencadangkan supaya pihak kementerian memberi perhatian serius mana-mana guru lepasan siswazah ini yang telah mendapat latihan dalam bidang bahasa Inggeris, menerusi skim KPLI ini diberi keutamaan untuk mengajar mana-mana sekolah di Kelantan khusus dalam memenuhi keperluan bahasa Inggeris.

Kemudian ketiga, saya hendak sebutkan ialah berhubung dengan

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Rompin berdiri Yang Berhormat.

Tuan Wan Nik bin Wan Yusoff: Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Pengerusi, saya tertarik dengan komen Ahli Yang Berhormat bagi Bachok tentang penempatan anak-anak kita ini yang baru lulus universiti atau kolej untuk mengajar. Saya hendak bertanya kepada Ahli Yang Berhormat, adakah kita sebagai hendak memupuk semangat integrasi nasional, memupuk supaya ada pendedahan anak muda kita ini kepada juga masyarakat-masyarakat yang lain, budaya-budaya yang lain, kadang-kadang kalangan kita orang Melayu sendiri tetapi ada budaya Kelantan, ada juga budaya Pahang, budaya Johor, kalau kita ingin memupuk semangat integrasi terutama dalam kalangan bangsa kita sendiri, yang kedua dalam kalangan rakyat Malaysia itu sendiri. Mengapa tidak kita cuba anjurkan supaya masa muda itu mereka meninggalkan kampung negeri masing-masing untuk mempelajari bahawa Malaysia itu lebih daripada kampung halaman kita sendiri. Kita tidak mahu sikap kononnya Kota Bharu itu dunia, dunia itu Kota Bharu atau Kuantan itu dunianya dan dunianya itu Kuantan. Ada saya minta supaya, bolehlah kita bangkit dari segi, memang saya memang ada ibu bapa dari kawasan Rompin, datang jumpa saya, dia kata anak dia, wanita, perempuan, sekarang dapat surat mengajar di Kota Bharu, dia kata balikhlah mengajar ke Rompin takut di Kota Bharu akan berkahwin dengan orang Kota Bharu, nanti tidak balik ke Rompin pula.

Ini memang sentiasalah kerisauan keluarga kita. Memang benar, tekanan keluarga kita sendiri, kadang-kadang, memang benar, tapi adakah kita mahu melihat lebih besar dari itu. Sebab ini isu yang penting, Yang Berhormat orang yang terpelajar sebagai satu, walaupun partinya Parti PAS, masih lagikah atau Keadilan. Sebab saya hendak *discuss* sekarang dengan pemimpin yang baru, dia ada perubahan juga itu ha? Dulu arwah ini orang Terengganu, ini saya hendak tanya ini, pandangan Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Nik Wan Yusoff: Terima kasih Yang Berhormat bagi Rompin. Saya memang menyokong usaha integrasi nasional yang dibuat oleh pihak kementerian dalam konteks pendidikan tetapi dalam keutamaan yang diperlukan, kemajuan dalam bidang pendidikan adalah lebih diutamakan terlebih dahulu sebelum integrasi nasional dahulu sebab asas keilmuan kepada rakyat adalah menyokong kepada integrasi nasional, itu yang pertamanya.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Yang keduanya dalam kes yang saya sebutkan tadi, secara spesifik saya sebutkan seorang lepasan daripada UIA yang telah pun mendapat sijil daripada KPLI dalam bidang bahasa Inggeris yang telah berkahwin mempunyai dua anak, seorang isteri, tetapi apabila memohon untuk menempat di Kelantan ditolak dengan alasan keperluan lebih mendesak di Sabah. Jadi perkara ini saya ingat perlu kepada perincian dari sudut penempatan. Integrasi nasional tidak dinafikan dan perkara ini perlu disokong.

Yang ketiganya saya hendak bangkitkan ialah berhubung dengan perbekalan peralatan komputer dan perisian-perisian komputer bagi memenuhi pengajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan pendidikan Sains, Matematik serta Seni Kreativiti di sekolah-sekolah khususnya di peringkat pra-sekolah.

Apa yang saya dapati bahawa perisian dan peralatan komputer yang dibekalkan oleh pihak pembekal ke sekolah-sekolah ini didapati *outdated* dari sudut sistem dan programnya. Sedangkan sistem aplikasi multi-media yang diperlukan bagi membantu pendidikan anak-anak kita di peringkat prasekolah ini perlu yang terancang dan terkini dari sudut perisiannya dan aplikasi itu sendiri bagi menyenangkan dari sudut pengajaran pihak guru dan juga untuk membekalkan input atau maklumat yang terkini kepada anak-anak di peringkat prasekolah. Oleh kerana itu saya ingat spesifikasi kepada perisian komputer yang hendak dibekalkan ataupun yang akan dihantar ke sekolah-sekolah itu perlu dibuat penelitian terlebih dahulu bagi memenuhi syarat yang diperlukan.

Akhir sekali saya ingin menyebutkan berhubung dengan usaha meningkatkan mutu sukan di peringkat sekolah-sekolah. Kadang-kadang kita tahu menerusi program

pembangunan sukan di sekolah ini sekarang ini menghadapi banyak *constrain*. Di antaranya padang sekolah yang terpaksa dikongsi dan saya telah mendapat maklumat bahawa

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang Berhormat....

Tuan Haji Wan Nik Wan Yusoff: Tidak ada masa dah....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Dah habis masa dah, hendak tanya Yang Berhormat tentang pengisian....

Tuan Haji Wan Nik Wan Yusoff: Boleh,boleh.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: ... Tentang pengisian komputer, sebab pagi ini, ini isu yang baik sebab Yang Berhormat ini walaupun kadang-kadang lebih politik tetapi pagi ini intelektual sikit. Pengisian komputer ini penting, saya berpandangan pengisian komputer ini kita kadang-kadang ambil pengisian luar negara dan kita alih bahasa sahaja.

Kita kadang-kadang tidak ada pengisian yang kita reka bentuk untuk kita di tempatan. Macam dahulu kita belajar dalam bahasa Inggeris, contoh-contoh nama-nama dalam orang Putih, orang Barat. Baru sekaranglah ada buku-buku orang Putih dicontoh oleh masyarakat kita. Begitu juga dengan pengisian komputer ini tidak direka bentuk tempatan dan tumpuan macam dahululah. Bagaimana pandangan Yang Berhormat, adakah kita perlu kepada satu pendekatan, reka bentuk yang asal untuk masyarakat kita di Malaysia. Minta pandangan Yang Berhormat sedikit.

Tuan Haji Wan Nik Wan Yusoff: Ini soalan-soalan daripada Yang Berhormat Rompin banyak menguji intelek sebenarnya. *[Ketawa]* Sebenarnya kita telah pun ada Universiti Multimedia untuk melahirkan ramai kreativiti di dalam bidang multi-media ini dan untuk *convert* ataupun untuk menyesuaikan perisian yang kita import daripada luar negara khususnya bagi memenuhi keperluan tempatan, perkara ini memang boleh diuruskan dan saya menyokong penuh usaha yang dibuat bagi memastikan lebih ramai kreativiti dalam bidang multimedia ini dilahirkan.

Daripada situlah kita boleh menjana suatu pendekatan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat masa cukuplah.

Tuan Haji Wan Nik Wan Yusoff: ... Terbaru. Hendak gulunglah ini tapi hendak gulung pun hendak memenuhi tajuk program Pembangunan Sukan tadi. Sikit sahaja, ha, bolehlah sebab Rompin sokong.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Mengangkat tangan menyokong]*

Tuan Haji Wan Nik Wan Yusoff: Konsep yang kita hadapi dalam program Pembangunan Sukan di peringkat sekolah, satunya ialah soalan kongsi padang. Ini satu perkara yang melibatkan kos dan juga melibatkan masa kepada guru-guru sukan di sekolah. Oleh kerana itu usaha ini perlu diteliti dengan lebih baik khususnya sekolah-sekolah yang telah pun ada padang seharusnya tidak digunakan untuk dibina bangunan-bangunan tambahan di padang tersebut.

Keduanya, satu permohonan untuk padang-padang baru bagi sekolah-sekolah yang berjauhan daripada padang yang sedia ada perlu dibuat melalui *acquirement* atau seumpamanya bagi memastikan padang sekolah yang sesuai untuk pembangunan sukan ini ada. Yang keduanya, satu *constraint* lagi ialah persoalan ada sekolah yang guru wanitanya lebih ramai daripada lelaki. Ini banyak kes berlaku.

Kalau di Kelantan saya ingat Yang Berhormat Rantau Panjang *confirm* perkara ini, sekolah di depan rumahnya sendiri di Sekolah Kebangsaan Kasah didapati 80% tenaga pengajarnya ialah guru wanita. Jadi dari sudut komitmen untuk memajukan sukan, bukan kita tidak percaya kepada keupayaan wanita untuk membimbing kemajuan sukan di sekolah-sekolah tetapi masalah yang dihadapi oleh wanita dengan jadual bersalinnya, jadual mengandungnya kemudian dihadapi lagi dengan ada sebilangan wanita terlibat aktif dalam UMNO, dalam Puteri UMNO yang menyebabkan masa itu terdesak untuk memberi sumbangan terbaik pada masa lapangnya dalam bidang sukan. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: 36(6) ini, ini tuduhan, dia kata wanita ada jadual mengandung, Bachok kena tarik balik. Mana ada jadual pula mengandung, ini tuduhan merendahkan wanita.

[Dewan riu] [Ketawa]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ...

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Mana ada jadual mengandung ini. Yang Berhormat Bachok kena tarik balik. Jadual yang lain ada tapi jadual mengandung tidak ada. *[Ketawa]*

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Siapa dulu, nanti, siapa dulu..

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Oh! Arau.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Oh! sudah sebut dah...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Arau berucap.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk turut berbahas dalam Jawatankuasa P.26 Kementerian Pendidikan. Yang Berhormat Bachok tadi menyebut wanita ini ada jadual mengandung, ada jadual melahirkan anak, saya rasa ini satu tuduhan yang tidak berasas. Ini Jadual Tuhan bukan jadual kita, dan dalam mendidik pelajar-pelajar di negara kita wanita telah pun memainkan peranan yang begitu besar dan kita patut berterima kasih kepada guru-guru dan juga pendidik wanita.

Tuan Pengerusi, kita lihat di sini peruntukan yang kita dipertimbangkan ini ialah RM12 juta untuk membiayai bayaran pendahuluan bangunan baru Jabatan Penuntut di United Kingdom dan juga Dewan Malaysia (Malaysia Hall) di London. Kita tahu bahawa usaha-usaha kita untuk melatih pelajar-pelajar di negara kita bukan sahaja di dalam negara tetapi di luar negara adalah di dalam usaha untuk kita meningkatkan kemahiran tenaga manusia dan tidak syak lagi inilah yang telah membawakan kejayaan kepada negara kita.

Untuk kita melahirkan pelajar-pelajar kita bukan sahaja pelajar-pelajar yang mempunyai akademik yang tinggi tetapi kita perlu melahirkan pelajar-pelajar yang boleh membawa misi kepada usaha-usaha untuk membangunkan negara itu sendiri, ini adalah penting. Oleh yang demikian saya berharap kepada Kementerian Pendidikan kita bukan sahaja menghantar pelajar-pelajar keluar negara untuk mereka menimba ilmu, yang kita tahu bahawa acuannya adalah acuan daripada luar negara dan ilmu yang mereka dapat daripada luar negara saya tidak pertikaikan tetapi kemampuan, keupayaan dan kebolehan mereka untuk menyelami hasrat dan cita-cita kita, arah tuju negara itu adalah penting.

Kita tidak mahu nanti apabila pelajar-pelajar ini, balik daripada luar negara bukan menjadi satu tenaga sumber yang boleh membangunkan negara malah mereka menjadi pengkhianat kepada pembangunan negara kita. Ini dapat kita lihat, banyak contoh-contoh yang dapat kita lihat. Oleh yang demikian, saya berharap kepada Kementerian Pendidikan kita jangan lepas tangan menghantar pelajar-pelajar keluar negara membiarkan mereka dibentuk dalam acuan di sana, sehingga bila balik ke sini baru kita membentuk pemikiran mereka. Ini akan menjadi masalah kerana kita hendak membentuk buluh biarlah daripada rebungunya.

Oleh yang demikian, saya berharap kepada Kementerian Pendidikan supaya Jabatan Hal Ehwal Pelajar diperkukuhkan. Pelajar-pelajar kita yang berada di luar negara hendaklah diberi pendidikan agama dan juga pendidikan kewarganegaraan walaupun mereka berada di luar negara.

Saya berharap kementerian sendiri menjalankan program ini, kita boleh buat *decision*, jangan dilepas pelajar-pelajar begitu sahaja, kita tengok di mana tempat-tempat yang mempunyai pelajar-pelajar yang ramai. Kita hantar pegawai-pegawai daripada pihak kementerian untuk mengawasi perjalanan mereka.

Saya bagi contoh ya, ini contoh sebagai ideologi komunis. Ideologi komunis ideologi memang tidak baik, saya tidak bersetuju dengan ideologi komunis. Negara komunis apabila mereka menghantar peserta-peserta kursus, saya pernah berkursus internasional di Egypt, dua orang sahaja pegawai yang dihantar pergi berkursus seorang mengikut dua orang yang pergi berkursus. Orang ini mengawasi mereka. Tapi kita tidaklah ekstrem sedemikian. Dalam keadaan itu kita jangan mengambil terlalu mudah sehingga pelajar-pelajar kita, kita lepaskan begitu sahaja. Kita tahu sekarang ini orang-orang, kumpulan-kumpulan yang anti...

Dato' Napsiah binti Omar: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kuala Pilah bangun.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Saya hendak habiskan di sini. Minta maaf Dato'. Kumpulan-kumpulan yang ekstremis misalnya kumpulan-kumpulan yang anti kepada Islam, mereka sudah tentu hendak merosakkan pelajar-pelajar Melayu Islam yang ada di luar negara memutarakan pemikiran mereka supaya seolah-olah mereka menyokong Islam tetapi tindakan mereka sebenarnya merosakkan orang-orang Islam dan orang-orang Melayu itu sendiri. Sila Dato'.

Dato' Napsiah binti Omar: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ini berkenaan dengan Maksud P.26 ini ialah berkenaan dengan kebajikan ataupun membeli bangunan baru Jabatan Penuntut Malaysia di United Kingdom.

Sebenarnya apabila Yang Berhormat Arau menyebut komunis tadi, jadi maka saya ingin bangun di sini untuk meminta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Arau. Adakah Yang Berhormat tahu iaitu di masa kita mengadakan Malaysia Hall dahulu ialah usaha-usaha untuk kita membanteras *influence* komunis ini di kalangan pelajar-pelajar kita di United Kingdom dan oleh itu bagi pandangan saya Malaysia Hall di London ini adalah satu tempat yang bersejarah.

Pada hemat saya sebagai orang lamalah, saya rasa elok juga kita simpan satu-satu khazanah ini supaya kita dapat memberitahu kepada anak-anak kita akan datang juga satu tempat di mana pelajar-pelajar kita berkumpul. Sebabnya bangunan ini adalah di tengah-tengah London, di Bryanston Square.

Jadi, pada pandangan saya inilah tempatnya bapa-bapa kita sebelum merdeka berkumpul di situ, Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Allahyarham Tun Razak, Allahyarham Tun Hussein, semua berkumpul di situ membincangkan berkenaan dengan negara kita sebelum merdeka.

Jadi, pada pandangan saya eloklah kerajaan bincang sekali lagi, kaji semula untuk menyimpan balik dan menggunakan, memperhebatkan lagi tempat Malaysia Hall ini kerana inilah pelajar-pelajar kita dahulu, bapa-bapa kemerdekaan kita berkumpul untuk membincangkan tentang kemerdekaan negara kita waktu itu. Terima kasih.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Pilah. Saya amat bersetuju dengan apa pandangan Yang Berhormat kerana inilah lahir anak pelajar, salah satu anak pelajar yang dididik oleh pemimpin pada masa dulu. Ini yang saya ingin kemukakan kepada Kementerian Pendidikan dan saya berharap Kementerian Pendidikan juga misalnya kita menghantar guru-guru daripada sini bagi mengawasi mereka, mereka boleh mengambil *course*, mereka boleh mengambil ijazah, mereka boleh mengambil apa juga peluang semasa berada di sana di samping mereka menjaga anak-anak kita. Jangan anak-anak tidak ada ibu bapa di sana.

Yang kedua Tuan Pengerusi berkenaan dengan bahasa Inggeris dalam pelajaran Sains dan Matematik. Saya melihatkan kita rakyat Malaysia begitu terkongkong pemikiran kita. Malahan kadang-kadang retorik, kita nampak pembangkang beria-ia untuk memperjuangkan bahasa Inggeris. Kita yang ada di sini, anak-anak kita yang ada di sini tidak menjadi mangsa sebenarnya, tetapi anak-anak orang kampung, anak-anak orang luar bandar menjadi mangsa. Anak-anak kita boleh berbahasa Inggeris sedangkan di kampung penggunaan bahasa Inggeris begitu minimum. Malahan orang-orang yang berada di kampung, saya dari Perlis misalnya, mereka yang berpendidikan bahasa Inggeris pun tidak *fluent* dalam bahasa Inggeris kerana kita tidak menggunakan bahasa Inggeris itu sebagai satu bahasa penggunaan harian.

Oleh yang demikian, Tuan Pengerusi, dalam penggunaan bahasa malah saya berpendapat bahawa orang Malaysia sepatutnya lebih *international*, lebih global lagi dalam penggunaan bahasa. Kenapa kita di Malaysia orang Melayu tidak boleh berbahasa Cina, orang Melayu tidak boleh berbahasa India sedangkan Cina dan India berada di sekeliling kita. Bagaimana pula orang Cina tidak boleh berbahasa India. Sepatutnya kita boleh sebagai orang Malaysia kita boleh berbahasa Cina, kita boleh berbahasa India, kita boleh berbahasa-bahasa yang lain yang ada di negara kita.

Apa salahnya kalau kita mempelajari bahasa-bahasa yang lain sedangkan bahasa-bahasa ini boleh menjadi satu sumber kekuatan kepada bangsa itu sendiri dengan kita tidak menyetepikan bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi negara. Ini soal memahami dan pandai menggunakan dan bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi ini adalah berlainan.

Tetapi malangnya di negara kita, kita nampak dalam tempat-tempat yang sepatutnya kita menggunakan bahasa rasmi, banyak orang akan bercakap orang puteh untuk menunjukkan intelektualnya. Padahal kita sepatutnya menggunakan Bahasa Malaysia dan dalam keadaan yang sebenarnya kita pun di luar, orang Melayu tidak pandai berbahasa Cina, orang Melayu tidak pandai berbahasa India.

Pada pandangan saya kalau kita hendak menjadikan bangsa Melayu, kalau kita hari menjadikan bangsa Malaysia sebagai bangsa yang maju dan internasional, kita perlu menggalakkan pemahaman dan keupayaan untuk menggunakan bahasa-bahasa lain yang digunakan di dunia ini. Itu tidak salah, lebih-lebih lagi.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, boleh gulunglah.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:Kalau kita dapat menguasai bahasa Inggeris dan juga bahasa Perancis, bahasa Arab. Oleh yang demikian, saya menyokong tindakan kerajaan untuk mengajar bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Sains dan Matematik.

Semasa saya belajar dahulu pun kita menggunakan teks bahasa Inggeris. Akhirnya Tuan Pengerusi, satu sahaja untuk menggulung, dari segi perpaduan kaum saya berpendapat bahawa negara kita harus memulakan dengan serius di mana pelajar-pelajar harus ditempatkan, diberi peluang untuk berinteraksi kerana interaksi di antara berbagai kaum ini akan dapat melahirkan satu rakyat Malaysia yang memahami dan juga yang mempunyai satu sikap pemikiran ke arah rakyat berbilang kaum yang lebih kukuh perpaduannya melalui sekolah. Dia tidak boleh melalui teori dan sebagainya kalau mereka berpeluang untuk bersama-sama, mereka akan dapat menjalin hubungan yang lebih rapat dan memahami antara satu sama lain. Saya harap Kementerian Pendidikan boleh mengambil perhatian. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Aturan Mesyuarat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Peraturan Mesyuarat 36(4), saya ingin mendapat *ruling* daripada Tuan Pengerusi hari ini tentang peristiwa yang berlaku pada 24 Jun mengikut seperti mana yang ada dalam *Hansard* pada muka surat di muka

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Atas, atas, ucapan

Tuan Husam bin Haji Musa: Sipitang, 54, 55 dan 56.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tidak ada di Dewan sekarang.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bolehkah kita

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya, apa dia

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: ...Membangkitkan semasa beliau beradalah.

Tuan Husam bin Haji Musa: Semasa dia ada. Kalau ada *ruling* dulu kemudian kita *apply*kan *ruling* itu pada masa dia ada?

Seorang Ahli: Dia tidak ada. Tidak ada pun.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Semasa dia adalah, kita, kita, kita

Tuan Husam bin Haji Musa: Dia ada sebut perkataan itu Yang Berhormat dalam *Hansard*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bila jam bila dia adalah.

Tuan Husam bin Haji Musa: Kalau dia tidak datang sampai dua bulan, macam mana? [*Ketawa*].

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepong, Kepong.

11.35 pagi

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, saya tidak akan mengambil masa yang panjang, P.26.

Tadi Ahli Yang Berhormat bagi Arau ada menyentuh sedikit sebanyak mengenai Dewan Malaysia di London dan juga Ahli Yang Berhormat bagi Rompin pun, satu perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Arau, walaupun negeri kecil ialah mengenai interaksi. Itu baik juga. Kita mesti adakan hubungan pelajar-pelajar semua kaum. Memang satu perkara kita menggalakkan.

Saya di sini hendak mencadangkan supaya pihak kementerian mengkaji. Mengkaji dari segi bangunan baru Jabatan Penuntut Malaysia di United Kingdom dan Dewan Malaysia London.

Yang pertama, apakah terjadi dengan bangunan sekarang? Apakah penyelesaian sama ada bangunan baru sudah didapati untuk menggantikan yang lama. Dari segi sejarah, dari segi pengalaman saya sendiri, Dewan Malaysia memang perlu. Kita perlu satu dewan di situ untuk semua kaum, pelajar-pelajar semua kaum.

Yang keduanya, bagi saya setakat ini hubungan di antara penuntut-penuntut semua kaum di London ataupun negara-negara yang lain tidak begitu rapat bahkan juga ada kalanya seolah-olah pusat untuk mengasingkan pelajar-pelajar berbilang kaum. Satu *divide*, satu suasana yang tidak baik untuk semua kaum. Ini bermakna pihak *Malaysian Students Department* – Jabatan Penuntut Malaysia - mestilah mengkaji dari segi fungsinya apakah tugas hanya untuk menyalurkan wang bagi yang mendapat biasiswa dan pinjaman daripada kerajaan ataupun untuk mempereratkan hubungan semua penuntut di London ataupun di negara-negara yang lain juga.

Ini memang satu perkara yang mesti dikaji dengan teliti, sebab setakat ini saya percaya pihak kerajaan ataupun kementerian lebih mengambil perhatian dari segi ini cuma asyik dengan Kelab UMNO sahaja. Itu tidak guna juga.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak guna juga kalau satu kaum sahaja. Itupun bukan semua orang Melayu di Kelab UMNO. [*Ketawa*]. Saya sebutkan hal ini kerana saya nampak asyik sangat, perhatian yang lebih banyak tetapi kita menumpukan perhatian kepada semua kaum. Ini baik.

Yang selepas itu, B. 26 Tuan Pengerusi. Saya seronok juga tengok sebanyak RM49,624,800 bagi pembangunan kecerdasan mengira dan *mental arithmetic* bagi murid sekolah rendah melalui pengenalan program *abacus* dan *mental arithmetic* dan sebagainya.

Di sini ada sebut abacus buat pertama kali dalam tempoh tiga, empat tahun ini. Apakah program ini, kejayaannya di semua sekolah di negara ini? Adakah sudah pun diberhentikan? Sudah diberhentikan. Bagi sayalah, program seumpama ini memang tidak patut dilaksanakan tanpa kajian yang teliti terlebih dahulu.

Saya pernah sebutkan banyak kali dan di sini saya hendak menyentuh sedikit sebanyak mengenai program yang baru di dalam pelan 10 tahun pendidikan kementerian. Dia hendak tambahkan pengajaran Matematik dan Sains menggunakan bahasa Inggeris.

Bagi saya, saya ada pengalaman dan di peringkat sekolah lagi saya menggunakan buku-buku teks di dalam Sains dan Matematik di dalam bahasa Inggeris. Saya bermula dengan itu, menggunakan bahasa Inggeris. Bagi saya tidak jadi masalah

tetapi saya nampak masalah ini mesti dipertimbangkan walaupun di dalam Perhimpunan UMNO baru-baru ini semua sudah setuju sekarang ini nampaknya.

Tetapi bagi saya patut kementerian kaji. Kita pilih sekolah-sekolah di semua kawasan yang boleh dijadikan satu melambangkan keadaan di masyarakat tertentu. Pilih beberapa sekolah, kemudian kita laksanakan program seumpama ini. Tengok macam mana formula ini dapat atau tidak digunakan untuk menjayakannya. Jangan kita jadikan program *abacus* dan tidak ada kejayaan.

Ada kekhawatiran daripada setengah-setengah orang mengenai mental blok kerana di setengah-setengah masyarakat terutamanya masyarakat luar bandar, kerana tidak ada peluang, faktor-faktor tertentu mereka memang ada mental blok, ada halangan daripada segi fikiran untuk menerima bahasa Inggeris termasuk tidak ada peluang untuk menggunakan bahasa itu dan sebagainya.

Masalah tradisi, kebudayaan, masalah masyarakat yang belum lagi dapat terima kerana ada halangan fikiran mengenai bahasa itu sebab itulah kita mesti berwaspada dalam pelaksanaannya. Kita hendaklah menyaksikan negara ini menggunakan banyak bahasa - *polyglot*. Ini memang satu perkara yang baik. Kita mesti galakkan kerana kita boleh tengok di Belgium, Netherlands, Denmark, Germany pun, mereka berbahasa banyak. Kalau kita nampak seorang daripada Holland dia memang kadang-kala fasih di dalam bahasa Inggeris misalnya atau bahasa Jerman.

Ini menunjukkan mereka memang menggalakkan *polyglot society*, suatu masyarakat yang menggunakan banyak bahasa. Di Malaysia pun saya sudah nampak di kalangan semua kaum. Orang Melayu sekarang ada pun fasih di dalam bahasa Mandarin. Memang banyak sudah sekarang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, berceramah di mana?

Dr. Tan Seng Giaw: Saya?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, sekarang berceramah di mana?

Dr. Tan Seng Giaw: Saya, saya tidak berceramah, mengemukakan cadangan bernas

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya tengok Yang Berhormat pandang ke sana.

Dr. Tan Seng Giaw: Kita mesti ada kepelbagaian. Kalau sentiasa tengok kepada Tuan Pengerusi pun bosan juga kalau tidak itu [Ketawa]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: [Ketawa] Yang Berhormat, sangkaan jahat [Ketawa]

Seorang Ahli: Tarik, tarik, tarik balik.

Dr. Tan Seng Giaw: [Ketawa] Kita mesti ada kepelbagaian. Sekarang kita cakap mengenai *polyglot society*, ada banyak bahasa, kalau kita lihat Tuan Pengerusi pun lihat kepada Setiausaha, kepada semua orang termasuk di *gallery* kita pun tengok juga [Disampuk] Integrasi juga, memang integrasi senang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila gulung.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sila gulung.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya hendak gulung sudah mengenai hal ini. Saya mencadangkan kita pilih beberapa sekolah dahulu. Jangan kita sekali gus. Tidak tahu formula yang baik, kita tengok mana yang baik. Sebab, kalau kita tengok dari segi Sekolah Bestari pun berapa tahun sudah sekarang kita ambil, belum lagi lihat kejayaan.

Sekarang Bestari, satu contoh yang baik dan program *abacus* pun satu contoh yang menunjukkan pihak kementerian tidak meneliti terlebih dahulu apabila melaksanakan program dan projeknya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terlintas sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya?

Tuan Husam bin Haji Musa: Terlintas sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw: Terlintas sahaja, Ahli Yang Berhormat bagi Kubang Kerian kata terlintas. Saya berharaplah pihak kementerian dapat meneliti ucapan saya bukan ceramah sahaja Tuan Pengerusi. Satu cadangan yang bernas dan *constructivelah*. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bandau.

11.44 pagi

Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Maaf jika suara saya tidak lantang kerana selsema. Terutamanya saya ingin melihat kepada di bawah Kepala Maksud P.26 Bahagian Pembangunan, di mana Yang Berhormat bagi Arau dan juga komen Yang Berhormat bagi Kuala Pilah mengenai Dewan Malaysia di London itu.

Saya ingin mengatakan pandangan yang sama bahawa harus barangkali belum terlewat bagi pihak kementerian duduk menyemak balik keputusan awal untuk menjual tempat itu ataupun menggunakannya untuk tujuan lain kerana saya melihat pada masa saya bercuti baru-baru ini dan setiap hujung minggu berjumpa di sana, dia masih tumpuan pelajar-pelajar Malaysia. Dia begitu tempat yang strategik sekali.

Kita berpendapat bahawa dan juga dari segi sejarahnya mesti ada sebab kenapa dia tidak harus diteruskan di tempat yang sama. Dia begitu *central* dengan izin dan seterusnya.

Namun demikian apa juga penggunaan ataupun menjualnya, kenapa pula wang yang didapati daripada penjualan tersebut tidak digunakan untuk terus mengambil tempat yang difikirkan lebih sesuai daripada mendapatkan peruntukan daripada Parlimen sekali lagi. Kecuali ini berasas kepada tiada tujuan untuk menjual tempat tersebut dan digunakan untuk tujuan lain.

Tuan Pengerusi, satu lagi pandangan kita ialah bagi dewan yang lama dan memperolehi dewan yang baru ini, Dewan Malaysia harus digunakan sepenuhnya untuk satu pusat maklumat. Saya melihat pada setakat ini dikatakan bangunan itu memang sekadar pada saat ini dalam keadaan kusai dan tidak digunakan ataupun dalam keadaan perlu dibuat *renovation* dengan izin.

Surat-surat khabar di bahagian restoran pun mahu dekat satu minggu, dua minggu lewat. Dia harus digunakan satu pusat untuk maklumat mengenai negara kita. Majalah-majalah kementerian barangkali *journals* - dengan izin - yang asas bagi universiti-universiti di Malaysia, video-video yang terkini mengenai pembangunan negara kita dan seterusnya supaya dia menjadi satu tempat maklumat yang terkini bagi pelajar-pelajar negara kita di tempat tersebut.

Seterusnya di bawah Kepala B.26, saya sekadar membuat beberapa komen dan pandangan. Satu, di bawah bahagian Bayaran Utiliti Perkhidmatan Kawalan Keselamatan ini dan Pembersihan Kawasan di Sekolah dan Asrama di mana RM105.6 juta.

Saya berpendapat ini suatu jumlah yang cukup besar. Saya inginlah supaya pihak kementerian memberi pecahan mengenai penggunaan ini sebab kalau ini sekadar bayaran kenaikan harga, RM105.6 juta kalau membina asrama yang sederhana di luar bandar, dia boleh bina 105 buah asrama. Saya baru melawat kawasan saya sendiri di kawasan Bandau di mana sekolah yang sudah lama saya sentuh dan saya akan tulis kepada pihak kementerian sekali lagi seperti SK Sungai Bagandai belum ada bangunan satu pun, masih lagi bangunan NGO yang dibina oleh Persekutuan dan di SK Takibang yang hanya boleh dihubungi melalui kawasan Ranau, rumah guru pun dalam keadaan usang kecuali satu blok yang dua guru sahaja boleh tinggal, tidak ada asrama.

Jadi kita mintalah pihak kementerian meninjau keperluan-keperluan asas seperti ini. Kalau RM105.6 juta digunakan untuk bayaran utiliti, keselamatan, pembersihan, tolonglah lihat secara lebih seimbang keperluan-keperluan di luar bandar supaya bukan asrama yang besar diperbaiki tetapi tempat-tempat yang sama sekali tidak ada asrama itu, kita bina demi untuk merapatkan jurang keperluan, jurang pembekalan utiliti-utiliti kepada sekolah-sekolah tertentu.

Seterusnya di bawah Kepala di mana Program Peningkatan Bahasa Inggeris. Pendekatan kita dalam perkara ini, kita menyokong usaha kerajaan untuk mengukuhkan, memperkuat lagi serta mempertingkatkan mutu pelajaran Bahasa Inggeris daripada prasekolah sampailah ke Tingkatan 6. Mengenai soal pengajaran juga dalam bahasa Inggeris bagi pelajaran Sains dan Matematik, ini pun pihak kita sokong penuh.

Namun dalam soal ini, kita minta pihak kerajaan membuat inventori yang tepat, inventori daripada segi guru-guru yang boleh dipakai untuk mengajar bukan sahaja bahasa Inggeris yang dicadangkan untuk ditingkatkan mutunya tetapi khusus guru-guru yang boleh menggunakan bahasa Inggeris untuk mengajar dengan sungguh-sungguh mata pelajaran Sains dan Matematik. Dengan izin, Tuan Pengerusi, *it is one thing to be able to speak the language, another thing to bear, but to use it to teach* - senang untuk menggunakan sebagai perhubungan tetapi sebagai bahasa penghantar bagi Sains dan Matematik, saya percaya ia memerlukan kemahiran yang lebih tinggi.

Jadi, kita minta pihak kementerian supaya membuat inventori, adakah guru kita mencukupi untuk tujuan ini khususnya kalau ia dilancarkan sekali gus pada semua sekolah di negara kita khasnya juga di luar bandar sebab kalau luar bandar tidak diberi perhatian dalam pengajaran Bahasa Inggeris, maka jurang itu akan bertambah luas lagi. Di mana hanya kawasan-kawasan bandar akan mendapat guru-guru yang fasih mengajar dalam bahasa Inggeris tetapi yang di luar bandar kita sekali lagi mendapat guru-guru yang bukan dikatakan *second class* tetapi mereka yang sukar dari segi mutunya dibandingkan dengan mutu guru-guru yang di kawasan bandar yang biasanya terpaksa dalam keadaan begitu. Yang di bandar diberi perhatian dan di luar bandar itu, mereka yang minat sahaja pergi ke sana ataupun yang tidak ingkar kalau dipaksa ke luar bandar, barulah kita mendapat guru-guru bagi dihantar ke luar bandar.

Dalam masa yang sama Tuan Pengerusi, bukan sahaja membuat inventori dari segi guru-guru tetapi membuat inventori bahan-bahan bacaan. Semenjak Akta Pendidikan Kebangsaan dilaksanakan, kita di Sabah dan Sarawak memang dari dahulu bersyukur kerana kita diberi *headstart*, dengan izin. Kalau saya tidak lupa bahawa di Sarawak 10 tahun dikecualikan dari segi pelaksanaan dan di negeri Sabah 7 tahun.

Maka di pentadbiran awam dan bahkan di dalam sektor swasta, masih banyak mutu penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa perhubungan dan bahasa tulis-menulis itu begitu tinggi sekali kerana disebabkan itu. Sekarang kita *complete the circle*, dengan izin, kembali lagi untuk menggunakan bahasa Inggeris. Kita mengatakan bahawa bukan sahaja tepat pada masanya tetapi berasaskan kepada pengalaman di Sabah dan Sarawak, ini adalah amat diperlukan.

Akan tetapi bahan-bahan itu begitu kurang kerana guru-guru sekolah telah menterjemahkan buku-buku daripada bahasa Inggeris ke bahasa Malaysia begitu juga di peringkat universiti. Maka barangkali keraguan dari segi kita melancarkan ini dengan cepat, saya rasa perlu kita mengkaji, adakah buku-buku itu mencukupi dan sebagainya. Saya rasa ini sangat penting dalam perkara ini sebab tidak ada juga faedahnya kalau kita sekadar melancarkan sekali gus dengan luas dan pada masa yang sama membawa masalah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh gulung.

Dr. Maximus Johny Ongkili: Saya ingin menggulung. Seterusnya di bawah Kepala yang di mana RM21 juta ini diberi bagi keperluan menawarkan Biasiswa Kecil Persekutuan dan biasiswa kelas persediaan universiti. Kita berharap sekali lagi bahawa pihak kementerian tidak melupakan pelajar-pelajar di luar bandar dan negeri-negeri yang terpencil supaya mereka mempunyai *excess* yang sama dengan pelajar-pelajar di kawasan bandar. Saya ingin bertanya, apakah kriteria-kriteria yang digunakan bagi memberi biasiswa-biasiswa kecil ini, Biasiswa Kecil Persekutuan dan juga kelas persediaan.

Yang terakhir Tuan Pengerusi, mengenai dengan kolej matrikulasi di mana di sini RM18.4 juta dipohon untuk menampung perbelanjaan di mana pengajian yang biasa dibuat oleh pihak kolej matrikulasi terpaksa dilaksanakan di institusi pengajian swasta. Dalam perkara ini, kita ingin mengetahui kenapakah ia lambat siap di Pahang dan Kedah? Pada masa yang sama, saya juga ingin merayu bagi pihak negeri Sabah supaya pihak kerajaan mempertimbangkan penubuhan satu kolej matrikulasi di Sabah. Sudah ada di Labuan yang digunakan bagi pelajar Sarawak dan juga pelajar dari

Sabah serta Persekutuan Labuan tetapi tidak mencukupi. Ramai pelajar yang dihantar ke Kota Kinabalu pada pertama kali tahun ini di Kolej Ibu Kota sebagai satu *franchise*, dengan izin, kerana tempat-tempat tidak mencukupi di situ.

Jadi, saya rasa sampai masanya bagi pihak kerajaan mempertimbangkan satu kolej matrikulasi khusus bagi Sabah dan Sarawak, satu negeri satu, supaya para pelajar-pelajar

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup!

Dr. Maximus Johnity Ongkili:Kita yang di luar bandar dan pelajar-pelajar yang cemerlang ini tidak payah pergi jauh daripada negeri Sabah dan negeri Sarawak untuk mendapatkan peluang belajar di kolej matrikulasi dan seterusnya pengajian tinggi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Parit Buntar.

11.53 pagi

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali [Parit Buntar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Dalam Kepala B.26, saya hendak pergi kepada Butiran 020000.

Dalam mana-mana sistem Tuan Pengerusi, tentang kejayaan sekolah, kejayaan pengajian, kejayaan pendidikan, kajian yang telah dibuat di seluruh dunia menunjukkan bahawa salah satu daripada kunci kejayaan sekolah ialah penglibatan ibu bapa kepada program persekolahan anak-anak.

Di Malaysia ini walaupun sudah timbul satu masa dahulu Program Memasyarakatkan Sekolah tetapi Tuan Pengerusi saya rasa antara program yang gagal yang dapat kita lihat dengan mata kita sendiri ialah Program Memasyarakatkan Sekolah iaitu mendekatkan ibu bapa dengan persekitaran sekolah, mendekatkan ibu bapa dengan sebahagian daripada aktiviti-aktiviti yang melibatkan anak-anak mereka di sekolah-sekolah yang mereka menghantar anak-anak mereka.

Kita dapati Tuan Pengerusi, aktiviti yang dibuat di peringkat sekolah terutamanya meminta ibu bapa datang ke sekolah sendiri di hujung-hujung semester dan di akhir-akhir semester untuk mengambil *report card* anak-anak mereka, pada masa yang sama diberikan pendedahan mengenai prestasi anak-anak dan di kaunseling ketika itu kepada ibu bapa tetapi rata-ratanya kajian yang dibuat di bawah 20% sahaja ibu bapa yang datang ke sekolah untuk mengambil *report card* dan mendengar sendiri daripada guru-guru mereka, daripada guru kelas, daripada pengetua atau guru besar, daripada penolong kanan mengenai prestasi dan keadaan anak-anak mereka di sekolah.

Hal ini sudah tentulah Tuan Pengerusi, saya rasa disebabkan oleh beberapa benteng. Sama ada benteng yang nampak, yang tidak nampak – *the unseen barriers* dan *seen barriers* yang terdapat di sekolah-sekolah yang menyebabkan mungkin ibu bapa kurang berminat dan tidak selesa untuk melangkah kaki dan masuk ke sekolah.

Oleh sebab itu, saya ingin mencadangkan Tuan Pengerusi supaya agaknya dalam *weekly assembly* yang biasanya di sekolah-sekolah di *Federated Malay States* di sini, dengan izin, ialah pada hari Isnin. Kalau boleh ucapan guru besar, ucapan pengetua itu bukan sahaja didengar oleh guru-guru, bukan sahaja didengar oleh pelajar-pelajar sekolah itu tetapi kalau boleh dibukakan kepada ibu bapa. Sambil mereka menghantar anak-anak mereka pada hari Isnin, sekolah itu dibukakan kepada mereka untuk sama-sama ibu bapa mengetahui pelan pelaksanaan sekolah, rancangan-rancangan sekolah, gerak kerja-gerak kerja sekolah, supaya dengan itu ibu bapa dapat memikirkan untuk melibatkan diri mereka secara langsung dengan gerakan meningkatkan mutu pelajaran di sekolah.

Sekali lagi saya hendak menyebut kajian yang dibuat Tuan Pengerusi, di Eropah dan juga di Amerika, didapati pelajar yang berjaya kerana ibu bapanya menyertai program mereka di sekolah. Pelajar yang kurang berjaya didapati kerana ibu bapanya kurang cenderung untuk melibatkan diri dalam program persekolahan anak-anak mereka khususnya hadir dalam program-program yang ditaja oleh sekolah di peringkat sekolah.

Yang kedua Tuan Pengerusi ialah soal saiz kelas. Saiz kelas kita dapati, purata saiz kelas sekolah menengah ialah 34.5 orang, besar itu dan purata saiz sekolah

ialah 34 orang. Lebih 35 orang dalam kelas, 43% sekolah menengah, 48% iaitu hampir 50% sekolah rendah. Terdapat 9,952 atau 24% sekolah rendah melebihi 40 orang.

Tuan Pengerusi, saya di akhir-akhir ini juga didatangi oleh ibu bapa. Guru-guru terutamanya banyak yang mengadu tentang ada satu fenomena yang berlaku di kelas-kelas sewaktu mereka mengajar. Apa fenomena itu? Fenomena itu ialah anak-anak tertidur dalam kelas. Bila masuk sahaja mata pelajaran yang kedua terutamanya selepas rehat Tuan Pengerusi, biasanya anak-anak tertidur. Yang di depan tertidur, yang di tengah tertidur, yang di belakang pun tertidur.

Hal ini menyebabkan saya rasa mati suasana pembelajaran, mati suasana dalam kelas, mati suasana ilmu dalam kelas. Apa sebabnya mereka tidur? Agaknya sebahagian daripada sebab yang diberikan kepada kita ialah tentang pemakanan. Saya diberitahu ada anak-anak yang pergi ke sekolah tidak makan. Ibu bapa tidak menyediakan makanan dan ada ibu bapa yang tidak mampu hendak beli belanja. Ada antara anak-anak yang pergi sekolah dapat tiga ringgit sehari, dua ringgit sehari tetapi bagi anak-anak kampung di Parit Buntar dan Sungai Burung yang saya wakili, kadang-kadang mereka memang tidak bawa belanja walau satu sen pun ke sekolah kerana kemiskinan dan sebagainya.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: *[Bangun]*

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Sekarang ini Tuan Pengerusi, sekolah telah mengadakan kelas-kelas tambahan bagi anak-anak yang akan menduduki peperiksaan UPSR, PMR, SPM dan sebagainya. Sekolah berlanjutan sampai pukul 3.00 dan pukul 4.00. Tidak makan waktu pagi, tidak makan pukul 10.00, tidak makan waktu *lunch*. Ada di antara mereka yang dilaporkan kepada saya pengsan kerana tidak dapat makan, kerana tidak makan pada hari itu.

Jadi, dalam suasana yang macam itulah agaknya Tuan Pengerusi, kalau dapat kita mempertimbangkan bagaimana caranya kita dapat membantu orang-orang miskin ini dengan memberikan sedikit pertolongan kepada mereka supaya mereka dapat dalam suasana yang begini, dapat sedikit kelonggaran dari segi untuk anak-anak mereka melanjutkan pelajaran ke sekolah dan untuk membasmi seperti saya katakan tadi suatu gejala fenomena tertidur dalam kelas itu...

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: *[Masih berdiri]*

Beberapa Ahli: *[Ketawa kerana Yang Berhormat Tanjong Karang telah lama berdiri]*

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Kemudian Tuan Pengerusi, ialah tentang guru-guru yang tidak terlatih. Guru-guru sandaran, guru yang tidak terlatih....

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: *[Mengetuk mikrofon]*

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Laporan Kesatuan

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat,.....

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: ..Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat! Setiausaha Parlimen bangun.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Sedikit sahaja.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Saya tidak mengizinkan, sepuluh minit...

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Sedikit sahaja, sedikit sahaja, sedikit sahaja, sedikit sahaja....okay, terima kasih.

Saya tadi dengar kajian Yang Berhormat telah buat mengenai anak-anak yang tidak makan datang ke sekolah. Saya hendak tanya Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat buat kajian berapa pula anak-anak miskin di luar bandar – Sungai Burung, Tanjong Karanglah tempat saya sekali, tempat kitalah. Adakah Yang Berhormat buat kajian, berapa ramai anak-anak yang miskin yang telah dapat menerima bantuan Rancangan Makanan Tambahan (RMT) yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan. Telah dibuat kajiannya atau belum?

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Yalah, Rancangan Makanan Tambahan dan sebagainya, tetapi kalau hendak saya sebutkan tentang profil mengenai kemiskinan di Sungai Burong, yang mana Yang Berhormat telah menjadi Wakil Rakyatnya sudah dua penggal, dan kerajaan telah memerintah hampir 50 tahun, [Sorak] ada orang yang hidup di rumah 8 kaki X 6 kaki, anak 8 orang – 4 orang duduk dengan nenek, tidak ada bilik, tidak ada bilik air, tidak ada air, tidak ada paip, tidak ada elektrik, tidak ada tandas, di kawasan Yang Berhormat. Yang Berhormat telah

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Apa tidak buat kerja ini? [Bercakap tanpa pembesar suara]

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Tidak buat kerja, memang tidak buat kerja. [Kecoh]

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat boleh bagi tahu namanya? Boleh bagi tahu nama dia? Jangan tipu.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Saya bagi tahu namanya.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Sebut sekarang.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Tinggal ...

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Sebut sekarang. Siapa nama orang itu?

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Nama ... banyak sangat nama. Saya...

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Sebut sekarang, jangan buat [Kecoh]

Seorang Ahli: Tidak tahu nama maknanya tidak buat kerjalah tu. Apa ini?

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Saya sebutkan. Tinggal di Kg. Tok Adam.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Siapa nama dia? Sebut nama.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Tinggal di Kg. Tok Adam, Ban Pasir.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Siapa namanya?

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Saya tidak ada namanya.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Habis kalau tidak ada nama, pembohonglah itu [Kecoh]

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Saya bukan pembohong [Kecoh]

Seorang Ahli: Ahli Parlimen Tanjong Karang tidak buat kerjalah.

[Dewan riuh]

Tuan Pengerusi : Yang Berhormat, sudahlah, sudahlah.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Sebut nama, siapa? [Kecoh]

Tuan Pengerusi: Bukan caranya begini, ini bukan caranya ya.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Memang bukan caranya.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat membuat tuduhan yang palsu.

Tuan Pengerusi : Sudahlah, sudahlah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ahli Parlimen dua penggal tidak buat kerja.

Tuan Pengerusi : Sudahlah.

Seorang Ahli: Ahli Parlimen pergilah sekali-sekali.

Tuan Pengerusi: Sudahlah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ya, Ahli Parlimen dua penggal ini tidak buat kerja. Lena ini.

Seorang Ahli: Pusat Khidmat tidak ada agaknya.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Tuan Pengerusi, saya tadi menyentuh mengenai guru sandaran, sebanyak 6,564 orang guru sandaran yang tidak terlatih – 3,319 orang di sekolah rendah dan 3,249 orang di sekolah menengah. Tuan Pengerusi, saya tidak tahulah macam mana kedudukan guru sandaran tidak terlatih, yang jumlahnya agak begitu besar dalam keseluruhan masyarakat perguruan di Malaysia ini. Apa yang sedang dilakukan terhadap mereka? Adakah rancangan untuk mengambil mereka sebagai guru tetap? Dan kalau misalnya yang tidak terlatih ini, adakah mereka terus tidak terlatih? Dan saya rasa kalau misalnya ada guru-guru yang mengajar di kelas-kelas, sama ada di sekolah rendah atau sekolah menengah, yang tidak terlatih, ini tidak akan memberikan bantuan kepada kecapaian anak-anak kita, khususnya kepada ibu bapa yang ingin melihat anak-anak mereka benar-benar berjaya.

Tuan Pengerusi, yang terakhir yang ingin saya sentuh di sini ialah Butiran 20000 – Dewan Bahasa dan Pustaka itu. Usaha yang dibuat, oleh kerana kerajaan telah pun membuat keputusan, saya pun tidak tahu keputusan itu dibuat, bagaimana, atas dasar apa, untuk mewajibkan pengajar Matematik dan Sains pada tahun 2003 ini, secara keseluruhannya di sekolah rendah dan di sekolah menengah, maka sudah tentulah ini menjejaskan usaha yang dibuat selama ini oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Bahkan Dewan Bahasa dan Pustaka, di antara kerja asasnya ialah menterjemah buku-buku daripada bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa lain, kepada bahasa Melayu, yang dibuat untuk mengisi kekosongan dari segi *resources*, dari segi sumber-sumber untuk membantu anak-anak kita belajar di sekolah rendah, belajar di sekolah menengah, sampailah ke peringkat pengajian tinggi di universiti. Dan saya sebenarnya Tuan Pengerusi, sangat kecewa dengan hal ini kerana Dewan Bahasa dan Pustaka telah diberikan peruntukan yang begitu banyak.

Melalui ucapan ini Tuan Pengerusi, saya fikir kalau misalnya Kementerian Pendidikan dapat memberi tahu kami berapa banyak sebenarnya peruntukan yang telah diberi kepada Dewan Bahasa dan Pustaka, sejak daripada awal lagi untuk menterjemah buku, untuk membuat istilah-istilah sains dan teknologi, kerana istilah-istilah itu sekarang sudah terkubur bila program untuk menjadikan bahasa Inggeris menggantikan bahasa Malaysia dibuat untuk pengajaran Sains dan Matematik.

Dan akhirnya Tuan Pengerusi, saya ingin juga menyebutkan tentang perkara mengenai sekolah ini, iaitu tidak lain dan tidak bukan Tuan Yang di-Pertua, kita hendakkan sekolah-sekolah adalah menjadi pusat-pusat kecemerlangan

Datuk Bung Moktar bin Radin: [Bangun]

Tuan Pengerusi : Hendak bagi jalan atau tidak Yang Berhormat?

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Tidak, tidak. Menjadikan pusat-pusat kecemerlangan di kampung-kampung, di bandar-bandar dan di mana juga. Kita hendak sekolah-sekolah ini menjadi *communal hub*, dengan izin, menjadi *the hub of communities*. Inilah tempat menjadi perhimpunan, perkumpulan orang-orang kampung, orang-orang bandar, dan di mana-mana juga, untuk memikirkan bersama-sama bagaimana hendak memajukan kampung itu dengan menggunakan sekolah itu sebagai jambatan utama untuk merangka program-program memajukan perkampungan mereka, memajukan bandar mereka dan memajukan tempat tinggal mereka.

Maka dengan itu Tuan Pengerusi, saya berharap apa yang saya sebutkan ini akan mendapat perhatian daripada Kementerian Pendidikan dan dengan itu diharapkan apa juga sedikit permasalahan yang saya berikan ini, Tuan Yang di-Pertua, diambil tindakan dan sesungguhnya ini akan dapat membantu untuk mencemerlangkan lagi bidang pendidikan di Malaysia ini. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, begitu ramai orang hendak bercakap.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya sudah bangun dua hari Tuan Pengerusi – peringkat dasar tidak dapat, peringkat Jawatankuasa pun tidak dapat.

Tuan Pengerusi: Cukuplah. Cukuplah, saya hendak bagi satu sahaja lagi, cukuplah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tuan Pengerusi berjanji hendak bagi. Kalau boleh hanya lima minit sahaja.

Tuan Pengerusi: Semalam Yang Berhormat daripada Pokok Sena sudah berucap, ya. [Ketawa] Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah. Yang Berhormat bagi Kubang Kerian sahaja dibenarkan. Yang lain saya tidak bagi. Selepas itu kementerian akan menjawab.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana telah melaksanakan perjanjian antara kita berdua [Ketawa]

Seorang Ahli: Ada formulakah? Ada formula penyelesaian?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [Bangun]

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya merujuk kepada ..

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak minta penjelasan apakah dia perjanjian yang dimaksudkan? [Bercakap tanpa pembesar suara]

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya tidak mahu diganggu Tuan Pengerusi. Itu hanya simbolik Tuan Yang di-Pertua. [Ketawa] Kementerian Pendidikan Maksud B.26 Perkara 3 dan 4 iaitu ..

Tuan Pengerusi: Harap jangan bercakap di atas dasar Yang Berhormat. Saya dengar ramai yang bercakap atas perkara dasar.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya, saya pada peringkat ini Tuan Pengerusi. Pertama, berkenaan dengan biasiswa. Saya menyokong cadangan Yang Berhormat bagi Parit Buntar. Bila lazimnya, dalam kertas ini pun disebut, bahawa penerima biasiswa ialah pelajar yang berkelayakan, iaitu mana-mana pelajar daripada keluarga miskin yang cemerlang diberikan biasiswa. Pada hari ini saya ingin mencadangkan supaya kita memberikan perhatian sama kepada pelajar yang tertinggal.

Sebahagian daripada pelajar miskin, mereka tidak mencapai kecemerlangan pembelajaran kerana kemiskinan keluarga mereka. Mereka tidak mempunyai wang yang secukupnya untuk bekalan mereka bersekolah dan untuk mendapatkan tuisyen, mendapatkan buku-buku tambahan, tetapi dengan sebab itu juga mereka akan tercicir sepanjang hayat mereka. Dan kalau kita lihat, saya telah sebutkan sebelum daripada ini, laporan profil penagih-penagih dadah, sebahagian besar daripada penagih dadah, 70% daripada mereka ialah pelajar-pelajar yang gagal pada peringkat peperiksaan PMR dan juga SPM lagi, dan inilah salah satu sebab mereka terjerumus ke kancah ini. Oleh yang demikian, sebagai prihatin kita, atas dasar kemanusiaan kita, pelajar yang lemah daripada keluarga yang miskin, seharusnya juga dijadikan sebagai kategori yang diberikan perhatian untuk menerima biasiswa.

Kemudian, saya berpindah dalam masa yang singkat ini kepada peningkatan bahasa Inggeris. Saya telah menyemak statistik kelulusan pelajar-pelajar kita, saya ambil yang terakhir kerana masa adalah singkat, keputusan pada tahun 1999 bagi kelulusan Bahasa Inggeris. Pelajar kita yang lulus Bahasa Inggeris hanya 61% di seluruh negara, tetapi yang lulus dalam Matematik ialah 71% dan Sains sebanyak 83.8%, dan ini menunjukkan bahawa kelulusan pelajar dalam mata pelajaran *medium*, iaitu Bahasa Inggeris, adalah rendah daripada mata pelajaran yang kita ingin tukarkan *medium* pengajarannya, iaitu Sains dan Matematik.

Hipotesis ini bermakna, bahawa jika kita memindahkan *medium* pengajaran ini dalam masa yang singkat dengan secara yang begitu *ad-hoc* dan drastik akan menyebabkan lebih ramai pelajar akan gagal dalam mata pelajaran Sains dan Matematik, kerana mereka tidak menguasai *medium*nya, iaitu Inggeris – bahasa Inggeris. Dengan *medium* bahasa Malaysia, mereka sudah mencapai lebih 80% daripada pelajar-pelajar kita yang mengambil keputusan peperiksaan telah berjaya. Tetapi dengan pencapaian Bahasa Inggeris yang lebih rendah, dan mereka akan dipaksa untuk belajar dalam bahasa Inggeris untuk mata pelajaran Sains dan Matematik, dan guru yang sebelum ini juga belajar dalam bahasa Malaysia dalam Sains dan Matematik, dan ini dapat dibuktikan daripada senarai yang saya dapat daripada Kementerian Pendidikan, bilangan guru yang mengajar mata pelajaran Sains dan Matematik, di mana mata pelajaran utama mereka ialah Bahasa Malaysia berbanding dengan Inggeris, bilangan mereka adalah jauh *proportion* mereka, subjek pertama pengajaran mereka ialah Bahasa Malaysia, subjek pengajaran keduanya ialah Sains, *proportion* mereka adalah jauh lebih besar daripada guru yang mengajar subjek pertama Bahasa Inggeris, subjek kedua ialah Sains dan Matematik.

Oleh kerana itu perubahan ini akan mengalami perubahan *structural*, yang memerlukan beberapa persiapan dan masa. Jika tidak, guru sendiri gagal untuk mengajar dengan *medium* Inggeris bagi mata pelajaran Sains dan Matematik, pelajar-pelajar gagal memahaminya, tetapi mereka dipaksa dalam satu tahun, untuk menjawab soalan sains dengan menggunakan bahasa Inggeris sedangkan subjek Bahasa Inggeris sendiri mereka telah pun gagal.

Ini ialah gambaran daripada pengurusan *failure*, kegagalan kerajaan secara yang tidak wajar. Pada peringkat yang pertama kita gagal untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris – itu *subject matter* kita. Tetapi penyelesaian kita untuk mereka menguasai bahasa Inggeris ialah memaksa mereka belajar Sains dan Matematik dalam masa yang begitu singkat dan drastik.

Penyelesaian ini, ubat ini, saya rasa bukan satu ubat yang boleh menyelesaikan masalah yang sebenar, tetapi jika kerajaan masih berkeras untuk melaksanakan polisi yang *ad-hoc* dan drastik ini, kerajaan harus datang ke Dewan ini, memberikan satu Kertas Putih pelan rancangan bagaimana mereka dapat menukar guru yang dahulunya mengajar dalam bahasa Malaysia dan belajar Sains dan Matematik juga dalam bahasa Malaysia, boleh dalam masa satu tahun mengajar dalam bahasa Inggeris. Apa rancangan mereka? Apa *supporting programme* yang mereka akan sediakan? Dan bagaimana jika pelajar ini terkorban pada tahun hadapan jika mereka tidak menguasai bahasa Inggeris dan mereka gagal dalam Sains dan Matematik? Bukan sahaja kita tidak akan dapat bersaing di peringkat dunia, kita telah mengorbankan mereka dalam bumi mereka sendiri, di atas tanah air mereka sendiri. Usah hendak bersaing secara global, mereka mungkin gagal dalam mata pelajaran Sains dan Matematik yang sangat penting ini kerana kegagalan menguasai medium. Apakah jaminan kerajaan terhadap pelajar-pelajar yang terkorban itu pada tahun akan datang, bermula pada tahun akan datang?

Oleh kerana itu saya cadangkan kerajaan membawa Kertas Putih dan bantangan dalam Parlimen ini supaya kita menjadi lebih jelas tentang program-program kerajaan, dan ini tidak dilaksanakan secara *ad-hoc*, secara terlintas – Perdana Menteri terlintas, semua orang kelam-kabut. Jadi tanggungjawab moral Kementerian Pendidikan, saya minta dalam sidang Dewan akan datang, untuk membentangkan satu kertas pelaksanaan program ini, dan kita akan bahaskan. Jika tidak, Kementerian Pendidikan sebenarnya telah lari daripada tanggungjawabnya menguruskan kegagalan ini – kegagalan penguasaan bahasa Inggeris, kegagalan menjadikan pelajar Melayu mantap, seperti yang disuarakan oleh Perdana Menteri. Bila Melayu dapat projek, dia jual projek itu. Ini ialah kegagalan Kementerian Pendidikan. Kegagalan Melayu menguasai ekonomi negara, kegagalan Melayu menguruskan dirinya sehingga terjebak ke dalam gejala sosial. Ini adalah kegagalan Kementerian Pendidikan yang serius, tetapi dalam masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, kita ada kenyataan yang bertentangan. Apabila kita katakan bahawa pelajar kita telah berjaya, pelajar Melayu berjaya memasuki universiti dalam jumlah 70% daripada jumlah kemasukan, dan ini ialah berasaskan meritokrasi, kita katakan ini kejayaan. Tetapi bila kita hembuskan mereka untuk belajar bahasa Inggeris, kita katakan mereka telah gagal. Ini adalah kenyataan yang saling bertentangan. Pada satu masa kita kata mereka telah berjaya, pada satu masa yang lain kita katakan mereka gagal. Jadi sebab itu saya mencadangkan sekali lagi Kertas Putih, termasuk pencapaian kita pada keseluruhannya, apa permasalahan kita yang sebenarnya, dapat kita bantangkan, dan ini berasaskan kajian.

Saya masih ingat pada zaman Tun Razak, pada zaman Tun Hussein, bila mereka hendak membuat satu perubahan besar dalam sistem, dalam dasar pendidikan negara, mereka buat *report* – Report Abdul Rahman Talib, *Report* itulah, *Report* inilah, dan dibentangkan di dalam Parlimen. Rakyat tahu, rakyat bersedia dan dibentangkan apa penyelesaiannya secara yang begitu teliti. Tidak mungkin Menteri Pendidikan kita sudah lupa tradisi kita dalam perkara sebesar ini? Jadi, ini persoalan yang saya memerlukan jawapan yang serius pada hari ini. Adakah kita memerlukan ...

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Masa Yang Berhormat sudah cukup. Sudah 10 minit.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya? Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sudah 10 minit.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya, Oh! Yang Berhormat bagi Arau. Masa sudah habis.

Tuan Pengerusi: Masa sudah habis Yang Berhormat ya. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kementerian jawab ya.

12.14 tgh

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Pengerusi, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian, untuk sama-sama membincangkan mengenai dengan Kementerian Pendidikan. Dan saya akan cuba menjawab bagi beberapa orang yang telah bangkit tadi mengenai dengan Kementerian Pendidikan. Pertama, iaitu Yang Berhormat bagi Batang Lupar telah membangkitkan mengenai dengan guru yang sudah bersara, bolehkah atau tidak kita mengambil secara kontrak. Di antara langkah yang telah kita ambil sekarang oleh Kementerian Pendidikan bagi mengatasi masalah kekurangan guru terlatih bahasa Inggeris ialah dengan melantik guru yang telah bersara wajib untuk berkhidmat sebagai guru kontrak.

Keduanya mengenai dengan sistem meritokrasi. Kaedah kemasukan ke IPTA kita menggunakan pencapaian akademik sepenuh dan markah kokurikulum akan hanya digunakan sebagai penentu jika terdapat dua atau lebih pemohon yang mempunyai kedudukan merit yang sama berdasarkan pencapaian akademik. Bagi calon SPM pula *rankingnya* disediakan berdasarkan markah akademik untuk lapan mata pelajaran utama dan tiga mata pelajaran terbaik yang lain. Markah untuk lima mata pelajaran utama adalah kita beri 90 markah dan 30 markah untuk tiga mata pelajaran terbaik yang lain. Dengan markah keseluruhan yang akan diperolehi ialah sebanyak 120 markah.

Kaedah pemilihan ialah:

- (i) senarai merit yang akan disusun;
- (ii) memilih garis senarai bermula dari merit tertinggi;
- (iii) semak syarat kursus; dan
- (iv) kursus ditawarkan jika kekosongan mengikut keutamaan pemilihan calon.

Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu juga telah membangkitkan beberapa persoalan seperti apakah kerajaan membenarkan pewujudan Kelab UMNO, MCA, MIC dan diberi pertukaran untuk menjalankan aktiviti. Kerajaan tidak menggalak pelajar-pelajar terlibat dalam mana-mana parti politik sama ada di dalam ataupun di luar negara. Kelab UMNO di luar negara bukanlah sebuah pertubuhan politik tetapi ia merupakan sebagai sebuah kelab untuk menjaga kebajikan pelajar-pelajar Malaysia yang berada di luar negara. Pelajar-pelajar dalam negeri tidak dibenarkan terlibat di dalam politik seperti mana yang termaktub dalam AUKU 1971.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Ya, ada yang bangun Yang Berhormat. Ya, Kuala Terengganu.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya tidak faham apa yang dijawab oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bahawa kelab UMNO di luar negeri merupakan bukan satu pertubuhan politik hanya menjaga kebajikan sedangkan di tangan saya ini ada senarai program-program Kelab UMNO di London di mana ada menteri, timbalan menteri yang memberikan program-program politik, *recruitment* kepada ahli-ahli pelajar-pelajar untuk menjadi ahli UMNO, borang-borang keahlian dan juga program-program yang dijalankan ini adalah program-program politik. Jadi, ini satu penipuan yang besar di Parlimen ini. [Tepuk]

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Untuk Yang Berhormat mengatakan ini satu penipuan saya tidak dapat terima. Saya pohon kepada Tuan Pengerusi, supaya Yang Berhormat menarik balik.

Tuan Pengerusi: Ya, itu dia kata bukanlah kepada sesiapa Yang Berhormat. Dia kata satu penipuan sahaja. Jika diarahkan kepada sesiapa barulah tidak boleh Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: .. dan saya minta Yang Berhormat..

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tidak menyala Tuan Pengerusi, [*Menekan suis pembesar suara tetapi tidak menyala*] saya hendak membuat penjelasan kepada Yang Berhormat fasal Kelab UMNO ini. Saya kena *declare* saya Presiden Kelab UMNO dahulu dan sekarang ini juga Pengerusi Pertubuhan Kelab UMNO di Luar Negara. Saya hendak bertanya Yang Berhormat yang mana lebih menipu antara Kelab UMNO dengan Hizbi. Kelab UMNO kalau membuat program berjumpa menteri, menteri ialah kerajaan kerana pelajar ini di luar negara ditaja oleh kerajaan, maka apa salahnya dia berjumpa dengan pemimpin kerajaan tetapi Hizbi yang diketuai oleh pelajar-pelajar yang ditaja oleh kerajaan tetapi mereka ini apabila membuat program-program mereka, mereka tidak menjemput pemimpin kerajaan.

Mengapa dia mesti menjemput pemimpin pembangkang dan siapa yang melakukan penipuan sama ada Kelab UMNO ataupun Hizbi? Kelab UMNO memang terang tetapi kita berjumpa dengan pemimpin kerajaan kita. Sebaliknya Hizbi ini tidak menggunakan PAS menipu, mengaburkan mata mengenai Hizbi tetapi menjemput pemimpin PAS setiap kali program-program yang mereka adakan, seminar musim panas dan sebagainya. Saya hendak bertanya pendapat Yang Berhormat Setiausaha Parlimen siapa yang menipu Kelab UMNOkah atau Hizbi yang dinaungi oleh PAS?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Yang Berhormat bagi Tanjong Karang, sebenarnya apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, Yang Berhormat itu adalah lebih bersifat daripada hipokrit. Macam juga Yang Berhormat tahu kegiatan PAS di luar negara begitu berleluasa terutama sekali di Britain sehingga macam kata Yang Berhormat bagi Tanjong Karang tadi pergerakan Hizbi misalnya, mengutuk Kerajaan Malaysia ini tidak habis-habis. Jadi, macam juga dikatakan tadi apakah tidak boleh menteri-menteri kerajaan bertemu dengan penuntut-penuntut Malaysia..

Tuan Nasharudin bin Mat Isa: [*Bangun*]

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Saya tidak beri jalan lagi kepada Yang Berhormat bagi Yan.

Tuan Pengerusi: Tidak beri jalan Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: .. dan kalaulah bercakap mengenai kita ini pembohong saya rasa Yang Berhormat dua kali, lima kali pembohong kepada Dewan ini. [*Tepuk*] Kegiatan yang dilakukan oleh parti Yang Berhormat cukup dahsyat tidak ada satu benda pun yang kita buat ini baik. Macam Kelab UMNO untuk membantu pelajar-pelajar Malaysia apakah ini tidak baik?

Tuan Pengerusi: Ya, sila teruskan Yang Berhormat. Sila jawabkan ya, yang lain

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Yang Berhormat dia sengaja untuk menaikkan darah saya ini. Dia orang ini memang cari pasal ini yang PAS ini [*Ketawa*] ia cukup hipokrit. Yang Berhormat bagi Klang juga telah membangkitkan mengenai dengan tindakan kepada syarikat-syarikat yang menawarkan biasiswa kepada pelajar yang bekerja sambilan. Kementerian Pendidikan hanya menawarkan biasiswa kepada murid-murid di sekolah iaitu Biasiswa Kecil Persekutuan dan juga biasiswa untuk pegawai-pegawai pendidikan iaitu guru untuk melanjutkan pengajian di peringkat yang tertinggi.

Biasiswa untuk mereka yang sudah bekerja bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan. Sebenarnya ini patut ditujukan kepada Kementerian Sumber Manusia. Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam juga membangkitkan mengenai dengan mewujudkan satu peperiksaan untuk kemasukan ke universiti. Kementerian Pendidikan sememangnya mengambil maklum akan pandangan yang disuarakan oleh pelbagai pihak mengenai cadangan untuk menyatukan peperiksaan STPM dan matrikulasi kepada satu peperiksaan atau yang dipanggil, dengan izin, *common examination* untuk menentukan kelayakan ke universiti.

Dalam hal ini kementerian berpendapat bahawa kajian yang terperinci perlu dilakukan sebelum ianya dilaksanakan bagi memastikan kaedah itu tidak menimbulkan implikasi negatif kepada sistem pendidikan negara yang mengamalkan kepelbagaian ini. Satu peperiksaan umum untuk kemasukan ke IPT haruslah merangkumi

kemasukan ke IPTA dan IPTS. Dengan ini pihak IPTS akan menghadapi masalah memperolehi pelajar luar negara yang datang dari pelbagai sistem yang juga perlu mengambil peperiksaan umum tersebut. Oleh yang demikian, kita berharap peperiksaan yang ada seperti hari ini iaitu STPM dan sistem matrikulasi masih tetap berfungsi dengan sebaik-baiknya ataupun peperiksaan yang kita kata sama taraf.

Di sini saya boleh membuat analogi juga seperti kita memakai kasut, analogi kasut di Jepun Tuan Pengerusi, kita pakai saiz 40, Britain kita pakai saiz 6, di US kita pakai saiz 7 tetapi semuanya sama saiz. Yang Berhormat bagi Bachok pula telah..

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Kepong bangun.

Seorang Ahli: Ha! taruh.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat kalau kita pakai kasut, kasut matrikulasi dan kasut STPM, itu jenama tidak sama, saiz pun tidak sama dan juga isi kandungan di dalam juga tidak sama, ia *curve* tidak sama, semua tidak sama. Tuan Pengerusi, bolehkah Yang Berhormat mempertimbangkan macam mana kita boleh selaraskan semua ini supaya standard itu seragam, yang dipertikaikan ialah *standard* tidak diseragamkan, itu masalah Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, adakah Yang Berhormat sedar bahawa tidak kira kaum sesiapa yang mengambil STPM dan sesiapa yang mengambil matrikulasi memang mereka di dalam hati nuraninya tahu, ini tidak serupa. Memang tidak serupa calon STPM menganggap mereka lebih tinggi tarafnya. Sekian, terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya saya beri analogi tadi mengenai dengan saiz kasut. Di Jepun saiznya saya kata 40, di Britain saiznya 6, di US saiznya 7 tetapi sama, macam kasut saya Yang Berhormat [Sorak][Tepuk] Jadi, buat di mana pun di setiap negara dia ada saiznya tetapi saiznya sama. Tidak perlulah tepuk Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Kalau Yang Berhormat bagi Kubang Kerian hendak melihat kasut saya, saya boleh tunjuk [Ketawa].

Jadi, begini Yang Berhormat..

Puan Chong Eng: [Bangun]

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Nanti saya jawab dahulu ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: [Menyampuk]

Tuan Pengerusi: Ya, tidak usahlah, tidak payah. Ya Yang Berhormat hendak beri jalan kepada Bukit Mertajam?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tidak, belum lagi. Saya belum habis menjawab lagi, tunggu sekejap ya. Jadi, begini Yang Berhormat bagi Kepong, terkepong, maafkan saya. Saya selalu lupa terkepong ini, dia terkepong pemikirannya agak terkepong. Begini..

Puan Chong Eng: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Nanti sekejap Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, bagi dia habiskan dahulu ya.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Di STPM kita ada kaedahnya dan di matrikulasi kita ada kaedahnya. Tetapi dalam masa yang sama kita kata *equivalent* ataupun sama taraf dengan demikian kita rasa tidak harus kita mengikat diri kita dengan mengatakan bahawa kita ada satu peperiksaan untuk semua sekali. Tadi telah saya jelaskan bahawa bagaimana pula dengan pelajar-pelajar lain yang mendapat peperiksaan dari luar negara misalnya. Jadi kita gunakan itu sama taraf. Begitu juga misalnya markah-markah yang diberi oleh setiap pusat pengajian tinggi markahnya kalau di US misalnya kita beri 'A', kalau di Universiti Malaya kita beri 'A' apakah itu sama taraf ataupun tidak sama taraf bergantung. Ya, kemudian Yang Berhormat bagi Bachok juga telah membangkitkan mengenai dengan...

Puan Chong Eng: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam bangun..

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Mengenai dengan ini juga saya rasa sudah jelaskan.

Tuan Pengerusi: Berkenaan dengan kasut ya? [*Ketawa*]

Puan Chong Eng: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ada satu pertanyaan ataupun cadangan. Sekiranya peperiksaan STPM..

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat boleh bertanya sahaja bukan bercadang.

Puan Chong Eng: Ya, saya hendak bertanya. Kalau STPM *standardnya* adalah sama dengan peperiksaan sijil matrikulasi. Jadi, tidak perlu kita mengadakan dua aliran. Adakan satu sahaja semua mengambil peperiksaan STPM ataupun semua mengambil matrikulasi, mengapa perlunya, kalau mereka ada benda yang sama, mengapa perlu diasingkan?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Kita harus ingat, baru-baru ini kita mengambil kira peperiksaan STPM dan matrikulasi. STPM telah lama wujud, kemudian bagaimana pula sejarah matrikulasi itu wujud kemudiannya, dan jangan mengatakan bahawa penuntut-penuntut yang sudah mengikuti matrikulasi itu adalah penuntut-penuntut yang kurang baik prestasinya. Mereka adalah yang 20 agregat ke bawah dan kita ada sebab musabab mengapa matrikulasi diwujudkan.

Dan kemudian pula, peperiksaan matrikulasi bukanlah ia dijalankan sedemikian rupa tanpa mempunyai *external examiners* untuk memeriksa sama ada peperiksaan itu sama taraf atau tidak. Itu soalnya. Jadi, saya rasa tidak perlulah kita mengikat diri kita dengan mengadakan bahawa kita harus satukan *examination* ini dan kita mengikat diri kita akhirnya. Ini buat masa inilah.

Yang Berhormat bagi Bachok telah membangkitkan mengenai dengan mutu perkhidmatan pengawal keselamatan sekolah. Kementerian Pendidikan sentiasa memantau perkhidmatan pengawal keselamatan sekolah supaya ia mencapai tahap perkhidmatan yang diharapkan. Jika berlaku kehilangan disebabkan oleh kelalaian pihak syarikat keselamatan, maka syarikat yang bertanggungjawab untuk menggantikan berdasarkan tafsiran barangan tersebut.

Yang Berhormat bagi Bachok juga telah membangkitkan mengenai dengan kualiti sukan di sekolah. Bagi sekolah-sekolah yang tidak mempunyai padang, kementerian akan membina dewan serbaguna untuk digunakan bagi aktiviti-aktiviti sukan dan ko-kurikulum. Bagi sekolah-sekolah rendah dan menengah yang dibina, termasuk sekolah yang dipanggil, dengan izin, *high rise*, sebuah gimnasium turut didirikan dengan kedudukan peralatan yang lengkap untuk sukan.

Yang Berhormat bagi Bachok juga telah membangkitkan mengenai dengan meningkatkan mutu sukan di sekolah, kementerian perlu melantik lebih ramai guru lelaki. Kementerian Pendidikan menyedari memang terdapat bilangan guru perempuan yang ramai berbanding guru lelaki tetapi ia tidak menjejaskan prestasi sukan. Kementerian sentiasa berusaha untuk menggalakkan calon guru lelaki untuk menyertai perkhidmatan pendidikan bagi mengatasi masalah tersebut.

Yang Berhormat juga telah membangkitkan mengenai dengan guru-guru lepasan KPLI, opsyen bahasa Inggeris, memohon mengajar di Kelantan dan yang telah dihantar ke Sabah dan Sarawak.

Berdasarkan keperluan sesebuah negeri, Sabah dan Sarawak mengalami kekurangan guru kerana buat masa ini, ramai guru bahasa Inggeris di sana adalah terdiri daripada guru sandaran tidak terlatih. Jadi, walau bagaimanapun, mengikut keperluan KPM akan mengisi kekosongan di negeri-negeri lain dari masa ke semasa.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: [*Bangun*]

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi: Padang Terap bangun ya. Padang Terap bangun dulu ya. Ya, Padang Terap.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Setiausaha Parlimen. Berhubung dengan kekurangan guru bahasa Inggeris, sudah lama kita dengar. Nampaknya kementerian setakat ini gagal mengatasi masalah ini. Sebab itu kita lihat sekolah-sekolah di luar bandar termasuk sekolah-sekolah di kawasan aya, Sekolah Kebangsaan Kuru Hitang, umpamanya ada 12 kelas, guru Bahasa Inggeris –1, guru Matematik – 1 dan guru Sains – 2. Sekolah Kebangsaan Belukar Luas, bilangan kelas ada 15, guru Bahasa Inggeris –1, guru Sains – 1 dan

muridnya seramai 556 orang. Sekolah Kebangsaan Bukit Tembaga, guru Bahasa Inggeris – 1, guru Sains – 0 dan Matematik – 1.

Jadi, sudah lama perkara ini berlaku dan sekarang ini seperti mana yang saya katakan dua tiga hari lepas, hendak galas 'biawak hidup', masa itulah hendak mengajar Matematik dalam bahasa Inggeris. Jadi, atas formula apakah saranan ini dibuat? Minta penjelasan.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat. Tidak adalah sampai ke peringkat kita hendak tanggung 'biawak'. Lainlah daripada parti PAS ini, tanggung 'biawak' atau tidak. Kita tidak.

Sebenarnya, Kementerian Pendidikan mengambil berat mengenai dengan keperluan guru Bahasa Inggeris. Jadi, kita harus bezakan sekarang ini, Sains dan Matematik yang hendak diajar dalam bahasa Inggeris dan guru Bahasa Inggeris. Saya ambil dahulu mengenai dengan guru Bahasa Inggeris. Memang dari masa ke semasa, kita pertingkatkan lebih ramai guru Bahasa Inggeris.

Jadi, bagi sekolah-sekolah yang kekurangan guru Bahasa Inggeris, macam saya katakan tadi, kita akan hantar. Macam di kawasan luar bandar terutama sekali, kita bagi keutamaan untuk guru-guru yang hendak dihantar ke kawasan-kawasan luar bandar. Itu adalah kita. Ini bukan cakap tidak serupa bikin. Tidak seperti PAS, PAS cakap sahaja tetapi tidak bikin. *[Disampuk]*

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: *[Bangun]*

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: *[Bangun]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Begitu juga dengan kita katakan tadi, soal....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Bachok bangun ya. Dia sudah bangun dari tadi. Ya, Bachok.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Setiausaha Parlimen. Pertamanya saya hendak mendapat penjelasan berhubung dengan komitmen pihak JPM sendiri berhubung dengan keperluan bahasa Inggeris di Sekolah Yayasan Islam Kelantan kerana apa yang dipohon ialah bantuan daripada tenaga-tenaga pengajar ini, yang tidak mahu dipenuhi. Yang dihantar ialah guru yang opsyen daripada bukan bahasa Inggeris.

Yang keduanya, berkenaan dengan penempatan guru-guru dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak ini, ada yang telah memohon untuk balik bertugas di Semenanjung kerana mereka telah melebihi daripada tiga atau lima tahun. Tujuh tahun pun ada yang tidak diluluskan permohonan mereka ini.

Tetapi dari sudut keperluan tenaga pengajar di Semenanjung begitu tinggi khususnya dalam bahasa Inggeris. Dua penjelasan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ya, saya amat faham mengenai dengan pertukaran guru iaitu guru dari Sabah dan Sarawak ke Semenanjung yang memohon begitu lama, kita buat pertimbangan. Sudah banyak guru yang memohon untuk dipertimbangkan, kita beri pertimbangan. Kita tidak pernah pun tidak timbang. Tetapi soalnya, macam pertimbangan untuk balik ke Kelantan dan Terengganu, ini akan menimbulkan sedikit masalah terutama sekali di Kelantan, sebab di Kelantan yang saya dapati semua jawatan guru di sekolah-sekolah sudah pun dipenuhi.

Yang ini kita tidak dapat pertimbangan. Bukannya kerana kita katakan kita *deprive* di Kelantan, boleh dikatakan di Kelantan dan Terengganu terutama sekali, ramai yang memohon tukar balik, kita tidak dapat lakukan sehinggalah kita rasa kalau ada kekosongan, kita akan hantar.

Dan dalam hal cadangan-cadangan yang lain, mengenai dengan pertukaran guru, mengenai dengan permasalahan guru Bahasa Inggeris, memang kita mengambil berat mengenai di kawasan-kawasan luar bandar dan kita beri keutamaan. Saya beri jaminan di sini kepada Yang Berhormat yang telah bangkit tadi, kita akan beri keutamaan terutama sekali dari segi pengajaran bahasa Inggeris yang kita tahu iaitu dari segi pengambilannya amatlah berkurangan dan sekarang ini kita melipat-gandakan pengambilan guru-guru untuk mengajar dalam bahasa Inggeris.

Sebab itu saya telah katakan tadi, kita sekarang ini merancang supaya guru-guru yang bersara wajib terutama sekali mereka yang di dalam bidang pengajaran bahasa Inggeris, kita akan mengambil mereka secara kontrak. Ini sudah pun dilakukan oleh pihak kementerian dan ini membuktikan betapa seriusnya pihak kita untuk menjayakan pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris di kawasan luar bandar.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Ya, Parit Buntar bangun ya.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Tuan Pengerusi, masih lagi soal guru Bahasa Inggeris. Saya ingin mencadangkan, oleh kerana kontroversi ini tidak berkesudahan walaupun keputusan telah dibuat.

Pertama sekali, Tuan Pengerusi, keputusan itu dibuat oleh Majlis Tertinggi UMNO. Perdana Menteri mengatakan untuk mendapatkan *feedback*, dengan izin, daripada rakyat tentang penggunaan bahasa Inggeris dan aliran Inggeris dan mengalu-alukan pandangan input daripada rakyat sebelum sesuatu pertukaran dasar dibuat. Empat hari selepas *announcement* itu dibuat, terus dibuat keputusan bahawa pengajaran bahasa Inggeris akan dimulakan di darjah satu, tahun 2003. Kemudian itu, beberapa hari selepas itu pula, pengajaran bahasa Inggeris akan dibuat pada tahun 2003 secara serentak. Yang mana satu?

Yang kedua Tuan Pengerusi, tentang hal ini, kita dapati cabaran untuk menukar dalam masa enam bulan ini, kita hanya tinggal enam bulan sahaja lagi, Tuan Pengerusi. Sekarang sudah masuk bulan tujuh dan kalau

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Okey, itu soal buku teks soal lain. Soalnya adalah soal guru-guru bahasa Inggeris. Pertamanya, mengalami kekurangan yang sangat daif dan yang sangat besar. Sedikit perangkaan telah diberikan di beberapa sekolah oleh Yang Berhormat bagi Padang Terap tadi dan perangkaan ini sebenarnya benar kepada sekolah-sekolah yang lain.

Keduanya, sehingga kini, guru-guru yang tidak mahir dalam bahasa Inggeris, opsyen yang lain daripada bahasa Inggeris, mengajar bahasa Inggeris di kebanyakan sekolah, terutama sekolah luar bandar.

Soalan saya ialah bagaimana dalam masa enam bulan ini, kita hendak memilih, mengajar dan mempertajam *the teaching skills of English* ini, dengan izin. Yang kedua, bagaimana kita hendak betul-betul meyakinkan kepada rakyat bahawa guru-guru ini telah mengalami proses hinggakan mereka betul-betul *competent*, Tuan Pengerusi, dengan izin, untuk mengajar anak-anak kita pengajaran Bahasa Inggeris.

Sebagaimana yang kita tahu, guru-guru bahasa Inggeris sendiri pun yang mengajar bahasa Inggeris sama ada opsyennya bahasa Inggeris atau opsyennya tidak bahasa Inggeris, mereka sendiri pun tidak boleh bertutur dengan baik dalam bahasa Inggeris. Apa lagi tentang anak-anak yang diajar – anak-anak darjah satu, darjah dua, darjah tiga, di sekolah rendah di kampung-kampung dan di desa-desa, boleh dikatakan, hampir boleh dikatakan bahawa bahasa Inggeris mereka ke tahap yang sangat-sangat mendukacitakan.

Jadi, saya mencadangkan, Tuan Pengerusi, supaya suatu penerangan jelas dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan, dengan pelan-pelan yang hendak dibuat dan dengan gerak kerja-gerak kerja yang dibuat di peringkat nasional ini, dibentangkan di Parlimen ini, Tuan Pengerusi, supaya paling tidaknya kita dapat mengikis kekeliruan yang ada di kalangan rakyat, bukan sahaja kekeliruan, tetapi keadaan yang tidak jelas dan juga keadaan yang boleh menimbulkan rasa demoralisasi di peringkat pelajar, di peringkat guru dan di peringkat ibu bapa, oleh kerana dasar yang *flip-flop* ini, dengan izin, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat bagi Parit Buntar. Nampaknya Yang Berhormat cukup bersetuju. Sebab itu Yang Berhormat nampak kerisauan di dalam hati iaitu kita boleh lakukan ini semua tetapi Yang Berhormat bangkitkan soal-soal negatif, boleh atau tidak kita atasi?

Sebagai seorang pakar motivasi, saya rasa Yang Berhormat tentu lebih peka mengenai perkara ini. Kita jangan kata kita tidak boleh buat. Kita harus katakan kita

boleh buat. Kita boleh mengatasi. Kita boleh apa sahaja yang kita fikir yang perkara itu sesuatu yang membawa kebaikan, mengapa tidak kita lakukan?

Jadi, dalam soal ini, Yang Berhormat jangan bimbang. Yang Berhormat tadi membawa kepada, kita panggil darjah ataupun *angle* politik. Bagaimana pihak PAS hendak mengeksploitasi isu ini sebagai bahan politik? Mungkin akan dibawa di Pendang dan juga di Anak Bukit. Ini saya percaya ia akan dibangkitkan untuk mengatakan, "Ha, lingkuplah kita orang Melayu kalau kita diajar dalam bahasa Inggeris!".

Macam juga orang yang bercakap mengenai dengan boleh atau tidak kita lakukan bahasa Inggeris di luar bandar ialah orang yang fasih dan boleh berbahasa Inggeris. Mereka boleh belajar bahasa Inggeris tetapi kita hendak mengajar bahasa Inggeris dengan baik di kawasan luar bandar, mereka kata tidak boleh! Inilah orang-orangnya seperti Yang Berhormat bagi Parit Buntar ini.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Arau bangun, Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Dia bercakap bahasa Inggeris bukan begitu punya fasih....

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Ini bagi *chance*, pilihan....

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: ...tetapi bila kita hendak mengajar bahasa Inggeris kepada anak-anak di luar desa, dia kata kita tidak boleh! Kita boleh lakukan itu ini!

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: [Bangun]

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: [Bangun]

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: [Bangun]

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Dan Yang Berhormat, tunggulah dulu. Kita akan dapat segala macam penjelasan ini daripada kalangan profesional. Sama ada kita katakan tadi bagaimana langkah-langkah yang kita akan ambil. Tunggu dan sabar.

Sebab itu saya katakan tadi, Yang Berhormat cukup peka dan Yang Berhormat cukup tertarik dengan program yang akan kita adakan ini. Jadi, saya berharap....

Tuan Pengerusi: Arau bangun dahulu, Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ya?

Tuan Pengerusi: Arau bangun. Hendak bagi jalan? Ya.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Pendek sahaja ini. Kita hendak habiskan cepat ini.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Ha, pendek sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi. Kita membincangkan soal bahasa Inggeris ini dengan begitu panjang. Saya dengar pembangkang bercakap tadi tetapi saya tidak dengar ada di antara mereka mengatakan tidak bersetuju, cuma bagaimana ia hendak dilaksanakan? [Disampuk] Hendak minta dibentangkan Kertas Putih dan kepentingan bahasa Inggeris ini kita nampak.

Saya hendak bertanya Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersetuju, kita hendak tanya pembangkang ini, kita hendak tanya mereka, kalau melihat ini sebagai kepentingan negara dan kita Malaysia yakin kita boleh, mari kita bersama-sama mencari jalan bagaimana program ini boleh dilaksanakan dan tidak dipolitikkan. [Disampuk]

Adakah mereka, pada pandangan Yang Berhormat, sebagaimana bercakap pada hari ini, boleh bercakap di luar macam itu? Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat bagi Arau. Nampak gaya dari sambutan itu, saya tengok sambutan daripada PAS, dan jangan kita politikkan seperti kata Yang Berhormat bagi Arau. Saya berharap isu ini tidak

dibangkitkan di Anak Bukit dan di Pendang. *[Ketawa]* Jadi, kalau kita dengar Ahli-ahli Yang Berhormat yang bercakap tadi, dipolitikkan di Pendang dan di Anak Bukit, nampaklah mereka ini tidak *gentleman*. Tidak *gentleman* ini.

Jadi, saya berharaplah, saya rasa kita ada jalan untuk mengatasi masalah ini. Dan saya beri jaminan kepada Yang Berhormat, janganlah kita bimbang. Macam buat satu masa dahulu, bila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bercakap mengenai meritokrasi, sudah pun semua orang menimbulkan kebimbangan. Apabila PAS pula mengambil itu, ha inilah hendak menjahanamkan budak-budak Melayu, *astaghfirullah*, saya kata.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Pokok Sena bagi dulu.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: *[Bangun]*

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: *[Bangun]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Kita hendak membawa ke arah kebaikan tetapi akhirnya apa kita dapat. Kita dapat hari ini, satu kejayaan, *alhamdulillah*. Sama-sama kita beri sokongan. Termasuk pihak PAS juga boleh menyokong.

Tuan Pengerusi: Hendak bagi jalankah kepada semua ini? Hendak bagi jalan atau tidak?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Saya rasa, Tuan Pengerusi, sudah terlalu banyak saya bagi peluang.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tidak, Pokok Sena, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Hendak bagi jalan atau tidak? Jawablah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Pokok Sena itu, member.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Bagilah kepada Pokok Sena sekali.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Okay.

Tuan Pengerusi: Ya, ya, Pokok Sena ya.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Okay, terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Setiausaha Parlimen. Saya minta jangan baling kasut pada saya, sudahlah *[Ketawa]* setakat tunjuk kasut sudahlah. Sejarah dalam Parlimen kita ini baru tunjuk kasut, Taiwan dia baling kasut. Jadi saya minta jangan terlajak macam Taiwan sudahlah.

Walaupun disebut tadi sedikit tentang meritokrasi, cuma saya hendak respons sedikit sahaja tentang yang kalut tentang meritokrasi dahulu ini, UMNO juga. Bila dalam hal tuntutan Suqiu ini, yang kalutnya UMNO bila Pemuda UMNO pergi sampai hendak bakar Dewan Cina Selangor.

Beberapa Ahli: Ya, ya.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tetapi bila Perdana Menteri kata, kita kena meritokrasi, akur semua. Bila dia hendak berhenti, jangan berhenti, kami hendak bergantung juga kepada tongkat ini walaupun hendak reput. Inilah Melayu mudah lupa.

Beberapa Ahli: Melayu UMNO, UMNO.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Baik Tuan Pengerusi, dalam soal bahasa Inggeris ini pengajaran dalam Matematik dan Sains, bukan soal kita tidak bersetuju penguasaan bahasa Inggeris ini sebab isu ini lahir daripada dikatakan bahawa lemahnya penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar-pelajar kita. Ini bukan kita tidak bersetuju, kita bersetuju semua orang menguasai bahasa Inggeris ini, kita bersetuju tetapi soal yang kita bangkit di sini apakah ini penyelesaian sebenarnya untuk mengatasi masalah penguasaan bahasa Inggeris?

Saya tunjuk contoh. Saya bersetuju dengan Kementerian Pendidikan mengambil langkah mengatasi masalah kelemahan dalam Matematik iaitu Program Gerak Gempur Matematik satu ketika dahulu, ini saya setuju. Bermakna bahawa mengambil kaedah dalam konteks Matematik itu sendiri. walaupun orang Cina bijak Matematik tetapi kita tidak suruh mengatasi masalah kelemahan anak-anak Melayu dalam Matematik, suruh mereka belajar Matematik dalam bahasa Cina cuma kita ambil

kaedah yang diajar, yang diamalkan oleh bangsa Cina iaitu sempoa untuk diajar di sekolah, itu betul.

Tetapi sekarang ini hendak mengatasi kelemahan bahasa Inggeris, ajar Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris. Apakah ini jalan penyelesaian? Sebab bagi saya bahawa Persatuan Sains Matematik Se-Malaysia sendiri pun mengatakan bahawa ianya akan memberikan kesan kelemahan yang lain pula dalam masalah Matematik dan juga Sains itu sendiri, ini persoalan yang kami bangkit. Sebab itu kita hendak bahawa penyelesaian mesti menjuruskan kepada benda yang betul dan ini yang saya sebut selalu bahawa pandangan tokoh-tokoh pendidikan, pakar-pakar pendidikan ini tidak diambil secara menyeluruh.

Menteri Perusahaan Awam memberikan respons terhadap usul yang saya bawa baru-baru ini mengatakan bahawa pandangan-pandangan tokoh itu pandangan individu, bukan mewakili rakyat. Betul, mereka individu tetapi mereka mewakili budaya ilmu yang pernah mereka libatkan satu ketika dahulu. Sebab itu saya bersetuju dengan pandangan Tun Dr. Awang Had Salleh, dia mengatakan bahawa

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tun, ada soalankah?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: ..soal pendidikan ini harus dilihat secara menyeluruh kepada sistem dan dasar bukan cuit sana, cuit sini.

Tuan Pengerusi: Soalan, soalan, Pokok Sena.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: ..tetapi sekarang ini hendak selesaikan sesuatu masalah, dia cuit sana, cuit sini akhirnya kita akan berhadapan dengan satu masalah yang lebih besar selepas ini. Ini yang saya harap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen harus faham.

Tuan Pengerusi: Hah, cukuplah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Kalau tidak, nanti tidak faham, dia tunjuk kasut pada orang pula.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi ucapan yang panjang lebar.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Faham, faham Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, cubalah lihat bila dia mulakan ayat dia, dia kata tidak hendak, jangan baling kasut pada dia. Niat pun sudah buruk, inilah yang dikatakan puak PAS ini tadi. Sebab itu saya pohon kepada Yang Berhormat bagi Parit Buntar adakan kursus motivasi untuk Ahli-ahli Dewan Rakyat PAS untuk mengikuti kursus motivasi. Mesti ada satu pemikiran positif, *positive thinking* dan proaktif selalu. Jangan fikir ke belakang, kita fikir ke depan. Saya harap Yang Berhormat bagi Parit Buntar tolong adakan kursus itu, janganlah kenakan bayaran apa-apa, percuma cukuplah. *[Ketawa]*

Saya rasa apa yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Pokok Sena tadi nampaknya Yang Berhormat bagi Pokok Sena sudah pun bersetuju. Inilah orang yang kita kata, saya akur dengan Yang Berhormat bagi Pokok Sena. Cukup bersetuju Yang Berhormat mengenai dengan pengajaran bahasa Inggeris di dalam Matematik dan Sains. Macam juga saya katakan dahulu kita berpendapat bahawa kalau mengajar Bahasa Inggeris ini apakah akan terjadi kepada bahasa Melayu? Rosaklah bahasa Melayu. Saya kata kita di Kementerian Pendidikan *[Sambil mengetuk meja]* kita tetap teguh dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan kita di mana bahasa Melayu ialah menjadi bahasa pengantarnya. Itu tetap kita pegang.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Tepuk]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasihlah beri tepukan kepada saya, itu akur kepada saya. Terima kasih Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Saya katakan tadi kita harus melihat hari ini pengajaran Matematik dan Sains melalui apa? Kita sudah adakan makmal komputer, harus kita memikirkan zaman ini zaman digital. Oleh yang demikian, Matematik dan Sains ini kebanyakannya adalah berasaskan kepada *instructional* iaitu kita tidak banyak sangat menggunakan bahasa tadi dan kita mahu maklumat-maklumat yang kita perolehi itu dengan sepintas sahaja dan dengan cepat, mudah memasuki dalam komputer anak-anak kita di makmal-makmal komputer yang sudah kita sediakan.

Tuan Nasharudin bin Mat Isa: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi: Yan, Yan bangun Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Jadi harus Yang Berhormat sekalian mengetahui keadaan sudah berubah, zaman ini adalah abad ke-21 bukan abad ke-20-an. Sebab itu saya kata kita harus Yang Berhormat bagi Parit Buntar sila beritahu dengan kawan-kawan, gerakkan pemikiran mereka. Kita adalah di dalam zaman, abad ke-21 dan kita....

Tuan Pengerusi: Ya, Yan bangun Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tidak, saya belum habis lagi dia sudah bangun. Jadi *interruption*.....

Tuan Pengerusi: Cukulah, cukuplah.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tengah sedap-sedap bercakap.

Tuan Nasharudin bin Mat Isa: Satu sahaja.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Satu sahaja? Teruskan.

Tuan Nasharudin bin Mat Isa: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Setiausaha Parlimen. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan tentang makmal komputer ini yang banyak sekarang dibina, makmalnya ada komputernya tidak ada....

Seorang ahli: Oh, belum lagi Yang Berhormat, belum lagi.

Tuan Nasharudin bin Mat Isa: Contohnya dalam kawasan saya banyak sekolah kerajaan milik Persekutuan yang minta komputernya dari wakil rakyat PAS, setakat yang kami mampu bagi, kami bagilah tiga atau empat biji. Jadi sekolah-sekolah di luar bandar ini yang kita tahu kadar milik komputer bagi penduduk luar bandar tidaklah sebegitu tinggi seperti mana yang dicita-citakan oleh kerajaan - satu rumah, satu komputer.

Jadi saya hendak dapatkan penjelasan, berapa *ratio* komputer mengikut bilangan pelajar di sekolah dan berapakah jumlah komputer yang sudah diagihkan ke sekolah sebab saya fokus kepada kawasan saya sendiri, masih banyak sekolah yang makmal komputernya ada, komputernya tidak. Terima kasih.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [*Menyampuk*]

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Kasihan betul Yang Berhormat bagi Yan sebab mengapa mereka pilih Yang Berhormat? [*Ketawa*] Jadi saya pun tidak tahulah. Di kawasan saya, semua dapat tetapi Yang Berhormat, mungkin Yang Berhormat tidak ketengahkan perkara ini dengan pihak kita. Jadi kita boleh adakan dengan secepat mungkin. Mungkin juga ini pun Yang Berhormat bila dia minta komputer, Yang Berhormat sudah garu kepala sebab Yang Berhormat jangan seriklah, inilah nasib Yang Berhormat. Jadi saya berharap Yang Berhormat

Tuan Nasharudin bin Mat Isa: Rakyat, bukan nasib saya, nasib rakyat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Buatlah....

Tuan Pengerusi: Ya...

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Kita beri Yang Berhormat, kita tidak ada....

Tuan Pengerusi: Cukuplah Yang Berhormat, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sila masuk kepada perkara lain ya.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ya. [*Ketawa*] Yang Berhormat, saya rasa di negeri Kelantan, Terengganu semua kita beri tetapi ini adalah soal masalah teknikal yang kita hadapi sekarang ini iaitu pembekalnya, itu yang kita hadapi. Saya terus terang dengan Yang Berhormat bukan kita tidak beri kerana kawasan itu kawasan PAS, tidak, itu bukan niat kita. Bagi kita setiap sekolah akan kita beri keutamaan terutama sekali sekolah-sekolah di luar bandar.

Yang Berhormat bagi Bachok juga, ini yang saya hendak habiskan iaitu bagi mereka yang mengisi kekosongan tadi di negeri lain dari semasa ke semasa itu akan kita beri perhatian.

Yang Berhormat juga telah membangkitkan mengenai dengan spesifikasi perisian komputer. Usaha-usaha sedang dijalankan untuk menggantikan komputer versi lama dengan komputer versi baru secara berperingkat. Kementerian juga telah mengenal pasti beberapa perisian yang sesuai dan terkini, ini telah pun kita ambil keputusan.

Yang Berhormat bagi Arau juga telah membangkitkan mengenai penuntut luar negara perlu memantau kegiatan pelajar-pelajar di luar negara. Kementerian Pendidikan sebenarnya melalui Jabatan Penuntut Malaysia (MSD) dari semasa ke semasa memang kita memantau segala macam kegiatan pelajar di luar negara. Dari semasa ke semasa sesi-sesi penerangan dijalankan khususnya mengenai situasi politik semasa dan keselamatan negara agar mereka memahami keadaan negara sebenar dan tidak mudah dipengaruhi elemen-elemen negatif.

Yang Berhormat bagi Arau juga telah membangkitkan mengenai dengan integrasi di sekolah untuk memupuk perpaduan negara. Kerajaan memang menggalakkan integrasi di sekolah-sekolah untuk memupuk perpaduan kaum dengan mewujudkan Kompleks Sekolah Wawasan. Sekolah-sekolah sedia ada pula mewujudkan aktiviti-aktiviti yang berorientasikan perpaduan kaum serta program perkhemahan integrasi dan aktiviti-aktiviti kokurikulum yang lain.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi: Arau.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, saya hendak minta laluan. Saya berterima kasih di atas jaminan pihak kementerian di mana pelajar-pelajar di luar negara memang sentiasa dipantau. Saya juga pohon dalam soal agama juga diadakan guru-guru agama di luar negara dan saya berharap juga Yang Berhormat sebab Yang Berhormat tidak menyentuh soal itu saya takut ketinggalan kerana perkara ini penting. Mengajar agama bukan sahaja mengajar hukum hakam tetapi *the fundamentals of Islam* itu sendiri, memahami falsafah Islam itu sendiri supaya mereka akan kembali menjadi insan yang terbaik untuk memimpin negara. Begitu juga di sekolah-sekolah. Kalau dapat di sekolah-sekolah juga dikaji semula pendidikan agama dan sekolah-sekolah yang menyeleweng dari segi pendidikan agama ini diambil tindakan. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya di antara pegawai-pegawai MSD yang kita wujudkan, ada di kalangan mereka adalah yang berpendidikan Islam dan mereka bertanggungjawab untuk memberi pimpinan kepada anak-anak kita di luar negara. Ini telah pun kita lakukan dan saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat iaitu pengajaran Agama Islam hendaklah perkara-perkara yang baik dan diaplikasikan sebagai seorang Muslim.

Yang Berhormat bagi Kepong telah juga membangkitkan mengenai dengan program kecerdasan minda iaitu melalui *mental arithmetic*. Pendidikan *Abacus* telah mula diperkenalkan kepada murid tahun empat pada tahun 1995. Kaedah ini telah berjaya meningkatkan kemahiran Matematik di kalangan murid di sekolah-sekolah yang melaksanakannya. Bagi meningkatkan dan memperluaskan pelaksanaan Pendidikan *Abacus*, kementerian ini akan menyemak kembali latihan guru agar mereka benar-benar mahir dan menguasai kemahiran penggunaan *abacus*. Antaranya ialah Kursus Penetapan *Abacus* dan *Arithmetic Mental*, dengan izin, kepada pensyarah maktab perguruan mulai Oktober 2001 dan seterusnya mulai tahun 2002 seramai 2,100 orang guru akan dilatih melalui Kursus Dalam Perkhidmatan.

Yang Berhormat bagi Kepong juga telah membangkitkan mengenai dengan keperluan mengkaji status Malaysia Hall di London dan Jabatan Penuntut Luar Negara. Bangunan Malaysia Hall yang ada sekarang adalah disewa dan tempoh pajakan akan tamat pada tahun 2003. Disebabkan pemiliknya tidak mahu melanjutkan tempoh pajakan, maka kerajaan sedang berusaha mencari tempat baru yang berhampiran dengan bangunan yang sedia ada.

Di harap bangunan baru ini akan berfungsi seperti bangunan yang sedia ada iaitu sebagai pusat kegiatan bagi pelajar kawasan sekitarnya. Sebenarnya peruntukan

yang kita ada ini iaitu peruntukan adalah 10% bagi bayaran bangunan baru bagi menggantikan Malaysia Hall yang akan tamat kontraknya pada tahun 2003. Lokasi bangunan baru adalah berhampiran dengan bangunan yang ada sekarang tetapi ini semuanya dirahsiakan lagi takut-takut ada masalah yang besar dari segi kewangan.

Yang Berhormat bagi Kepong juga telah membangkitkan mengenai dengan sama ada kita perlu pilih sekolah di semua kawasan untuk melaksanakan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Kementerian Pendidikan Malaysia hari ini sedang meneliti cara terbaik untuk melaksanakan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris.

Jadi sebab itu saya katakan tadi dari segi bagaimana latihan guru dan sebagainya ini, semuanya kita akan *detail out* dan satu jawatankuasa telah pun dilantik di mana ia dikepalai oleh Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia sendiri dan semuanya adalah ahli-ahli dalam bidang pendidikan. Jadi janganlah bimbang.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat, sila sambung sebelah petang ya. Sudah pukul 1.00 Yang Berhormat ya. Majlis bersidang semula.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan Pengerusi: Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)
mempengerusikan Jawatankuasa]

2.31 ptg.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Pengerusi, menyambung balik jawapan saya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan soalan mengenai Kementerian Pendidikan. Yang Berhormat bagi Bandau telah membangkitkan mengenai dengan keperluan menyediakan satu kolej matrikulasi di Sabah dan Sarawak. Kolej Matrikulasi Labuan Kementerian Pendidikan Malaysia telah siap dan penempatan pertama telah dibuat pada sesi 2002 dan 2003.

Buat masa ini Kolej Matrikulasi Labuan untuk pelajar Sabah dan Sarawak. Kolej swasta, IPTS di Sabah, kolej ibu Kota Kinabalu dan di Sarawak dan kolej di Sarawak. Yang Berhormat bagi Bandau juga telah membangkitkan mengenai dengan bekalan guru mahir dalam bahasa Inggeris dan mampu mengajar matematik dan sains. Bahagian pendidikan guru telah merancang dan melaksana pelbagai program latihan guru Bahasa Inggeris contohnya:

- (i) Kursus Diploma Perguruan Malaysia (TESL)
- (ii) Kursus Diploma Lepas Ijazah KPLI (TESL)
- (iii) Kursus Sijil Perguruan Khas (TESL)
- (iv) Program Khas Pensiswazahan Guru PKPG (TESL)
- (v) Kursus Pendek kelolaan maktab kerjasama dengan Jabatan Perdana Menteri
- (vi) Kurikulum dan Modul Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris - sedang dilaksanakan.

Begitu juga dengan latihan guru Bahasa Inggeris dan Matematik, latihan sertamerta untuk guru Matematik dan Sains untuk tahun 2003. Permulaannya ialah satu minggu intensif di maktab perguruan, kemudian sambungan itu atau dengan izin, *follow-up* bersiri khususnya pada hujung minggu pada masa cuti di maktab perguruan.

Yang Berhormat Bandau juga ingin mengetahui mengenai dengan pusat maklumat di MSD di luar negara. Kementerian sentiasa membekalkan bahan-bahan bacaan dan majalah yang terbaru dan terkini bagi rujukan kepada pejabat MSD di London. Mengenai dengan perkara sebanyak RM105,600,000 bagi menampung keperluan bayaran utiliti perkhidmatan kawalan keselamatan dan pembersihan kawasan di sekolah. Kita juga di sini jumlah yang kita perlukan ialah RM50 juta bagi

utiliti, RM50 juta bagi keselamatan dan RM5.6 juta bagi pembersihan kawasan, kesemuanya RM105, 600, 000.

Yang Berhormat Parit Buntar juga telah membangkitkan beberapa perkara di sini dan perlu saya nyatakan di sini lebih awal lagi iaitu saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat mengenai dengan peranan ibu bapa dan murid-murid. Itu saya sangat bersetuju dengan saranan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat dan ini selari dan selaras dengan apa yang kita hendak lakukan, apatah lagi dengan pengwujudan PIBG kita senantiasa menggalakkan peranan PIBG supaya ibu bapa lebih mengambil bahagian dengan sekolah. Begitu juga Yang Berhormat telah membangkitkan mengenai dengan hanya 20% sahaja ibu bapa yang datang ke sekolah untuk mendapat *report card* dan sebagainya. di sini ingin saya bertanya juga dari mana *survey* Yang Berhormat dapat ini, saya tidak tahu adakah 20% di satu kawasan ataupun pada keseluruhannya ini juga saya kurang pasti, walau bagaimana pun saranan Yang Berhormat kita akan mengambil perhatian secara serius.

Mengenai dengan saiz kelas dan sebagainya, sememangnya ini menjadi tumpuan khusus kita di mana kita menggunakan banyak perbelanjaan untuk mewujudkan sekolah satu sesi di mana dalam hal ini kita juga mengambil kira mengenai dengan saiz bilik darjah. Walau bagaimana pun, Yang Berhormat bersabarlah,...

Dato' Dr. Hassan bin Haji Mohamed Ali: [*Bangun*]

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:Kita juga sedang berusaha tentang ini. Seperkara lagi Yang Berhormat telah membangkitkan juga ialah mengenai dengan

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat Parit Buntar berdiri. Ya, sila.

Dato' Dr. Hassan bin Haji Mohamed Ali: Terima kasih Tuan Pengerusi, tadi tentang 20% itu, itulah gambaran yang diberikan oleh guru-guru terutamanya pentadbir sekolah kepada kita bila kita berjumpa dengan ibu bapa dalam program-program yang dikendalikan mengatakan sekolah mereka, kadar kehadiran ibu bapa untuk mengambil sendiri laporan kemajuan anak-anak mereka di tahap yang paling rendah. Perkara ini disuarakan oleh sekolah-sekolah bandar juga di sekolah-sekolah luar bandar.

Nombor dua Tuan Pengerusi, tentang saiz kelas tadi. Kalau kita menyebutkan ini akan diatasi,... ini akan diatasi,... ini akan diatasi..., saya rasa Setiausaha Parlimen tidak tahu entah berapa ratus kali, dalam berapa ratus – *incessant* - dengan izin yang menyebutkan "akan diatasi", "akan diatasi". Tetapi bolehkah kita hendakkan berapa sebenarnya dan bila perkara ini hendak diat. si dan apa target kita misalnya sekolah rendah, satu bilik darjah ada 20 orang atau 25 orang, tahun berapa kita boleh capai, sekolah menengah misalnya tahun berapa kita boleh capai. Kalau misalnya ada tahun-tahun itu, *framework* itu, *time frame* itu, jadi kita pun bolehlah memandang ke depan apa yang patut kita lakukan untuk bersama-sama mencapai supaya saiz kelas itu bersesuaian, kalau tidak sama pun dengan negara-negara maju misalnya tetapi kalau kita dapat bandingkan dengan Jepun, dengan Taiwan, dengan Korea, dengan Singapura bahkan sebahagian daripada tempat di Thailand, sekolah-sekolah di Thailand yang mereka sangat *strict* sebenarnya tentang bilangan pelajar dalam kelas dan kebanyakan mereka tidak melebihi daripada 25 orang, begitulah. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat sebenarnya setiap kali apabila kita buat pengunjuran serta juga apabila kita membentangkan perbelanjaan bagi Kementerian Pendidikan, masa itu kita kerap kali membangkitkan perkara-perkara yang kita telah lakukan. Sebab itu saya kira, Yang Berhormat, apa yang telah kita lakukan itu semuanya menepati janji yang telah kita sampaikan. Seperti tadi Yang Berhormat katakan itu kita memang sememangnya kita telah lakukan. Umpamanya macam hari ini Yang Berhormat telah bangkitkan mengenai dengan 20% katanya ibu bapa, itu menurut Yang Berhormat, sebab itu saya bertanya balik tadi adakah 20% itu meliputi keseluruhan sekolah-sekolah di Malaysia ini? Itu yang saya bertanya. Jadi walau bagaimanapun, saya tetap mengambil perhatian sekiranya itu berlaku dan kita akan sarankan kepada PIBG seterusnya supaya membuat kempen yang lebih kuat lagi di mana keterlibatan ibu bapa di sekolah itu lebih meningkat, itu yang kita harus lakukan.

Begitu juga, saya pohon pihak Yang Berhormat juga harus lakukan perkara itu untuk memberitahu orang ramai supaya mereka mengambil perhatian mengenai

dengan anak-anak prestasi akademik anak-anak mereka di sekolah termasuk prestasi yang lain, itu maksud saya. Sebab itu saya kata tadi saya bersetuju dengan saranan Yang Berhormat mengenai dengan peranan ibu bapa bukan sahaja dalam soal akademik malah tentang soal sahsiah anak-anak itu sendiri pun dan Yang Berhormat amat bersetuju dengan saya sama sekali.

Begitu juga Yang Berhormat telah membangkitkan tadi mengenai dengan berapa jumlah peruntukan yang disediakan kepada Dewan Bahasa selama ini adalah didapati Dewan Bahasa tidak melaksanakan tugasnya dengan memuaskan. Di sini ingin saya menyangkalkan kepada Yang Berhormat. Peruntukan tahunan Dewan Bahasa dan Pustaka antara RM100 juta sehingga RM135 juta setahun untuk tempoh lima tahun kebelakangan ini. Daripada jumlah tersebut hanya 25% sahaja yang dibiayai oleh kerajaan, manakala selebihnya diperolehi daripada kegiatan yang dijalankan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Daripada jumlah tersebut juga sebanyak 7% diperuntukkan untuk program, projek dan aktiviti kebahasaan. Sehingga kini sebanyak satu juta istilah dalam pelbagai ilmu telah diadakan. Istilah-istilah tersebut boleh diperolehi sama ada melalui laman web Dewan Bahasa ataupun bahan-bahan cetak yang berada di pasaran. Yang Berhormat juga telah membangkitkan mengenai dengan langkah-langkah mengatasi pelajar-pelajar yang tercicir...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat, Pokok Sena yang berdiri.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ini mengenai Dewan Bahasa ya...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak bagi?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Sila.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Bagi. Orang pun tidak ramai, tinggal 11 orang pun tidak apa.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak apalah dia bagi, tidak payahlah fikir orang.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Dato' Setiausaha Parlimen, tentang soal Dewan Bahasa dan Pustaka, tadi telah disebut bahawa satu juta lebih istilah yang telah dipengayaan yang dilakukan oleh Dewan Bahasa khususnya dalam konteks untuk menjadikan Bahasa Melayu ini sebagai bahasa ilmu, maknanya bagi saya bahawa di situ menunjukkan bahawa Bahasa Melayu mampu menjadi bahasa ilmu mampu untuk menjadi bahasa *lingua franca* yang diperjuangkan oleh Dewan Bahasa selama ini. Tetapi bagi saya bahawa dengan program ataupun rancangan yang dilakukan oleh kerajaan, Kementerian Pendidikan, untuk mengajar Bahasa Inggeris dalam pengajian Matematik dan Sains ini seolah-olah kita hendak balik ke belakang, 30 tahun yang lalu setelah kita meMelayukan institusi pendidikan dan meMelayukan sistem pendidikan dalam negara kita daripada aliran Inggeris walaupun ianya bukan hendak balik daripada aliran Inggeris. Tetapi dengan mengajar Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris, itu seolah-olah kita hendak mengInggeriskan kembali sistem pendidikan kita ini. Saya tidak menolak tentang penguasaan tentang bahasa Inggeris, perlu tetapi seolah-olah bahawa rancangan kita selama ini untuk hendak mengayakan Bahasa Melayu ini dengan berbagai-bagai istilah sains dan matematik ini seolah-olah ini macam sia-sia. Usaha-usaha yang dilakukan oleh pakar-pakar pendidikan kita, pakar-pakar bahasa seolah-olah sia-sia tidak ada makna lagi kewujudan Dewan Bahasa, tidak ada makna lagi bagi saya bahawa kewujudan institusi penterjemahan dalam negara kita....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalnya Yang Berhormat, panjang sudah tu Yang Berhormat, soalan, soalan ya.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Jadi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat, bukankah sepatutnya kerajaan mengerakkan lagi usaha-usaha yang dilakukan oleh Dewan Bahasa untuk memastikan supaya bahasa Melayu itu dapat dijadikan sebagai satu bahasa yang boleh dilengkapkan dengan memenuhi keperluan-keperluan semasa dalam negara. Itu yang sepatutnya, bukan mengambil bahasa lain untuk membolehkan kita lebih maju dalam arus globalisasi sedangkan Jepun, Korea daripada sekolah sampai universiti, dia ajar dalam bahasa dia. Pelajar kita yang hendak pergi belajar di Jepun, kena ambil *course*, kena ambil kursus bahasa Jepun.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat, sudah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:baru boleh pergi belajar di sana.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat, soalan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:sedangkan kita tidak menyakini bahawa bahasa kita sepatutnya boleh menjadi bahasa ilmu.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Panjang sudah Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ya.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa Yang Berhormat masih berada dalam tahun 1970-an. Jadi, kita sekarang bercakap, macam saya kata, kita hari ini ialah tahun 2002, bukan 1970. Sebenarnya, bahasa Melayu sudah pun meningkat dan kepenggunaannya juga sudah meluas. Boleh dikatakan setiap warganegara boleh berbahasa Melayu dengan baik. Malah, di kalangan bukan Melayu juga bertutur lebih baik bahasanya daripada orang Melayu sendiri. Ini yang kita dapati.

Oleh yang demikian, untuk memperkenalkan bahasa Inggeris tadi, kita tidak menidakkan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan. Di mana yang kita hendak menidakkan kepenggunaan bahasa Melayu dan di mana kita hendak mencemar identiti kita sebagai bangsa Malaysia untuk menidakkan bahasa Melayu? Tidak sama sekali. Saya merasai dan kalau tidak percaya tanya dengan Yang Berhormat bagi Parit Buntar. Dia pun akan bersetuju dengan saya, tetap bersetuju dengan saya. Mengapa tidak generasi abad yang ke-21 ini, sekurang-kurangnya, sekurang-kurangnya saya kata, adalah generasi *bilingual*, sekurang-kurangnya. Kalau boleh, saya mahu juga *trilingual*. Kalau boleh lagi, kita adakan sehingga ia menjadi seorang manusia *multilingual*.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jawab mengenai dengan bahasalah Yang Berhormat. Kalau begitu, begini, dia tidak habis-habis lagi Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Oleh itu, saya teruskan mengenai dengan ini, saya rasa Yang Berhormat tidak patut curiga dan syak wasangka tentang apa yang kita hendak lakukan. Saya akan terima segala pandangan Yang Berhormat.....

Datuk Bung Moktar bin Radin: [Bangun]

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada dua orang berdiri Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Saya bagi Parit Buntar.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tentang Dewan Bahasa tadi, saya rasa Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tidak menjawab soalan. Saya tidak menafikan, saya tidak minta peruntukan tahunan yang diberikan kepada Dewan Bahasa, tidak juga saya mengatakan Dewan Bahasa tidak menjalankan tugas. Apa yang saya sebutkan tadi ialah soal bahagian kebahasaan yang disebutkan tadi di Dewan Bahasa, ada bahagian penterjemahan dan ada bahagian pengistilahan dan bahagian ini sudah lama daripada awal Dewan Bahasa ditubuhkan untuk mengumpulkan istilah sampai sekarang sudah RM1 juta. Maknanya, sudah mampu, lebih daripada mampu.

Saya bertemu dengan ahli-ahli akademik, bertemu dengan pakar-pakar bahasa, bertemu dengan pejuang-pejuang bahasa, dia kata, di bidang sains dan teknologi, daripada bidang keilmuan sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Pokok Sena tadi, bahasa Melayu sekarang ini lebih daripada mampu untuk menjadi bahasa ilmu, hanya yang hendak digunakan sekarang ini, dalam kepala kita ialah dengan mengajar bahasa Melayu dalam mata pelajaran Sains dan Matematik, diharapkan anak kita ini *proficient* daripada segi menggunakan bahasa Inggeris. Saya tidak tahu, *proficiency* ini lagi, Tuan Pengerusi, ialah.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat, terlampau panjang sangat.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: *Proficiency* ini, sebagaimana yang kita tahu, hal-hal mengenai pelajaran teknikal seperti Sains dan Matematik ini, penggunaan bahasanya tidak berapa banyak. Ia lebih kepada formula, lebih kepada angka-angka, *digits* dan juga *numbers*.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalnya Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Sebab itu, saya rasa lebih yakin kalau misalnya mata-mata pelajaran *humanity* agaknya, itu lebih yakin daripada segi itu.

Yang ketiga tadi tentang saya tidak berapa setuju Yang Berhormat Setiausaha Parlimen begitu yakin yang saya menyebelahi Yang Berhormat, bersetuju dengan mengatakan hendakkan rakyat ini *bilingual* dan *trilingual* dan sebagainya. Tetapi, saya lebih setuju kalau misalnya *multilingual*. Kita kena kuasai bahasa Arab, bahasa Jerman, bahasa Sepanyol dan bahasa-bahasa utama dalam dunia ini, barulah ketika itu saya fikir.....[Disampuk]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, Yang Berhormat!

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:.....dengan bahasa Melayu menjadi martabatnya bahasa ilmu, dengan menggarap bahasa-bahasa yang lain.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini bukan minta penjelasan, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:.....sebagai satu usaha untuk mencapai cita-cita itu. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terus yang lainlah, Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Yang Berhormat, mengenai dengan Dewan Bahasa.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bahasa ya? Dewan Bahasa.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Dewan Bahasa tadi, memang mereka mampu dan di sini ingin saya beri satu pengakuan kepada Yang Berhormat. Memang kita akui bahawa bahasa Melayu mampu menjadi bahasa ilmu. Itu tidak dapat dinafikan dan saya bersetuju, dengan adanya peranan Dewan Bahasa dan Pustaka tadi, ia telah mampu dan memang kita akui. Tetapi, soalnya di sini, bukan kita mengatakan bahawa dengan pengenalan bahasa Inggeris tadi, menunjukkan bahawa bahasa Melayu tidak mampu menjadi bahasa sains dan teknologi. Itu bukan soalnya.

Di sini, bukan timbul perkara itu. Soalnya ialah, bagaimana kita hendak mewujudkan kepenggunaan bahasa Inggeris tadi sebaik-baik mungkin di kalangan pelajar-pelajar kita. Jadi, saya bersetuju dengan Yang Berhormat mengatakan kalau boleh, sebab itu saya katakan tadi, sekurang-kurangnya generasi akan abad ke-21 ini adalah manusia bilingual. Itu saya kata sekurang-kurangnya. Kalau boleh, saya mahu mereka jadi *multilingual*.

Kalau kita lihat sekali lagi mengenai dengan pengenalan kita, langkah-langkah yang sudah kita ambil, misalnya dengan memperkenalkan bahasa tambahan di sekolah rendah misalnya bahasa Tamil dan bahasa Mandarin. Itu sudah kita buat sebagai elektif. Begitu juga kita tambah di sekolah menengah bahasa Arab misalnya, kita sudah jadikan bahasa elektif. Saya telah mencadangkan supaya kita banyakkkan lagi seperti bahasa Eropah, bahasa Sepanyol, bahasa Perancis, bahasa Jerman, malah bahasa Asia juga kita masuk seperti bahasa Jepun, bahasa Korea dan sebagainya. Itu rancangan kita pada masa akan datang. Yang Berhormat bagi Pokok Sena tadi mengatakan bahawa.....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [Bangun]

Datuk Bung Moktar bin Radin: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini, ada dua orang berdiri Yang Berhormat. Kinabatangan dengan Pokok Sena.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Pokok Sena cukuplah. Saya akan jawab. Jangan bimbang, saya bagi kepada Kinabatangan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Ini berhubung dengan pendidikan, di mana daripada awal-awal lagi kita melihat rakan-rakan kita daripada pembangkang seolah-olah menggambarkan kebimbangan yang begitu besar dengan agenda kerajaan memartabatkan orang-orang Melayu khususnya di luar bandar berhubung dengan penggunaan bahasa Inggeris dalam pendidikan sains dan matematik sedangkan bahasa Inggeris ada menyatakan *never to say too early to learn, never to say too late to study*. Jadi, kerajaan amat prihatin untuk memartabatkan orang Melayu sedangkan negara China, negara Jepun pada hari ini, mereka menggesa pegawai-pegawai mereka, pegawai polis, pegawai imigresen dan sebagainya menduduki bahasa Inggeris supaya dapat bertutur dengan orang luar. Ini kerana, apabila bahasa Inggeris dikuasai, maka negara mereka akan kekurangan pendapatan. Jadi, saya bagi pihak kerajaan, *back-benchers* khususnya, kita memang setuju dengan peranan kerajaan bahawa kita harus memikirkan masa depan anak-anak kita, masyarakat kita.

Jadi, saya meminta kementerian khususnya Kementerian Pendidikan, kalau boleh membuat satu laporan khas dan sebarkan kepada semua wakil rakyat pembangkang kenapa kerajaan laksanakan dasar ini dan untuk apa. Jadi, mereka tidak lagi boleh memutar belit dan mengeksploitasi isu yang sebaik-baik mungkin ini. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ya, saya sangat bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Sebab itu, saya katakan kita mesti berfikir secara pemikiran yang terbuka, mesti *open mind*, jangan kita rasa kita tutup. Sebab itu, saya kata, kita harus berbicara seolah-olah sekarang ini kita berada dalam tahun 2002 bukan 1970. Itu yang susah, yang hendak difahami oleh Yang Berhormat bagi Pokok Sena tadi.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Pokok Sena berdiri Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Yang Berhormat bagi Pokok Sena, tidak apalah, saya teruskanlah.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak, tidak, hendak bagi jalankah tidak bagi?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tidak adalah. Bagi saya habiskanlah. Banyak lagi ini kementerian hendak jawab ini.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tidak, tidak, tidak apalah. Tidak apalah, saya tidak bagi dah.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, dia tidak bagi Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Alaaa....duduklah!

Datuk Bung Moktar bin Radin: Duduklah!!

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *Last, last* Yang Berhormat! Dah, *last!*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat jangan cakap sekali hendak bagi, sekali tidak. Saya pun tidak suka.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Bukan Tuan Pengerusi. Hati dia lembut.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cakap tidak bagi, cakap tidak bagilah Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Saya bagi.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Dia bagi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila, sila.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Hati dia cukup lembut, cukup baik.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sekali tidak bagi, sekali bagi.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Sekejap ada, sekejap tidak ada, ya?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, itu yang susahnyanya. *[Ketawa]*

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sebenarnya bukan hendak kembali kepada tahun 1970, sebab itu saya tidak mahu balik ke tahun 1970. Ini kerana, benda ini seolah-olah kita hendak balik ke tahun 1970. Cuma, saya hendak tanya di sini, tentang macam mana selepas ini peranan Dewan Bahasa yang sepatutnya hendak menggayakan bahasa Melayu ini dengan istilah-istilah yang berkaitan dengan Matematik dan Sains setelah ia sudah tidak lagi menjadi keperluan kepada pendidikan di semua peringkat dan bagaimana dengan penggayaan ataupun istilah-istilah yang telah diketemui berkaitan dengan Sains dan Matematik dalam bahasa Melayu ini yang ada dalam khazanah di Dewan Bahasa lagi. Apa akan jadi sedangkan ia sudah tidak menjadi satu keperluan kepada pendidikan di semua peringkat pendidikan berkaitan Sains dan Matematik, itu sahaja. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pokok Sena. Sebab itu, saya katakan Yang Berhormat tidak lagi buka fikiran Yang Berhormat. Saya sudah katakan tadi, jangan kita mempunyai perasaan bahawa apabila kita hendak mempertingkatkan pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris, seolah-olah kita hendak mengetepikan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan.

Dalam hal ini, peranan Dewan Bahasa dan Pustaka tetap sepertimana yang diperlukan, malah kita mahu tingkatkan lagi peranan Dewan Bahasa dan kita tidak akan buang semua istilah-istilah itu. Oleh kerana itu, jangan prasangka bahawa kita hendak memperkenalkan pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris ini, kita hendak di tingkat yang lebih baik lagi seolah-olah kita hendak mengetepikan bahasa Melayu sebagai bahasa perutusan. Tidak sama sekali niat kita dan sebab itu, saya rasa Yang Berhormat harus rungkai pemikiran yang jumud itu. Kalau tidak, Yang Berhormat sentiasa akan melakukan benda inilah, malah saya tahu Yang Berhormat akan guna ini sepenuh-penuhnya, seluas-luasnya di Anak Bukit dan di Pendang. Kita akan bertemu di sana, insya-Allah. Insya-Allah, kita akan jelaskan.

Apa yang kita hendak buat, bukan kita hendak menidakkan mana-mana anak-anak kita yang pergi sekolah, tidak sama sekali. Malah, saya ingin beritahu Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bahawa dalam soal pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik, kita sekarang ini sudah pun tubuh satu jawatankuasa untuk meneliti perkara ini dan detail-detailnya dalam masa yang terdekat, kita akan buat pengumuman ini semua dan ia akan jelas. Saya mintalah ia jangan dijadikan satu bahan politik.

Bila kita jadi isu bahan politik, maka ibu bapa akan timbul macam-macam rasa tidak puas hati dan rasa apa akan terjadi kepada anak saya dan sebagainya. Tidak, kita tidak akan lakukan itu semua dan seboleh-bolehnya kita akan membantu setiap anak-anak kita untuk berjaya termasuk anak-anak PAS, kita pun juga mahu mereka berjaya. Tidak kisahlah dalam soal ini dan kita mahu pendidikan mereka di tahap yang paling tinggi sekali.

Saya berbalik kepada Yang Berhormat bagi Parit Buntar juga yang telah membangkitkan mengenai dengan langkah-langkah mengatasi pelajar-pelajar yang tercicir. Di sini, ingin saya nyatakan kepada Yang Berhormat, kita telah ada macam-macam skim, Yang Berhormat, iaitu:-

- (i) Skim Pinjaman Buku Teks;
- (ii) Biasiswa Kecil Persekutuan untuk pelajar sekolah;

- (iii) Bantuan Rancangan Makanan Tambahan dan Susu Sekolah;
- (iv) penempatan ke asrama harian; dan
- (v) biasiswa dari yayasan-yayasan negeri.

Di sini, ingin saya menyatakan juga sekolah-sekolah berasrama penuh sehingga Jun 2002, kita ada sebanyak 42 buah. Apakah ini kita menidakkan anak-anak luar bandar sepertimana Yang Berhormat membuat tuduhan kepada kita pagi tadi. Kita sama sekali tetap membela anak-anak di luar bandar. Mungkin apa satu isu Yang Berhormat telah bangkitkan mengenai dengan tempat Sungai Buloh, bila kita tanya nama dan sebagainya, Yang Berhormat tidak boleh sediakan nama itu.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia berdiri sekali lagi Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Sekali lagi saya katakan Yang Berhormat gagallah sebagai wakil rakyat kawasan itu. Mengenai dengan.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, ini Parit Buntar berdiri Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama sekali saya tidak menimbulkan langsung dalam ucapan saya soal pelajar tercicir. Saya rasa, Yang Berhormat pandai-pandai sendiri sahaja tentang persoalan yang saya timbulkan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:dan hendak membulatkan soalan-soalan tersebut bagi Yang Berhormat ingin mengadakan sendiri, mengadakan butiran-butiran yang tidak pun saya timbulkan. Yang saya timbulkan tadi ialah yang pertama fenomena yang berlaku dalam kelas-kelas di sekolah-sekolah di mana pelajar-pelajar didapati mengantuk dan mengantuk ini menjejaskan pembelajaran, menjejaskan *teaching and learning*, dengan izin, di peringkat sekolah. Saya mengatakan tadi, antara sebabnya bukan sahaja soal saiz dalam kelas itu tetapi ialah disebabkan oleh pemakanan, kemiskinan dan sebagainya. Itu yang saya timbulkan dan bukan soal keciciran itu yang saya timbulkan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Pengerusi, sebab itu yang saya timbulkan Yang Berhormat, sebab Yang Berhormat kerana mengantuk, mengantuk mungkin tidak kerana makanan, boleh jadi pada malam hari dia pergi dengar ceramah PAS – mungkin. Sebab itu tidur lewat. *[Ketawa]*

Kadangkala saya tengok banyak sekarang macam itu, bila telah reda sedikit kempen PAS sekarang ini, ceramah-ceramah PAS di kampung, saya lihat keadaan telah balik tenang, tidak begitu rasa macam anak-anak datang ke sekolah pun sihat sedikit, saya rasalah, itu pandangan saya.

Jadi, begitu juga Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan mengenai dengan kemiskinan, Yang Berhormat bangkitkan mengenai dengan saiz kelas dan sebagainya, itulah yang saya hendak cuba jawab pada Ahli Yang Berhormat, ini ada terlibat, mungkin Yang Berhormat saya ingin beri penjelasan.

Sebab itu saya katakan tadi, cara Yang Berhormat menggambarkan tadi, secara bulat juga saya katakan, seolah-olah Kerajaan Barisan Nasional ini, kami memerintah negara ini berpuluh-puluh tahun tidak pernah kami membuat apa benda apa sekali pun, itulah Yang Berhormat buat tuduhan kepada kita.

Tadi ada Ahli Yang Berhormat bagi Yan pun ada katakan: “Sudah 40 tahun lebih dah memerintah, apa benda pun tidak buat.” Jadi, astaghfirullah saya kata, tengok sahajalah negeri Kelantan, hampir tiga penggal bagaimana keadaan kemiskinan di negeri Kelantan, nasib baik pendidikan adalah di bawah Kerajaan Pusat, jika tidak

Seorang Ahli: Habis!

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: ... Tidak berani saya hendak sebutlah, tidak berani saya sebutlah.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, baik.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Jadi, saya di sini saya teruskan lagi, untuk meneruskan lagi untuk mengatakan Kerajaan Pusat di bawah pimpinan Kerajaan Barisan Nasional, kita telah mengadakan pelbagai rancangan untuk membina anak-anak di luar bandar.

Seciranya ada masih ada anak-anak yang tidak terbela, sila beritahu, sebab itu kita mengadakan pindaan Akta Pendidikan, supaya mewajibkan pendidikan itu di peringkat sekolah rendah untuk mengetahuilah kenapa mereka tidak menghantar anak mereka ke sekolah, ini kita kena hendak tahu, jadi Yang Berhormat kena bantulah kita juga, beritahulah kalau benda kemiskinan itu berlaku, kita akan ambil tindakan. Janganlah kerana itu satu, Yang Berhormat akan pergi canang di seluruh dunia mengatakan Kerajaan Barisan Nasional tidak melakukan keadilan, mereka menggalak kemiskinan. *[Ketawa]*

Ini saya berharaplah Yang Berhormat, ambillah perhatian, saya rasa Yang Berhormat amat bersetuju dengan saya, kita sama-sama Yang Berhormat untuk membangun masyarakat kita, tidak kisahlah PAS atau Barisan Nasional, marilah kita bersama-sama bangunkan anak bangsa kita menurut zaman kita.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sudah habiskah Yang Berhormat?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Jadi, Ahli Yang Berhormat bagi Parit Buntar juga ada menanyakan

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Oh, ada lagi?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: telah menanyakan saya tadi, pada tahun 2002 kita kata kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM123.7 juta untuk program RMT di seluruh negara.

Yang Berhormat bagi Bandau dan Kubang Kerian ada menyatakan mengenai dengan kriteria-kriteria untuk memberi biasiswa kecil dan juga penawaran biasiswa kecil kepada murid-murid di luar bandar. Di sini ingin saya menyatakan antara kriteria yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan bagi pelajar mendapat biasiswa ialah pertama, pelajar dari keluarga yang berpendapatan kurang daripada RM1,000 sebulan. Dan kedua, pencapaian merit pelajar berdasarkan pencapaian akademik kokurikulum dan latar belakang keluarga.

Bagi biasiswa kecil Persekutuan diperuntukkan sebanyak RM109 juta bagi pelajar seramai 150,000 orang, daripada jumlah tersebut 60%, saya nyatakan di sini 60% diperuntukkan kepada pelajar-pelajar luar bandar termasuk di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak.

Akhir sekali ingin saya membuat sedikit kenyataan di sini mengenai dengan

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jangan Yang Berhormat. Tidak payahlah Yang Berhormat buat macam itu.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Pada keseluruhannya saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan ini, dan saya berharap benar dengan apa yang telah dinyatakan atau yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, kita akan mengambil perhatian. Saya pun telah menyatakan tadi mengenai dengan bahasa Inggeris dalam sains dan matematik tadi, kita telah pun menubuhkan sebuah jawatankuasa untuk mendapat pandangan mereka secara terperinci, secara detail seperti mana yang telah dibangkitkan oleh kebanyakan Ahli Yang Berhormat mengapa tidak kita adakan kertas putih, saya rasa kita tidak perlu buat masa ini.

Walau bagaimanapun, dalam masa yang terdekat ini satu pengumuman akan dilakukan bagi menjelaskan secara terperinci. Begitu juga, saya tahu di kalangan ibu bapa ada menimbulkan rasa kebimbangan mengenai dengan kelas-kelas peperiksaan,

ini juga kita akan mengambil kira sekiranya ada saranan, walaupun kritikan, kita tetap akan menerima.

Oleh itu, saya berharap benar isu ini tidak akan dijadikan bahan politik oleh parti pembangkang. Akhir kata saya ucap ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM886,858,700 untuk Maksud B.26 di bawah Kementerian Pendidikan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM886,858,700 untuk Maksud B.26 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM12,000,000 untuk Maksud P.26 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 2002 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM12,000,000 untuk Maksud P.26 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2)2002.

Maksud B.29 dan B.30 [Jadual] – Maksud P.28 [Anggaran Pembangunan (Tamb)(Bil.2) 2002] -

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kepala Bekalan B.29 dan B.30 dan Kepala Pembangunan P.28 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas. Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau kita lihat di bawah Kepala B.29, B.30 dan P.28 ia ada menyatakan perkara-perkara yang khusus, saya minta berbincang kepada perkara-perkara khusus dalam buku ini. Ya, Tambun

3.06 ptg.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin menyentuh di bawah P.28 Butiran 17000 iaitu Dana Jaminan CGC untuk IKS berjumlah RM575 juta. Ini disediakan oleh Japan Bank for International Cooperation untuk tujuan industri kecil dan sederhana sebanyak RM32 juta, manakala sebanyak RM543 juta untuk tujuan penglibatan dalam teknologi maklumat dan komunikasi.

Saya ingin mendapat maklumat lebih sedikit daripada kementerian, pertama, tentang syarat-syarat pinjaman daripada bank tersebut.

Kedua, syarat-syarat yang diberi kepada pengusaha, adakah syarat-syarat tersebut ketat ataupun tidak ketat.

Ketiga, dari segi modus operandi, manakah institusi yang terlibat dalam pemberian pinjaman tersebut.

Di samping itu, dari segi faedah sekiranya ada, bagaimanakah faedah ini, dengan izin, *treat the interest?* Adakah pihak institusi yang bertanggungjawab memberi pinjaman akan mengenakan faedah yang sama daripada yang diterima daripada bank kepada peminjam ataupun ada tokok tambah margin untuk bank?

Kedua, dari segi sistem pemantauan, terutama melibatkan dua industri yang agak sedang muncul, industri kecil dan sederhana didalam proses *transitional* ke peringkat yang lebih besar, manakala dalam industri teknologi maklumat dan komunikasi adalah merupakan industri yang agak baru dan pengusaha belum banyak pendedahan dalam bidang tersebut. Pandangan saya memerlukan kepada pemantauan supaya pinjaman tersebut tidak akhirnya mengakibatkan projek-projek yang dilaksanakan tidak mencapai matlamat.

Dan adakah dalam pemberian pinjaman tersebut, pihak institusi yang memberikan pinjaman melibatkan juga kerja-kerja penasihat dan konsultasi, kita semua maklum bahawa industri yang begini tentulah memerlukan kepada sokongan dari segi konsultasi dan *advisory* terutama untuk menyediakan pelan perniagaan dan juga pelan kewangan.

Biasanya pengusaha yang terlibat dalam bidang-bidang ini kadangkala tidak begitu competent terutama menyediakan *business plan* dan juga *financial plan*.

Saya amat maklum, biasanya sebelum ini saya tidak mengikuti sejak akhir ini bahawa pinjaman CGC diberi oleh pihak bank, itu selama ini saya maklum. Oleh itu, saya ingin mendapat gambaran daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebenarnya dari segi pemberian pinjaman dalam sektor perbankan dan kewangan, berapa banyakkah pinjaman yang diberikan di bawah CGC dari segi peratusan ke atas keseluruhan pinjaman.

Maksud saya, bila saya menyentuh perkara ini, sejauh mana keberkesanan pemberian pinjaman secara CGC ini ke arah untuk memperkukuhkan sektor swasta. Sehubungan itu, sekiranya ada maklumat daripada kementerian, berapa banyakkah syarikat yang terlibat dengan CGC setelah begitu lama, saya ingat tahun 1970-an lagi kita telah memperkenalkan sistem ini, yang sebenarnya graduate ke peringkat atas, umpamanya ada syarikat-syarikat yang kita kategorikan sebagai tier A sekarang ini, tier A yang sudah besar, adakah di antaranya sebenarnya graduate daripada CGC. Sekiranya kurang, apakah langkah yang dijalankan oleh kerajaan untuk memastikan bahawa usaha untuk meningkatkan syarikat-syarikat ini ke peringkat atas ini dilaksanakan.

Di samping itu, kalau tidak silap sayalah, pinjaman ini diberi oleh banyak bank, betulkan Yang Berhormat Timbalan Menteri, CGC ini banyak bank yang terlibat. Tuan Pengerusi, kekhuatiran saya begini, saya lihat sekarang kita gabungkan bank, kemudian akhirnya kita akan mewujudkan bank yang tidak seperti dahulu, ia *specialise*, dahulu *cooperative* satu bank, ini satu bank dan sebagainya, kerana IKS ini adalah sebenarnya satu bidang yang *specialise*, bukannya yang remeh temeh, kita ingat simple, ianya *specialise*.

Sekiranya

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Pengerusi, sebenarnya, perkara yang dikhususkan dalam ini bukannya CGC tetapi SMI JBIC Fund iaitu pinjaman mengenai SMI berhubung dengan SMI daripada Jepun, jadi kalau dapat perbincangan Yang Berhormat balikkan kepada perkara ini.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Pengerusi, ya yang tidak jelas sebab diletak CGC, ha CGC ini maksud, Credit Guarantee Corporation itu pun CGC juga. Jadi saya harap kementerian dapat meletak secara jelaslah, bukan salah saya, letak jelas supaya kita faham betul tentang soal CGC ini. Maknanya boleh kita katakan bahawa pinjaman ini agak barulah, boleh katakan baru ya, dan di dalam prinsip falsafah kita melihat pada yang lama untuk mengetahui yang baru.

Jadi, saya hendak ambil sedikit dari pengalaman yang lama. Dalam pemberian pinjaman kecil ini kita dapati banyak kompelin, dan ini kita tidak tahulah sama ada akan ada kompelin atau tidak. Kalau kita aplikasikan dalam situasi sekarang ini, ada kompelin, bagaimanakah kompelin ini hendak diatasi, kerana dalam banyak kompelin, akhirnya ada juga kompelin yang betul-betul mempunyai merit dan sekiranya kompelin yang ada merit ini kita biarkan, maka kita akan kehilangan business man yang baik.

Jadi, saya ingin mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri, apakah sistem yang diadakan oleh kerajaan untuk memastikan pinjaman ini nanti betul-betul pergi kepada sasaran dan tidak datang kompelin nanti, bermakna pemberian pinjaman ini betul-betul efisien, jumlah yang diberi mengikut yang telah diperuntukkan dan kepada sasaran yang terlibat dan sekiranya tidak sampai kepada sasaran, di manakah individu yang terlibat ini hendak pergi untuk membuat kompelin, supaya kompelin ini akan dikaji dengan betul. Kalau saya ambil contoh di Europe umpamanya ia ada *financial ombudsman*, ia akan pergi melapor kepada *financial ombudsman*, dan *financial ombudsman* akan membuat kajian dan sebagainya dan kemudian panggil pihak-pihak berkenaan untuk mereka kaji dan akhirnya akan membuat keputusan.

Saya berpendapat perkara macam inilah yang harus kita ada supaya individu yang tidak memperolehi pinjaman ini ada tempat dan kes-kes ini akan diberi perhatian yang serius daripada pihak bertanggungjawab kerana pada pandangan saya ini amat penting kerana sekiranya kita tidak wujudkan sistem ini, ada individu yang tidak memperolehinya, ia akan merasakan seolah-olah haknya telah, dengan izin, *deprive* hak dia dan ini akan mewujudkan suasana struktur sosial yang tidak baik.

Struktur sosial yang tidak mengikut order ini, yang tidak dapat melahirkan kecemerlangan, ini yang saya bimbang dalam soal ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Jeli. Dia tercegat awal.

3.16 ptg.

Tuan Mohd Apani bin Haji Mohamad [Jeli]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Dewan sekalian. Bagi membahaskan di bawah Maksud B.30 saya masih ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan tentang ketidakcekapan dua kerajaan yang dipimpin di bawah UMNO, yakni Sabah dan Johor.

Bagi saya, satu jumlah yang besar yakni RM200 juta diperlukan disegerakan untuk Kerajaan Sabah bagi mengatasi masalah aliran tunai. Seperti mana kita sedia maklum tiap-tiap negeri sebelum akhir tahun akan menyediakan *budget*, belanjawan untuk perbelanjaan tiap-tiap negeri. Kenapakah negeri Sabah yang keseluruhan *budget* hanya sekitar lebih kurang RM1.2 bilion, tidak mengambil kira faktor-faktor yang boleh menyebabkan satu pertambahan yang besar yakni RM200 juta daripada RM1.2 ribu juta hampir 20%.

Saya minta pihak kementerian, pihak kerajaan menjelaskan mesti ada suatu perkara yang terpaksa ditanggung oleh pihak kerajaan dan pada masa yang sama ianya terpaksa ditanggung oleh pembayar-pembayar cukai negara kerana RM200 juta itu bukan satu bilangan yang kecil. Untuk makluman Dewan ini keseluruhan belanjawan di negeri Kelantan hanyalah RM220 juta. Maknanya satu angka, satu jumlah RM200 juta diberikan secara tergesa-gesa kepada satu negeri yang merupakan hampir keseluruhan *budget* tahunan satu negeri, yang lainnya, yakni Kelantan.

Saya minta pihak kementerian memberitahu mesti ada. RM200 juta ini satu benda yang sudah *budget* tiba-tiba dipohon RM200 juta. Saya minta pihak kementerian menjelaskan apa perkara yang dibelanjakan sampai perlu RM200 juta kalau tidak negeri Sabah akan menghadapi masalah *cash flow problem* dengan izin.

Dato' Kamaruddin bin Jaafar: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tumpat berdiri Yang Berhormat. Sila.

Dato' Kamaruddin bin Jaafar: Tuan Pengerusi penjelasan daripada Jeli. Kalau ingatan saya tidak hilang, negeri Sabah dan Terengganu pernah sama-sama menerima wang hasil royalti minyak Petronas. Terengganu baru-baru ini ditarik wang royalti tersebut tapi Sabah rasanya tidak ditarik tapi kenapa Sabah masih lagi memerlukan wang tambahan. Terengganu walaupun ditarik tidak perlu. Apa penjelasan Yang Berhormat bagi Jeli.

Tuan Mohd Apani bin Haji Mohamad: Untuk menghilangkan keraguan tentang kemampuan mereka-mereka yang berkelulusan agama mentadbir negeri. Saya perlu jelaskan secara terang di dalam Dewan ini, janganlah kita memperkecilkan kemampuan orang-orang yang berkelulusan agama dari segi mentadbir negeri kerana saya pernah ingat, Tan Sri Abdul Aziz yang pernah menerajui syarikat penerbangan Malaysia sebelum diswastakan kepada Tan Sri Tajuddin Ramli, iaitu tiga tahun semasa beliau memimpin MAS telah memperolehi keuntungan di antara RM150 juta ke RM250 juta setahun selama tiga tahun.

Bila ditanya kepada Tan Sri Aziz, kenapa pada waktu Tan Sri keuntungan boleh dicapai oleh syarikat penerbangan negara. Hujah yang dikemukakan ialah ketelusan, keikhlasan, amanah itu sendiri selarilah dengan apa yang difirmankan oleh Allah SWT dalam surah *Al-Furqan* [*membaca sepotong ayat Al-Quran*] yang bermaksud "Seseorang apabila diberi amanah kepada mereka, mereka akan menjaga amanah tersebut dengan sebaik mungkin".

Kerana bagi saya di Sabah ini saya fikir, ada satu-satu tindakan tertentu yang memang pernah keluar di dalam akhbar, yang di mana kerajaan telah mengeluarkan satu tender yang melibatkan kenderaan tetapi rupa-rupanya kenderaan itu terpaksa dibayar muka oleh kerajaan sendiri. Walhal sepatutnya dikemukakan, didahulukan oleh syarikat yang berjaya tersebut, tetapi kerajaan telah mendahulukan wangnya sendiri.

Ini satu perkara yang pelik bin ajaib. Kalau dikatakan penswastaan tirulah model Kelantan, tiru model Kelantan di mana pun Kerajaan Kelantan tidak ada peruntukan yang cukup untuk membiayai projek-projek pembangunan tetapi Kerajaan Kelantan telah membuka penswastaan sebesar-besarnya. Sebab itu kita lihat kalau ada bangunan-bangunan tinggi di Kelantan itu projek yang dijalankan oleh swasta. Inilah model ekonomi sebenar dunia, global. Kerana sampai bila kerajaan ingin terpaksa *pump priming the economy*.

Hakikatnya di dalam negara kita Malaysia sudah lima tahun berturut-turut kerajaan terpaksa *pump priming the economy* tetapi model Kelantan, sudah kami tahu kami tidak ada wang....

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat, Kubang Kerian berdiri Yang Berhormat.

Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad: ...yang mencetuskan ekonomi itu sendiri.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kubang Kerian berdiri Yang Berhormat, hendak bagi jalan. Ya, sila.

Tuan Husam bin Haji Musa: Yang Berhormat bagi Jeli ya. Di Johor pun dia buka untuk swasta tetapi melalui anak syarikat J. Corporation (J.Corp) dan hutang dia sudah meningkat RM10 bilion. Bolehkah Yang Berhormat jelaskan lagi mengapa kemelut ini boleh berlaku.

Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad: Saya akan jawab soalan Kubang Kerian dan Tumpat bersekali. *[Ketawa] Conclusion, conclusion* yang kita hendak bawa ialah supaya dalam Dewan yang mulia ini jangan sesekali mempertikaikan dan memperlekehkan mereka-mereka daripada aliran agama untuk mentadbir negeri dan negara. Itu hujah yang hendak saya bawa? Kerana apa? Saya hendak kembangkan daripada Tumpat kata, bayangkanlah negeri Terengganu.

Sekarang ini saya ulangi lagi. Negeri Terengganu pada waktu biasanya semenjak 25 tahun mendapat wang royalti dan wang royalti ini merupakan 70% daripada *income* kerajaan negeri, 70% daripada *income* kerajaan negeri. Tiba-tiba semenjak rakyat menukar selera kepada kerajaan lain, Kerajaan Pusat telah menghukum dengan menggantikan perkataan royalti kepada ehsan....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini jauh pergi Yang Berhormat. Jauh pergi Yang Berhormat.

Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamed:ini jawablah dengan Allah SWT.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jauh pergi Yang Berhormat. Yang Berhormat jauh sudah pergi itu.

Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad: ...dekat, saya kaitkan balik, yang jauh didekat-dekatkan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak kaitkan itu panjang sangat.

Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad: Jadi sekarang ini dengan *budget* 30% daripada keadaan yang asal Kerajaan Negeri Terengganu di bawah seorang ulama dapat mentadbir dan tidak perlu minta, tidak perlu minta di pertengahan tahun dan di penggal ketiga, suku pertama, suka kedua untuk menjalankan pentadbiran negeri. Jadi bermakna walaupun telah ditarik royalti, wang royalti tersebut tetapi masih mampu mentadbir. Ini kunci kepada pentadbiran yang telus itu sendiri, sebab itu ulama ini kita lebih mengharapkan, kita lebih teras dengan izin, dari sudut amanah, ulama lazimnya lebih amanah daripada mereka yang bukan daripada ulama.

Berbalik kepada soalan Kubang Kerian di mana kita perhatikan di Johor J.Corp dulunya kita difahamkan hutang J.Corp ini RM5.5 bilion dan sekarang Kubang Kerian sudah membangkitkan hampir RM10 bilion. Kita perhatikan *investment* dengan izin, J.Corp ini banyak kecewa *investment*nya dia di Indonesia dalam sektor perladangan, kerugian yang besar dialami oleh J.Corp kerana perladangan di Indonesia itu sendiri.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Pengerusi dan terima kasih Kubang Kerian, saya dengar tadi Kubang Kerian...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jeli

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: ..Jeli minta maaf, Jeli bukan main memuji pentadbiran ulama agaknya sebab dekat pilihan raya. Saya hendak tanya Yang Berhormat, kalau hendak persoalkan kejujuran, keikhlasan, kita perlu jadi ulama, baru jadi insan yang baik. Saya rasa itu tidak benar.

Kita orang Islam, orang Islam sepatutnya kita harus menghayati apakah ajaran Islam itu. Sebagai orang Islam kita harus menjadi orang Islam yang baik. Tidak semestinya kalau tidak belajar agama. Tidak semestinya kalau kita tidak berpendidikan agama, kita boleh buat apa yang kita suka.

Saya rasa itu pandangan yang paling tidak tepat. Kita sepatutnya menghayati diri kita sebagai orang Islam dan kita harus menjadikan diri kita umat yang baik barulah kita jadi Islam yang baik. Adakah kita kalau tidak ada pendidikan agama, kita bukan ulama. Kita boleh buat apa kita suka dan kita melupakan tanggungjawab kita dengan Tuhan. Apa penjelasan Yang Berhormat?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Jangan panjang sangatlah Yang Berhormat.

Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad: Sikit, sikit saja..

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat dulu pun saya ingat latar belakang pun....

Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad: Saya *surveyor* dan *business, economy* dan *surveyor*. Jadi sekarang ini saya tidak dari aliran agama *per se* bermakna *direct* tetapi saya hendak beritahu kalau tidak kenal maka tidak cinta. Ulama ini dia mengenal agama, dia belajar agama. Kita belajar yang lainnya, cuma guru agama ini sebagai tempelan semata-mata. Kalau di sekolah berapa jam sangat kita mengaji agama, tambahan pula kalau yang jenis tidak pernah *attend* program-program luar kurikulum yang bersabit dengan agama lain tidak faham.

Jadi sebab itu mereka yang faham agama, cinta agama sudah tentulah mereka akan menjaga agama, menghayati agama. Bila menghayati agama selamatlah segala-galanya. Itu beza, sebab itu ...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Arau sila.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Pengerusi, ..

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalan lagi Yang Berhormat.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Saya hendak tanya juga, saya dengar orang berceramah, kita sama-sama bukan daripada aliran agama, tapi saya rasa sebagai orang Islam, saya dididik oleh keluarga saya untuk memahami dan menjadi umat yang terbaik sebaik mana yang boleh.

Saya hendak tanya Yang Berhormat, ada disebutkan pun dalam Al-Quran dan ada juga disebut pun oleh orang-orang yang mengetahui agama bahawa ada juga orang-orang yang disebut ulama, tapi ulama ada dua. Ada ulama yang baik dan ada ulama yang menyesatkan. Cuba Yang Berhormat bagi penjelasan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak payahlah Yang Berhormat, jawab yang lainlah Yang Berhormat. Terus yang lain Yang Berhormat, jangan bincang, kita buat seminar khaslah. *[Ketawa]* Terus kanlah Yang Berhormat.

Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad: Jadi saya pergi, sekarang ini...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat jawab yang lain Yang Berhormat.

Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad: ...yang ini Kerajaan Johor, balik Kerajaan Negeri Johor ini. Jadi Sabah saya minta pihak kementerian menjelaskan kenapa perlu sampai RM200 juta daripada *budget* keseluruhan RM1.2 bilion mesti ada. Tolong jelaskan kenapa berlaku begitu dan negeri Johor RM60 juta, kita kena ingat negeri Johor yang tadbir negeri ini pakar ekonomi, yang tadbir negeri Sabah seorang peguam, pensyarah ekonomi. Macam mana boleh jadi macam ini.

Sekarang ini kita tengok J.Corp konon pada suatu ketika dikatakan yang terbesar tetapi sekarang menanggung hutang paling besar RM10 bilion...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat masa Yang Berhormat sudah habis Yang Berhormat.

Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad: Ha, sikit saja lagi. Sekejap. Jadi sebab itu saya minta Kerajaan Johor di sebalik mendapat RM6 juta mesti menjelaskan di mana kedudukan KPRJ, tanah-tanah hak milik kerajaan yang diberi milik apa jadi dengan KPRJ. Pembangunan tidak dapat kelihatan dan KPRJ ini didapati kerugiannya besar, walaupun tanah-tanah negeri telah diambil oleh KPRJ, bukan hanya J.Corp tapi KPRJ juga menghadapi masalah kewangan yang besar.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa sudah habis Yang Berhormat.

Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasihlah di atas murah hati memberi tiga minit kepada saya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Parit Sulong

3.30 ptg.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya hanya merujuk kepada Maksud P.28 – Butiran Projek 12000 Multimedia Development Corporation Sdn Bhd.

Di sini dinyatakan bahawa wang sebanyak RM26,380,000 adalah dikehendaki bagi membiayai peningkatan ekuiti Multimedia Development Corporation Sdn Bhd dan tidak dijelaskan ekuiti untuk apa. Jadi saya hendak penjelasan mengenai hal ini dan perincian mengenai hal ini.

Yang keduanya, saya juga ingin mendapatkan penjelasan berapa banyakkah syarikat-syarikat ICT yang pada hari ini telah pun menerima status MSC dan berapa banyakkah syarikat-syarikat yang mendapat status MSC itu adalah syarikat tempatan dan berapa banyak pula merupakan syarikat luar negara.

Yang ketiga, daripada syarikat-syarikat yang menerima status MSC itu, berapa banyakkah yang bergerak secara aktif dan berapa banyakkah yang sedang *dormant* ataupun telah pun tidak dapat meneruskan operasi akibat kemelesetan di dalam industri ICT.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, adalah mengenai syarikat-syarikat yang menerima taraf MSC adakah benar mereka mendapat *venture capital* daripada anak syarikat MDC dan berapa banyak daripada syarikat-syarikat yang menerima *venture capital* itu juga adalah syarikat tempatan dan berapa banyak syarikat asing dan bagaimanakah prestasi dan perkembangan syarikat-syarikat berkenaan.

Paling akhir sekali berkaitan dengan MDC dan MSC adalah, menyimpang sedikit Tuan Pengerusi, iaitu mengenai dana-dana yang diwujudkan untuk syarikat ICT. Seumpama yang diwujudkan di bawah Kementerian Kewangan dan sebagainya. Berapa banyakkah dana-dana ini telah pun digunakan sekarang. Bagaimanakah *response* pihak syarikat-syarikat, pengusaha syarikat ICT di dalam negara sama ada yang tempatan ataupun berasal daripada luar negara yang menerima dana-dana ini?

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Seterusnya, dan akhir sekali saya ingin bertanya bagaimanakah nasib syarikat-syarikat "*stuck-up*" ataupun syarikat-syarikat kecil baru ICT yang selalunya muncul secara orang kata *backyard industry* mendapat perhatian pihak kerajaan supaya diselaraskan dengan *emphasis* kita bahawa kita mahu membangunkan K-

Ekonomi, mahu memperhebatkan ketumbuhan *E-Commerce* ataupun E-Dagang supaya selaras dengan tuntutan zaman pada hari ini.

Itu sahaja, Tuan Pengerusi yang saya kemukakan dan mudah-mudahan mendapat jawapan yang sewajarnya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Kemaman.

3,32 ptg.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof [Kemaman]: Terima kasih. Saya ingin membahaskan Maksud B.29 Butiran 020000 Bayaran Pindahan dan Pemberian Tunggakan Skim Pembayaran Kredit Minyak Sawit. Baru-baru ini apabila harga minyak kelapa sawit turun maka kerajaan mengambil pendekatan untuk tidak membenarkan ataupun *discourage* pembukaan tanah-tanah baru tanaman kelapa sawit.

Peneroka-peneroka FELDA digalakkan supaya mengadakan penanaman semula di atas kebun-kebun mereka dan akibat daripada polisi ini atau pun pendekatan ini, saya dapati bahawa banyak peneroka-peneroka FELDA yang mengambil skim untuk penanaman semula ini mereka dapati bahawa tidak ada lagi pendapatan yang mereka dapat hasil daripada kelapa sawit ini tetapi mereka terpaksa pula menanggung hutang yang baru untuk menanam kelapa sawit. Sebagaimana yang dijanjikan oleh FELDA, mereka sepatutnya selepas 25 tahun selepas habis bayar hutang mereka akan dapat milik tanah-tanah yang mereka usahakan selama ini tetapi dengan skim penanaman semula ini maka banyak peneroka-peneroka FELDA tidak dapat balik tanah ini tetapi berhutang semula dengan FELDA kerana menanam semula.

Kita lihat juga bahawa kerajaan banyak menyediakan skim-skim kredit kepada negara-negara asing seperti Iraq, India, China dan sebagainya untuk menggalakkan pembelian kelapa sawit oleh negara-negara tersebut daripada negara kita. Daripada kredit-kredit yang kita berikan kepada negara-negara ini, saya hendak tahu macam mana pembayaran mereka. Adakah mereka *good paymaster* ataupun banyakkah negara-negara yang kita beri ini tidak dapat melangsaikan hutang-hutang mereka dan terpaksa kerajaan menanggung lagi hutang-hutang yang sedia ada dan dalam masa yang sama mereka juga ingin membeli minyak kelapa sawit ini daripada Malaysia untuk menampung keperluan mereka. Jadi saya hendak tahu kedudukan skim-skim ataupun kredit-kredit yang diberikan kepada negara-negara luar ini terutamanya negara-negara seperti India, China, Iraq dan sebagainya dan Mesir.

Yang keduanya saya ingin menyambung sedikit perbincangan yang dibuat oleh Ahli Parlimen bagi Jeli tadi, mengenai peruntukan untuk kerajaan Sabah dan Johor. Salah satu faktor yang menyebabkan ketidakstabilan ataupun ketidakupayaan negeri Sabah ini mengolah ekonominya kerana salah satu sebabnya, pandangan saya kerana sistem pertukaran Ketua Menteri dua tahun sekali.

Jadi dalam masa dua tahun, macam mana peruntukan-peruntukan yang dicadangkan oleh Ketua Menteri dapat dilaksanakan sedangkan Perdana Menteri kita yang memerintah lebih 20 tahun mengakui selama 22 tahun beliau memerintah, beliau gagal dalam perjuangan dia melaksanakan apa yang dicita-citakan.

Tuan Wan Nik bin Wan Yusoff [Bachok]: [Bangun].

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Yang hairannya negeri Terengganu yang hanya baru dua tahun lebih di perintah oleh Barisan Alternatif [Ketawa] baru dua tahun dalam Barisan Alternatif, negeri Terengganu hari ini kadar kemiskinannya sudah turun daripada tangga kedua naik ke tangga ketiga, menunjukkan bahawa kerajaan di bawah Barisan Alternatif ini berkesan dalam pentadbiran dan pengurusan ekonomi negeri.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Wan Nik bin Wan Yusoff: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih sahabat saya Ahli Yang Berhormat bagi Kemaman. Saya ingin mendapat pandangan Ahli Yang Berhormat bagi Kemaman, adakah Yang Berhormat rasa dengan pelantikan *rotation* begini akan berlaku juga pertambahan *budget* nanti dalam kes negara Malaysia kerana Perdana Menteri kita nampaknya selepas Persidangan OIC, baru ingin meninggalkan jawatan beliau. Takut dalam keadaan begini, dua Perdana Menteri begini boleh berlaku macam Sabah juga. Terima kasih.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih. Saya tidak tahulah apabila beliau menyatakan bahawa perjuangan dia belum selesai ataupun masalah-masalah

yang ditinggalkan belum selesai sebab itulah saya tidak tahu, mungkin kerana banyak masalah yang belum diselesaikan lagi yang memerlukan beliau menanggungkan peletakan jawatan.

Tuan Pengerusi, mengenai kedudukan Sabah ini, saya ingin mencadangkan supaya *scrutinize* lah perbelanjaan negeri-negeri ini kerana kita lihat bahawa terlalu banyak negeri-negeri yang diberi peruntukan, disediakan peruntukan ini hari ini mengalami hutang yang begitu tinggi seperti mana yang kita tahu Terengganu sebelum ditinggalkan oleh Barisan Nasional RM600 juta lebih, di Kedah RM1.2 bilion dan banyak negeri-negeri di seluruh Malaysia ini berhutang dengan begitu tinggi. Jadi sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Arau.

3.37 ptg.

Puan Mastika Junaidah binti Husin [Arau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga turut hendak membahaskan Maksud P.28 iaitu peruntukan untuk MDC dan juga dana jaminan CGC untuk IKS.

Sebelum itu Tuan Pengerusi, saya dengar tadi Yang Berhormat bagi Kemaman tadi menyebut dua Perdana Menteri. Saya pun hairanlah. Dia orang baca surat khabar pun tidak faham. Tengok berita pun tidak faham. Kita tidak ada dua Perdana Menteri.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Saya tidak katapun.

Puan Mastika Junaidah binti Husin: Kita tidak ada dua Perdana Menteri. Saya rasa peralihan yang terbaik di Malaysia, jarang orang yang sudah pegang jawatan hendak turun daripada jawatan

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Siapa suruh tidak turun.

Puan Mastika Junaidah binti Husin:tetapi kita membuktikan bahawa di Malaysia kita telah memperlihatkan bahawa satu sikap dalam politik yang baik yang mungkin boleh menjadi contoh kepada orang lain. Tidak turun sebab kita yang mendesak.

Tuan Pengerusi, mengenai Multimedia MDC, saya menyokong supaya peruntukan ini diberikan sebagaimana dicadangkan oleh kementerian. Dalam soal penggunaan ICT di negara kita, kita berterima kasih kerana kerajaan kita mempunyai pandangan yang jauh. Kita tahu dalam zaman globalisasi hari ini ICTlah merupakan satu daripada faktor yang boleh menentukan masa depan negara kita.

Walaupun kita dengar banyak sangkaan-sangkaan yang tidak baik yang dikemukakan kepada kerajaan tetapi saya masih berpendirian bahawa keupayaan kerajaan untuk mengadakan Multimedia Super Corridor dan juga kegiatan-kegiatan yang berkaitan dengan meningkatkan kemampuan dan keupayaan kita untuk menguasai ICT harus diberi sokongan.

Saya juga bersetuju dengan apa yang telah pun dipersoalkan oleh rakan-rakan saya, kita harap peruntukan ini akan dapat memperkukuhkan lagi keupayaan dan kemampuan kita untuk kita meningkatkan E-Dagang, E-Commerce dan semua E yang ada di negara kita.

Saya juga berharap kepada pihak kementerian dalam kita memajukan ICT di negara kita, kita juga harus menterjemahkan kefahaman dan juga harus memberi pengajaran agama melalui ICT. Oleh kerana saya masih lagi berpendirian bahawa mereka yang mempunyai kemampuan, keupayaan dalam akademik sebagai pengusaha-pengusaha dan orang-orang penting di dalam pembangunan negara sama ada mereka menjadi pemimpin parti politik ataupun mereka menjadi pegawai dalam pentadbiran negara mereka harus mempunyai asas agama yang kuat. Ini saya memang amat bersetuju, tidaklah perlu kita hendak ulama, tetapi semua orang harus menerapkan pengetahuan agama ini dan amalkan sistem hidup beragama dan agama Islam mengajar yang baik untuk bukan Islam pun. Untuk makluman, agama Islam mengajar perkara-perkara yang baik.

Oleh itu saya berharap supaya MDC juga mengambil peranan supaya pengajaran agama, falsafah agama Islam, *fundamentals* agama Islam ini dapat diterjemahkan supaya keseluruhan rakyat terutamanya profesional dapat mengamalkan bukan sahaja menghayati melalui amalan amal ibadat fardu 'ain tetapi juga memahami

bahawa kepentingan fardu kifayah untuk pembangunan ummah dan juga untuk mengangkat martabat dan kemajuan bangsa Malaysia itu sendiri.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan dana jaminan CGC yang dicadangkan untuk *small and medium scale industries* yang terlibat dengan ICT. Saya hendak bagi pandangan di sini, Tuan Pengerusi, kalau kita lihat daripada pencapaian industri-industri kecil di negara kita, tidaklah begitu membanggakan. Kita semakin menghadapi masalah sehingga sekarang ini. Padahal kita melihat di Taiwan, mereka mempunyai *small and medium scale industries* ini begitu maju. Begitu juga di Korea. Saya hendak mengambil contoh yang terdekat di Thailand sebab saya dekat dengan Thailand. Perlis dekat dengan Thailand. Mereka dahulu mengadakan industri barang-barang tiruan ini walaupun kerajaan mereka mungkin tidak buat *endorsement* tetapi mereka mempunyai industri-industri kecil, *backyard industries* yang dahulu dibuat dalam keadaan yang tidak begitu maju tetapi hari ini kualiti pengeluaran barang-barang tiruan ini telah pun menyamai hingga kalau lihat kita tidak boleh bezakan '*Made in Italy*' dengan '*Made in Thailand*'.

Hari ini saya dapat maklumat daripada mereka bahawa barang-barang keluaran Thailand telah dihantar ke Italy diletak *brand* '*Made in Italy*' dan dieksport kembali. Kita mungkin membeli dengan harga yang begitu mahal tetapi ia adalah industri daripada negara yang dahulunya mengamalkan cara membuat industri secara tiruan.

Saya bimbang di sini di mana peraturan-peraturan yang selalu diperkenalkan di negara-negara Barat misalnya peraturan-peraturan harta intelek dan sebagainya. Kita di negara kita sering mengikuti apa sahaja yang telah pun di peringkat antarabangsa sehingga kita tidak sedar bahawa peraturan-peraturan yang kita persetujui itu menyekat kemampuan dan keupayaan pengusaha-pengusaha di negara kita. Saya berharap apabila kita terlibat dalam bidang ICT ini kita hendaklah meneliti, melihat supaya peraturan-peraturan yang dibuat tidak menyekat kemampuan dan keupayaan syarikat-syarikat yang terlibat dalam ICT.

Oleh kerana ICT adalah satu bidang baru, kemungkinan kita boleh bersaing di situ. Dalam industri-industri yang lain, misalnya pembuatan barang-barang *spare part* kereta, barang-barang lain termasuk *brooch* yang dipakai oleh wanita dan sebagainya, beg, *handbags*, kita nampaknya memang tidak mampu lagi bersaing kerana kita telah jauh ketinggalan.

Jadi, saya percaya bahawa saya memang menyokong peruntukan ini dikeluarkan dan saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Tambun tadi. Kita minta kementerian pastikan supaya peruntukan ini dapat sampai ke sasarannya dan dalam masa yang sama kita tidak terperangkap dengan peraturan-peraturan yang dibuat oleh pihak-pihak yang lain yang mana tidak menguntungkan syarikat kita. Sila.

Tuan Pengerusi: Ya, Kemaman.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih. Saya ingin meminta pandangan Yang Berhormat mengenai satu kisah di mana salah satu daripada jenama daripada Itali, taukenya telah pergi ke Korea dan melihat barangan tiruan yang dibuat di Korea dan mendapati bahawa kualiti yang dibuat di Korea itu lebih baik daripada yang dibuat di Itali dan akhirnya syarikat ini mengambil alih syarikat yang membuat barangan tiruan yang dikeluarkan oleh syarikat beliau di Itali.

Jadi seperti mana Yang Berhormat nyatakan bahawa di Malaysia ini kita *strict* terhadap mereka yang mengeluarkan barangan-barangan untuk *copy* yang dikeluarkan oleh negara-negara maju dan sebagainya. Contohnya, dalam bidang *oil and gas*. Kita lihat bahawa kalau barangan itu dibuat di Malaysia, Petronas tidak akan luluskan tetapi kalaulah barangan ini dibuat di China, mereka beri kelulusan. Jadi saya minta pandangan daripada Yang Berhormat.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Yang Berhormat. Agaknya kita di Malaysia ini sememangnya sebuah negara yang selalu jujur dan mengamalkan sikap yang begitu baik. Kita melihat peraturan-peraturan yang dilaksanakan oleh dunia dan kita selalu *adopt* peraturan ini dan untuk bersaing dengan negara-negara yang dominasinya begitu kuat, saya rasa yang penting, Yang Berhormat, kita bersatu. Akan tetapi dalam negara kita, kita tidak bersatu! Ini masalahnya.

Selain daripada kita melihat persaingan antara kita dengan negara lain, satu elemen kekuatan dalam kita bersaing, kita hendaklah mempunyai satu pentadbiran, pemikiran rakyat dan agenda kita harus melihat bagaimana kemampuan kita bersaing dengan negara-negara lain. Saya setuju dengan apa Yang Berhormat sebut tadi, tetapi saya menyarankan supaya untuk kita menjadi sebuah negara yang kuat, kita harus mempunyai kekuatan dalaman dan kita harap pihak pembangkang juga mempunyai fahaman yang sama dan memberi sokongan kepada kerajaan. Jangan setiap kali apa sahaja yang cuba diperkenalkan oleh kerajaan kita mengambil jalan membangkang dan mengeksploitasi keadaan. Ini akan melemahkan kekuatan dan daya saing kita. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Kepong.

3.48 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, tiga perkara sahaja iaitu B.29 mengenai wang yang dikehendaki bagi menyelesaikan sebahagian daripada hutang tertunggak di bawah Skim Peraturan Pembayaran dan Kredit Minyak Sawit (POCPA). Di sini saya hendak menanya Yang Berhormat, apakah setakat ini dengan membayar pembayaran hutang tunggakan ini, kita dapat menyelesaikan masalah dan apakah skim yang dimaksudkan ini dan setakat manakah kita dapat membantu industri kelapa sawit? Adakah ini kena mengena dengan skim kredit yang diberikan kepada misalnya Pakistan, Rusia dan negara China juga? Memandangkan ketegangan di antara India dan Pakistan, adakah ini sudah menjejaskan skim kita di dalam industri kelapa sawit ini? Saya berharap kementerian dapat mengambil tindakan yang lebih efektif untuk mengatasi masalah yang kita hadapi di dalam pelaksanaan skim tersebut.

Tuan Pengerusi, satu perkara mengenai P.28, mengenai ekuiti kepada Multi-Media Development Corporation Sdn. Bhd. Ini sudah tiap-tiap kali kita adakan bekalan tambahan, ada dibangkitkan masalah untuk meningkatkan ekuiti MDC ini. Di sini saya pun tidak begitu berpuas hati mengenai prestasi MDC di dalam memajukan ICT di negara ini.

Yang pertamanya mengenai penggunaan *fiber optic*. Di Cyber Jaya dan juga di Putrajaya serta sekitarnya, saya percayalah, saya berharap semua yang terlibat menggunakan *fiber optic* di kawasan itu. Akan tetapi di kawasan-kawasan yang lain di luar daripada kawasan multimedia ini, MSC ini adakah penggunaan *fiber optic* ini sudah bertambah? Adakah syarikat-syarikat termasuk Telekom Malaysia yang menggalakkan penggunaan *fiber optic* ini kerana Tuan Pengerusi, masa depan kita bergantung kepada penggunaan *fiber optic*. Kita diberitahu bahawa termasuklah Telekom yang di luar daripada kawasan MSC tidak menggalakkan penggunaan *fiber optic* dan sebaliknya menggunakan cara konvensional dan inilah merupakan suatu halangan kepada MDC kita kepada mencapai tahap yang lebih tinggi bagi MSC. Saya berharap perkara ini dapat disiasat oleh MDC atau kementerian untuk mengesahkan sama ada penggunaan *fiber optic* ini diperluas untuk masa depan.

Tuan Pengerusi, di dalam kempen untuk memperluas penggunaan literasi *internet* kebangsaan kita, nampaknya pihak MDC dan juga kementerian belum lagi memberitahu kita setakat mana kita dapat menjayakan kempen tersebut. Setakat ini kita tahulah di industri kecil dan sederhana (IKS) mungkin 30% sahaja ataupun tidak sampai 3% yang menggunakan *internet* dan ICT kita dan sebab apakah 70% enggan berbuat demikian? Adakah kerana tabung-tabung seperti Human Resource Development Fund (HRDF) yang tidak dapat membantu mereka untuk menceburkan diri di dalam ICT.

Di sinilah saya nampak Yang Berhormat Perlis itu ada cadangan yang baik juga mengenai penggunaan ICTnya. Akan tetapi, kita pun berharaplah supaya Arau boleh bersama-sama membantu kita supaya jiran kita Thailand tidak akan hantar buah-buahan yang beracun kepada negara kita seperti mata kucing (*longan*) yang kadangkala direndamkan di dalam *preservative* yang beracun, tambahan pula kalau kita dapat mangga-mangga yang dihantar ke Malaysia itu gred 'B', gred 'C' sahaja. Gred 'A' itu dihantar ke negara-negara lain. Ini memang Perlis boleh tolong kitalah kalau dikatakan jiran hendak tolong.

Tuan Pengerusi, mengenai ICT kita, kita perlukan banyak graduan. Tahun lepas kita hanya dapat 90,000 graduan bagi ICT daripada IPTA dan IPTS kita. Tahun ini saya tidak tahulah sama ada kita boleh meningkatkan kepada 100,000 kerana ini

memang penting. Ini disebabkan kita diberitahu bahawa Modernization Manpower Planning Unit (MAMPU) sudah pun menyiapkan satu *ICT strategic plan* ataupun meminta semua agensi kerajaan berbuat demikian.

Setakat ini kita belum tahu sejauh mana agensi-agensi yang memberi maklum balas kepada pihak MAMPU untuk mencapai suatu pelan strategik ICT ini dan saya diberitahu bahawa hanya 40% agensi kerajaan sudah menghantarkan pelan atau melaksanakan sebahagian daripada pelan strategik ICT ini. Tuan Pengerusi, patutlah MAMPU mengeluarkan satu laporan kepada kita semua di sini untuk mengetahui setakat mana *ICT strategic plan* dijayakan supaya semua agensi kerajaan dapat menggunakan ICT dengan sempurna. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Bagan.

3.53 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Saya merujuk kepada B.29 iaitu RM1,090 juta untuk menyelesaikan sebahagian daripada hutang tertunggak di bawah Skim POCPA. Maksud "sebahagian" bermakna masih ada banyak lagi tertunggak yang belum dibayar. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu jumlah sebenar hutang itu, berapakah angkanya? Adakah skim peraturan pembayaran dan kredit minyak sawit ini diguna pakai untuk membiayai rel berkembar dari Rawang ke Butterworth dan juga Seremban ke Johor Bahru? Kedua-dua projek rel berkembar ini dibina oleh negara India dan negara China.

Sekiranya maksud ini adalah untuk tujuan projek yang saya maksudkan, bolehkah Yang Berhormat memberitahu angka sebenarnya untuk membina rel berkembar ini? Sekiranya tidak memakai Skim POCPA ini tetapi menggunakan cara konvensional iaitu secara tender terbuka, kalau dibandingkan, mana yang lebih memberi keuntungan kepada negara kita ini iaitu secara tender terbuka dengan pembayaran secara tunai atau melalui skim pertukaran kredit minyak sawit ini?

Sekiranya skim ini seperti apa yang saya katakan, maka rel berkembar ini bila ia boleh disiapkan dan sekiranya siap dibina, apa jenis kereta api yang kita akan pakai? Sama ada kita masih akan pakai lokomotif yang dikuasai oleh diesel ataupun kereta api yang memakai kuasa elektrik? Sekian sahaja.

Tuan Pengerusi: Ya, Kubang Kerian.

3.58 ptg.

Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. *Bismillah. Alhamdulillah. Wassalatuwassalamuala rasullillah.* Saya merujuk kepada B.28, peruntukan sebanyak RM26 juta kepada Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd.

Kita telah pun memperuntukkan kepada MDC pada *budget* tahun ini sejumlah RM160,747,000. Oleh yang demikian, adalah wajar untuk Dewan ini meneliti pengurusan dan perjalanan Multimedia Development Corporation ini dengan sehalus-halusnya sebelum kita meluluskan begitu banyak wang negara kita kepada mereka dan seharusnya juga mereka menguruskan wang ini dengan begitu cekap dan teliti dan saya berharap pengurusan tertinggi mereka hadir pada petang ini untuk menjawab sebahagian daripada apa yang sempat saya lakukan bagi meneliti perjalanan *corporation* ini.

Setelah penelitian kasar saya buat, didapati MDC telah memperuntukkan sejumlah wang yang begitu besar bagi perbelanjaan pentadbiran iaitu lebih kurang perbelanjaan pentadbiran yang telah mereka gunakan di peringkat *company* dan juga *group* mereka sejumlah RM53 juta bagi tahun 2000. Daripada RM53 juta perbelanjaan pentadbiran ini, saya difahamkan dan selepas saya membuat penelitian ringkas, saya dapati hanya RM28 juta dibelanjakan untuk gaji dan elaun kakitangan di semua peringkat.

Akan tetapi sebanyak RM25 juta lagi bakinya adalah untuk perbelanjaan-perbelanjaan yang pada hemat saya adalah mewah dengan menggunakan saluran yang begitu mudah daripada wang rakyat. Bahkan saya difahamkan bahawa *Executive Chairman* dan *Vice-President*, mereka mempunyai gaji bulanan RM30,000 hingga RM40,000 sebulan. Bila berjalan ke luar negara, mereka mendapat kemudahan-kemudahan sebagaimana kemudahan Ketua Negeri dengan hotel enam bintang, penerbangan yang dibiayai, limousin dan sebagainya.

Saya tidak hendak ungkitkan itu, tetapi adakah wajar wang yang kita peruntukkan bagi mereka membangunkan multimedia di negara kita, digunakan dalam keadaan yang begitu mewah dan berleluasa. Dan seperti yang telah saya sebutkan tadi, RM53 juta perbelanjaan untuk pentadbiran, RM28 juta sahaja untuk bayaran gaji dan elaun, yang selebihnya adalah perbelanjaan-perbelanjaan lain, yang pada hemat saya mesti diteliti dengan lebih baik. Pada masa yang sama syarikat ini mengalami kerugian, dan kerugian ini meningkat daripada tahun 1999 sebanyak RM15.6 juta kepada sebanyak RM44.8 juta pada tahun 2000, dan sehingga Disember tahun 2000, kerugian tertunggak atau terkumpul MDC ialah lebih daripada RM100 juta – dalam masa yang begitu singkat.

Dan pada hemat saya, setakat hari ini, MDC tidak menunjukkan sebarang tanda pemulihan ataupun tanda ia akan mengutip keuntungan daripada operasinya. Dan pada masa yang sama, berlaku pada hemat saya, beberapa perkara yang dari segi pengurusan adalah mesti ditegur. Di antaranya, mereka membeli syarikat-syarikat sebagai anak syarikat, dengan tidak melakukan *due diligence* terlebih dahulu, dan termasuk memberikan pinjaman kepada pihak-pihak lain yang tidak ada kena-mengena secara langsung dengan MDC – bukan anak syarikatnya, bukan *subsidiary*nya, bukan *associate company*nya, Tuan Pengerusi dengan izin, tetapi telah memberikan pinjaman.

Sebagai satu contoh yang mudah ialah E-Village. E-Village telah diberikan pinjaman RM41.7 juta. Mengapakah pinjaman semudah itu diberikan kepada satu syarikat yang tidak ada kena-mengena, ia bukan anak syarikat MDC, bukan *associate company* MDC, dan mungkin pinjaman ini diberikan tanpa cagaran? Dan kita semua tahu apa nasib yang telah menimpa E-Village – E-Village telah lingkup sebagaimana MEC di Gambang telah lingkup. Tetapi pinjaman daripada wang yang kita luluskan ini, dengan begitu mudah diberikan kepada syarikat ini sebanyak RM41 juta.

Bayangkan bagaimana Yang Berhormat bagi Parit Buntar telah menceritakan ada rakyat miskin, yang kelaparan ke sekolah, bagaimana Ahli-ahli Parlimen kita bercakap tentang gaji dan elaun Ahli Parlimen adalah sama tinggi dengan taraf guru besar. Tetapi pengurus-pengurus yang kita luluskan peruntukan daripada wang negara ini, telah membelanjakan secara yang tidak *prudent*, dan ini memerlukan tanggungjawab. Saya telah beberapa kali membangkitkan perkara-perkara sebegini, bukan kerana saya menaruh perasaan dengki kepada mereka, tetapi kita perlukan keseimbangan. Jika kita tidak membazirkan wang di sini, rakyat miskin akan menikmati kemudahan yang lebih baik. Dalam E-Village, RM41 juta telah diberikan pinjaman ..

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Ada yang bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih. Tuan Pengerusi, saya tertarik dengan perbincangan pembiayaan, saya di luar tadi mendengar sahabat saya berbincang tentang pembiayaan dalam bidang IT ini. Mungkin kita boleh emosi, bandingkan wang ini sepatutnya tidak dibazirkan, patut diberi untuk membela rakyat yang miskin. Saya kita tidak menolak dengan pandangan bahawa yang miskin, yang di luar *mainstream* itu patut dibela, mesti ada jaringan, mesti ada *safety net*, kita tidak tolak. Mungkin masing-masing saya nampak hari ini, bila sudah tidak ada Ketua Pembangkang, semuanya bangun bercakap, semua hendak melayakkan diri menjadi Ketua Pembangkang, saya tidak tahulah. Tetapi saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, dalam pembiayaan ..

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Why? [Bercakap tanpa pembesar suara]

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Bagilah saya habis. Cakap orang Putih pula. Tuan Pengerusi, yang di sebelah sana bercakap orang Putih pula, cakaplah bahasa Malaysia. [Ketawa] Saya hendak bertanya kepada Ketua Pemuda PAS pula berkata, "Why?" I see, saya tabiklah. [Ketawa] PAS ini menyambut hasrat kita untuk memperluaskan bahasa Inggeris. Yang kata Ketua Pemuda PAS cakap "why", alhamdulillah. Bila Ketua Pemuda PAS kata "Why", alhamdulillah.

Saya hendak bertanya, Tuan Pengerusi, kepada sahabat saya tadi, pembiayaan untuk memajukan IT ini, adakah kita boleh menggunakan model seperti kita membiayai projek-projek yang lain? Membiayai projek perumahan memang kita hendakkan supaya mesti ada *collateral*nya, dan had *collateral*. Kita bersetuju, tetapi pembiayaan satu projek yang berasaskan idea dan pemikiran IT itu, adakah kita

terpanggil untuk melihat model-model yang baru? Ini kita kena bahaskan. Adakah kita pakai model yang lalu? Apa jua berlaku kepada projek itu mesti ada *landed property* sebagai satu *collateral*nya

Tuan Pengerusi : Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: ... supaya adakah kita bila melihat sesuatu projek yang berasaskan idea dan pemikiran, seperti IT itu kita mula model yang berasingan, sebab Yang Berhormat seorang yang intelektual, saya tidak tahulah Ketua Pemuda beliau adakah intelektual juga, tetapi kadang-kadang ada kata Yang Berhormat lebih intelektual daripada Ketua Pemuda,

Tuan Pengerusi : Ya, cukuplah.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: ...saya tidak tahu kata pemimpin PAS yang saya dengar baru-baru ini. Terima kasih. Macam mana pandangan Yang Berhormat? [Disampuk]

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya ucapkan terima kasihlah. *Emotional*, tetapi ahli-ahli parti dia, pada tiga, empat hari yang lepas, begitu *emotional*. Saya pergi pada fakta-fakta Tuan Pengerusi, masa saya ringkas. Sebagai satu contoh, Optica Fibre Technologist, iaitu satu syarikat yang akan menjalankan *synergy* secara teknologi moden, telah dibeli oleh MDC, dengan tidak melaksanakan *due diligence* terlebih dahulu, dan sejumlah RM60 juta dibelanjakan.

Pada saya, hendak majukan multimediah, apa bendakah, bila datang kepada *business arrangements* dan *transactions*, kita mesti melakukan secara yang *prudent*, kita mesti ada *due diligence*. Syarikat itu macam mana? Kalau bangkai pun kita bayar RM60 juta, itu satu penganiayaan kepada wang rakyat. Mengapakah dengan premis yang memajukan multimedia, kita tidak boleh menjaga *prudency* kita. Ini yang saya persoalkan. Hendak maju, majulah, tetapi kenapa syarikat yang rugi dibeli. Kenapa syarikat yang lingkup diberikan *loan*. Yang tidak ada kena-mengena dengan MDC, bukan anak syarikat, bukan *associate company*, tetapi diberikan pinjaman semudah itu. Mengapa E-village mendapat *privilege* itu? Kenapa orang lain tidak dapat?

Ini yang saya persoalkan, dan Syarikat Optica Fibre Technologist yang saya sebutkan tadi telah dibeli tanpa *due diligence*, dan wang yang terlibat ialah RM60 juta. Yang kita hendak luluskan ini pun tidak cukup, hendak bayar yang itu?. Dan contoh yang lain Tuan Pengerusi ialah ...

Tuan Pengerusi : Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Husam bin Haji Musa: ... agensi pekerjaan KWX Sdn.Bhd, yang telah pun lingkup. Nama pun pelik – KWX, mana ada syarikat macam ini? Lingkup. Masa sudah cukup Tuan Pengerusi? Banyak lagi benda yang hendak saya sebutkan, dan...

Tuan Pengerusi: Sudah cukup masa Yang Berhormat ya. Ya, Yang Berhormat bagi Bachok.

4.07 ptg

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof [Bachok]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama, saya hendak menyambung sedikit apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian tadi berhubung dengan kegagalan MDC dalam menguruskan visi Perdana Menteri yang begitu cantik tetapi tidak mampu dilaksanakan dengan terbaik oleh pekerja-pekerjanya sendiri. Saya ingat Yang Berhormat bagi Rompin tidak melenting dengan kenyataan demikian.

Apa yang penting, saya dapati bahawa satu kes berhubung dengan projek E-Village yang disebut oleh pihak Yang Berhormat bagi Kubang Kerian tadi, pemaju asal Entertainment Village Sdn.Bhd. ini telah pun gagal. Alasan kegagalan kerana kekurangan modal untuk meneruskan projek sebagaimana yang divisikan oleh Perdana Menteri. Maka diserahkan projek itu kepada MDC untuk meneruskan, tetapi kita sedar dan percaya bahawa kepakaran dalam MDC sendiri untuk meneruskan projek tersebut jelas tidak mempunyai suatu sokongan yang padu. Lebih-lebih lagi industri filem dalam negara kita yang menghadapi persaingan begitu hebat dengan filem-filem luar negara, dan pengurusan filem dalam negara juga menghadapi masalah, terutama dengan cetak rompak yang tidak dapat dipantau dengan baik oleh pihak kerajaan. Maka projek perkampungan yang dianggap seni pintar ini, telah dilaksanakan oleh *Multimedia*

Development Corporation (MDC) yang berpusat di Dengkil, Selangor, yang kita nampak ciri-ciri baru yang cuba dibawa yang melibatkan di antaranya perkampungan eco-media..

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Bachok, ada yang di belakang bangun.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: ... lembah *biology*, dan membangunkan konsep hiburan yang berasaskan kepada penerbitan kreatif, studio rakaman, latihan perkampungan dan penempatan artis. Saya nampak pakej ini begitu sempurna tetapi kegagalan yang menunggu di hadapan.

Tuan Pengerusi : Bagi jalan ya?

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat bagi Bachok. Yang Berhormat bagi Bachok ada menyebutkan tentang E-Village sebentar tadi.

Tuan Pengerusi : Di bawah mana E-Village itu?

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: E-Village itu di bawah MDC Tuan Pengerusi .

Tuan Pengerusi : MDC?

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: E-village di bawah MDC, fasal dia ada sebut tadi. Ada menyebut tentang E-Village, di mana kerajaan telah memberi pinjaman kepada E-Village sebanyak RM41 juta, walhal semasa perasmian E-Village itu sendiri, Perdana Menteri sendiri dan kerajaan sendiri telah berjanji tidak akan memberikan walaupun satu sen, dan ianya seratus peratus akan dikeluarkan peruntukannya oleh syarikat swasta tersebut. Malangnya, E-Village ini gagal walaupun sudah membuat *road-show* di Bombay dengan harapan Shah Rukh Khan dan Juhi Chawla buat filem di situ, tetapi tidak datang-datang. Minta pandangan. Betulkah atau tidak betul janji? Tidak ambil duit, tiba-tiba minta RM41 juta. Ini betul atau tidak betul cakap pada rakyat?

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Apa yang saya dapati pada maklumat yang saya terima bahawa sebelum ini pihak MDC telah pun menyalurkan kalau tadi Yang Berhormat bagi Kubang Kerian menyebut RM40 juta, saya ada maklumat RM52 juta telah diperuntukkan kepada E-Village Sendirian Berhad yang dipengerusikan oleh Dato' Haji Ibrahim Haji Abdul Ghafar. Jadi kita nampak ini satu kes yang boleh dilihat sebagai satu yang serius lebih-lebih lagi saya menerima jawapan daripada pihak kementerian dalam soalan lisan yang tidak dapat dijawab dalam Dewan ini berhubung dengan projek e-village yang ditanggung oleh MDC sekarang ini menghadapi masalah akibat daripada masalah kewangan pemaju induknya.

Ini membuktikan beban yang ditanggung oleh pemaju induk telah terserah ataupun terpikul kepada MDC yang hanya mampu untuk menjayakan dua buah studio sahaja daripada pakej yang divisikan oleh pihak Perdana Menteri sendiri khususnya sebagaimana yang *diconfirm* oleh pihak Pengerusi Eksekutif MDC sendiri Tan Sri Dr. Othman Ayub. Kalau daripada pakej asalnya melibatkan balai raya eko-media, lembah biologi, membangun konsep hiburan dengan studio rakaman latihan perkampungan penempatan artis, pementasan kreatif tetapi berjaya hanya dua buah studio sahaja dan dengan penajaan RM47 juta + RM52 juta dan ini lagi RM26 juta. Ini satu perkara yang dianggap membazir dan tidak bermakna tambahan satu syarikat yang telah mengambil tanggungjawab yang diserahkan oleh MDC kepada satu syarikat yang kononnya berstatus MC iaitu Astro Sendirian Berhad yang telah menempatkan operasi di perkampungan tersebut sejak tahun lepas tetapi gagal membuat satu penyusunan semula untuk memastikan perkampungan eko-media ini berjaya.

Sekarang ini saya dapati bahawa MDC telah membuat satu permohonan rasmi kepada pihak kerajaan untuk menjadi penjaga sementara kepada perkampungan e-village ini. Sehingga ini saya dimaklumkan bahawa MDC belum lagi mendapat ataupun diberikan mandat rasmi daripada kerajaan untuk menjadi penjaga e-village. Persoalan yang berbangkit ini kita nampak bahawa satu wawasan dicadangkan oleh pihak Perdana Menteri yang tidak mampu untuk dilaksanakan oleh anak buahnya dan sekali gus memberikan banyak persoalan dan saya bersetuju dengan pihak Kubang Kerian tadi bahawa status dan perjalanan MDC sendiri perlu

dikaji balik dalam menangani semua wawasan yang disebut oleh pemimpin negara. Janganlah duduk pada awang-awangan dalam satu-satu matlamat kerana kita tahu bahawa projek MDC atau projek MSC adalah projek begitu baik dari segi untuk masa depan tetapi keupayaan semasa dan keupayaan pengurusan yang dijanakan menerusi MDC ini sendiri telah memberi suatu komitmen yang jelas, kegagalan satu demi satu.

Persoalan kerajaan meluluskan peruntukan pada hari ini RM26.38 juta ini adalah suatu perkara yang harus bersandar kepada satu kajian yang teliti oleh pihak berkenaan supaya sandaran ataupun penyaluran wang ini tidak dibazirkan dalam suasana ekonomi yang masih dalam keadaan tidak pulih.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Rompin bangun, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, satu syarikat yang besar bernama Amazon dotCom adakah untung sekarang atau tidak?

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Rugi.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tetapi syarikat yang rugi itu boleh membeli syarikat besar yang lain. Bermakna bila kita bercakap tentang.....

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: [*Menyampuk*]

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: .. eh! berilah peluang saya bercakap.

Tuan Pengerusi: Ya, biarlah, biarlah.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini selalu pembangkang kalau nyanyi lagu lain dia tidak bersetuju. Saya hendak bertanya dalam *this democracy you are talking about* - eh! Orang Putih kerana Pemuda PAS bercakap orang Putih, saya bercakaplah orang Putih sedikit. Bermakna dalam kita memupuk satu industri baru IT, sebab apa Ketua Pemuda PAS dia sudah mula bercakap orang Putih dia mesti tahu isu-isu untuk pembangunan industri baru IT. Adakah Yang Berhormat, dalam kita melihat pembangunan industri IT ini memulakan satu paradigma pemikiran yang baru, dari modul, menjana modul membangunkannya. Sebab apa saya nampak bahawa Yang Berhormat ada IT jugalah wakil rakyatnya mesti jangan hanya membaca apa yang diberi kepada kita. Seperti yang belakang sana. Tetapi kita mesti ada juga idea yang baru, pemikiran yang baru seperti Ketua Pemuda sudah bercakap orang Putih.

Tuan Pengerusi: Cukuplah Yang Berhormat, cukup.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya minta pandangan Yang Berhormat adakah..

Tuan Pengerusi: Masa dia sepuluh minit sahaja.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: .. tidak semestinya semua syarikat dalam kita melihat kejayaan satu syarikat IT ini kita mesti melihat lebih daripada keuntungan semasa tetapi potensi *upside* yang akan datang. Barulah IT sedikit Yang Berhormat ini. Minta pandangan Yang Berhormat.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Tenaga Nasional pun kena saman. Syarikat yang disebut oleh pihak Yang Berhormat tadi tidak berkaitan dengan soalan MDC ini. Ia tidak ada kaitan langsung dalam isu yang dibangkitkan dan syarikat berkenaan berjalan di atas persendirian ataupun di atas hak milik bukan kerajaan. Kalau kita yakin dan percaya melihat kepada kenyataan Perdana Menteri dalam satu *interviewnya* kepada akhbar bahawa Perdana Menteri terlalu dukacita kerana kegagalan untuk melahirkan syarikat-syarikat daripada kalangan bumiputera yang disokong oleh modal-modal kerajaan ini, sekali gus meletakkan bahawa pemilikan ekuiti bumiputera di dalam sektor-sektor korporat begini begitu rendah dan ketinggalan dan baginda, maaf 'baginda' pula dah! [*Ketawa*] Pihak Perdana Menteri sendiri mengakui ini satu kegagalan beliau dalam era ICT sekarang.

Jadi, kalau kita hendak meletakkan bahawa ini suatu kebanggaan, maka itu satu kegagalan sebenarnya.

Tuan Pengerusi: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Masa sudah tidak adakah, Tuan Pengerusi?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini di Parlimen bukan.. ...

Tuan Pengerusi: Ya, masa Yang Berhormat ada seminit lagi Yang Berhormat.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Maaf, tidak 'baginda', Dato' Seri [Ketawa]. Akhir sekali saya hendak menyimpulkan, Tuan Pengerusi, betapa MDC dengan syarikat yang telah pun menyokong di belakangnya lebih daripada 600 buah yang berstatus MSC, sebenarnya itu adalah suatu angka tetapi dari sudut prestasi dan dari sudut pencapaian ianya begitu meragukan. Saya melihat perkara ini adalah suatu asas yang boleh kita buat suatu kajian semula secara keseluruhan kepada projek MSC itu sendiri dan MDC itu sendiri untuk melihat secara dalaman supaya perkara ini dapat dibuat suatu tindak balas segera bagi memastikan pengguna wang rakyat daripada agihan-agihan belanjawan tambahan seumpama ini tidak dibazirkan dengan sepenuhnya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat bagi Rompin, selepas itu Menteri menjawab.

4.18 ptg.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Tuan Pengerusi, saya tidak berhajat pada mulanya untuk mengambil perbincangan tetapi namun demikian melihat banyak buah fikiran yang cuba dijernihkan rakan-rakan sebelah sana, antara yang disebutkan ada yang jernih dan antaranya kadang-kadang pudar tidak begitu jernih bila melibatkan elemen politik, itu biasalah saya kira, sebab mereka ini orang politik. Kalau dahulu *intelektual* sekarang kelam-kabut sedikit masuk dalam isu politik.

Saya nampak Tuan Pengerusi, dalam kita membangunkan industri baru ini, Tuan Pengerusi, *industry services* IT, kita memerlukan satu kaedah yang baru, satu *paradigm shift* dalam strategi dan pendekatan kita. Kita tidak boleh mengambil pendekatan-pendekatan yang lama, seperti saya beri contoh tadi, Tuan Pengerusi, Amazon dotCom masih rugi tetapi nilainya tinggi, boleh mengambil alih syarikat-syarikat yang besar, keuntungannya lebih besar daripada keuntungan syarikat itu sendiri yang belum ada.

Bermakna MDC yang membelanjakan RM26 juta untuk membiayai pendekatan ekuiti multimedia MDC ini perlu diberi sokongan sebagai sumbangan dana untuk memajukan industri baru. Negara tidak sewajarnya melihat ke belakang hanya membangunkan industri-industri lama. Adakah kita Malaysia sewajarnya hanya menumpukan kepada industri yang berasaskan tani. Lonjakan yang kedua ialah kepada industri ekonomi, adakah kita juga tidak patut bersedia untuk melonjakkan diri kita kepada industri baru industri IT.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat bagi Rompin. Pengerusi Tenaga Nasional yang telah kena saman oleh UBS daripada Switzerland. Saya hendak bertanya pendapat Yang Berhormat bagi Rompin, kita memang patut sokong multimedia. Yang saya hendak tahu adakah bila MDC ini diurus cara yang meragukan, kita patut tegur atau kita patut biarkan macam itu?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang pertama kita menyaman UBS ini kerana mereka sebagai penasihat bukan menasihat tetapi harapkan pagar, pagar makan padi. Mengapa kita biarkan satu syarikat pedagang luar yang sepatutnya membela kita dan menasihat kita dengan baik tetapi yang sebenarnya cuba memakan kita. Kita sepatutnya berani mempertahankan mereka dan menyaman mereka kembali, sebab kita adalah dalam kedudukan yang benar.

Berbalik kepada perkara yang kedua, teguran itu boleh. Kita dalam UMNO, ada dalaman. Yang baik itu perlu kita bagi pandangan, kita bagi dan saya yakin dalam parti Yang Berhormat pun begitu juga. Dahulu arwah sebagai Ketua Pembangkang, ada imej tertentu. Sekarang ini bila Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, Yang Berhormat bagi Marang kena tukar imejnya. Saya dengar dan difahamkan, tidak lama lagi mungkin Yang Berhormat datang ke sini pakai kot. [Ketawa] Saya difahamkan. Bukan lagi pakai jubah. Jubah itu baik dan bagus tetapi ada kalanya saya difahamkan

ada profil baru, Tuan Pengerusi, muka baru Ketua Pembangkang sebab hendak bersama DAP nanti sebagai satu barisan sebab barisan itu sudah berpecah.

Tuan Pengerusi: Cukup, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tidak ada barisan lagi sebab sesama sendiri itu....

Tuan Pengerusi: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: ...sudah tertekan dan....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat...

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: ...cuba cucuk sesama sendiri. *[Disampuk]* Baiklah. Tuan Pengerusi, sebelah sana bila minta jalan, saya benarkan. Bila saya usik sedikit, haaa, apa ini kematangan politik. *[Disampuk]*

Tuan Pengerusi: Ya..

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak berbalik kepada isu yang saya kata, Tuan Pengerusi. Tegurnya boleh. *[Disampuk]* Saya kata boleh tetapi teguran mestilah berasaskan fundamental. Bila kita lihat sesuatu syarikat IT, bukan kita berasaskan hanya kepada keuntungan. Kita sudah lihat ada syarikat Amazon.com, masih rugi tetapi boleh mengambil alih. Tanya Yang Berhormat bagi Tumpat, bekas Ketua Pengarah, saya sudah lupa. Apa?

Beberapa Ahli: IKD!

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: IKD. Tetapi sekarang dia letak pada orang lain tetapi dia *control* dari belakang. Sebab itu dalam kita...

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Bangun]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Bagi saya lebih masa sedikit. Selepas itu saya serah kepada kawan saya yang tolong sokong, kita ada hidro di kawasan beliau. Saya hendak habiskan sedikit, selepas itu saya serah kepada Yang Berhormat.

Dalam kita hendak membangunkan industri IT sebagai satu cara untuk menjana ekonomi kita akan datang. Bermakna kita perlukan satu pendekatan yang lain, yang berbeza. Mesti ada konsep *venture capital*. Kita tahu dalam *venture capital*, dalam 10 syarikat yang kita taja, tidak mungkin 10 yang berjaya. Tiga, empat yang berjaya itu sudah baik sebab ia membuatkan kita berasaskan kepada idea dan pemikiran.

Impossible, Tuan Pengerusi, dengan izin, dengan satu idea yang terbit menjadi satu produk, produk itu dipasarkan dan berjaya dalam pasaran. Memang *the risk is very high*, kita tahu. Inilah satu risiko yang besar dalam pembangunan industri IT dan syarikat IT. Yang Berhormat bagi Bachok kena tahu ini.

Ha, kadang-kadang Yang Berhormat bagi Bachok ini bagus, tetapi bila dia baca nota yang diberi dari belakang, itu yang menjadi masalahnya. *[Disampuk]* *[Ketawa]* Ya, ada nota dia baca sahaja. Tetapi kalau tidak ada nota, Yang Berhormat bagi Bachok - cantik. Bila masuk sahaja nota yang orang sediakan, itu yang saya susah hati.

Berbalik kepada tadi, bahawa kita dalam menilai teguran, saya setuju Yang Berhormat. Kita perlu tegur tetapi asas penilaian kita, fundamental kita itu, kita mesti berbeza kalau kita mahu melihat satu syarikat yang tradisi – *manufacturing industry* kah, keuntungan tetapi bila mahu melihat syarikat IT, fundamental dan penilaian mestilah berbeza. Ha ini, saya serah kepada Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Eh! Ketua Pembangkang pulak sudah! *[Ketawa]* Ketua *Back-bencher* dari Rompin. Kita berbalik kepada masalah *e-village*. Walaupun Yang Berhormat ada menyebutkan tentang Amazon.com, kita berbalik kepada *e-village*. *E-village* ini adalah satu jenis *entertainment based* dan sasaran yang kita hendak tujukan pada waktu semasa pembukaan *e-village* itu ialah kepada syarikat-syarikat perfileman di Bollywood dan kita jangkakan Hollywood, kita mungkin sukar hendak mendapatkan kemasukan pelaburan mereka ke dalam *e-village* ini.

Jadi, saya hendak beritahu, yang kita timbulkan pada...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, minta tanyalah, bukan beritahu ya.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Ya, saya hendak tanya [*Ketawa*] apakah kerajaan semasa memberi tender dan juga penswastan *e-village* ini kepada satu syarikat tanpa membuat kajian atau *due diligence* yang terbaik kerana bila mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun membuat satu *statement* dalam ucapan beliau bahawa kerajaan tidak akan memberi sebarang sen pun di dalam projek *e-village*, tetapi kerana yang dipilih untuk melaksanakan projek penswastan *e-village* ini merupakan syarikat yang tidak tahu status dan kredibilitinya, menyebabkan kerajaan terpaksa bayar balik kepada kontraktor-kontraktor yang buat kolam, yang buat set-set penggambaran dan sebagainya.

Jadi, apakah Yang Berhormat bersetuju, mentang-mentang kita sudah hendak buat segala e, e, e yang ada, MDC, kita sudah terlalu ghairah dengan MDC tanpa memikir *due diligence* kepada syarikat-syarikat yang akan terlibat dalam penswastan sektor-sektor tertentu....

Tuan Pengerusi: Cukuplah Yang Berhormat, ya.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:dalam MDC dan MSC itu.

Tuan Pengerusi: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Rompin ada dua minit sahaja lagi, ya.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tidak apalah, sebab hari itu saya datang ke kawasan beliau....

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: ...dia sambut dengan baik.

Tuan Pengerusi: Ya, berkaitan...

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Bagi layanan baik, setakat inilah.

Tuan Pengerusi: Ya, dia pakai baju Melayu...

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sebab mungkin pilihan raya masih lama lagi, sebab itu dia sambut saya. Dekat pilihan raya, mungkin dia lari.

Saya bersetuju, Tuan Pengerusi, kita mesti ada penilaian tetapi apa yang saya kata tadi, asas penilaian itu mesti berbeza. Kalau kita nilai syarikat-syarikat yang biasa, keuntungan *should be the main benchmarking*. Tetapi syarikat-syarikat bentuk IT ini, *due diligencenya*, asasnya mesti *beyond profitability*. Potensinya akan datang, itu mesti dinilai juga. Saya tidak tahu *detailnya*.

Tetapi saya minta tadi supaya asas, macam ada kawan saya tadi mengatakan, hendak bagi pinjaman mesti - ha Yang Berhormat bagi Bachok, mesti ada asasnya, *collateral*. Tidak boleh! Asas pembiayaan syarikat IT mesti, kalau tidak anak muda kita, Yang Berhormat, Yang Berhormat *land surveyor* kepakarannya. Katalah Yang Berhormat ada kepakaran menggunakan *land surveyor*, satu pemikiran yang baru untuk membuat satu penemuan untuk dilaksanakan satu *software content* dalam negara kita. Idea Yang Berhormat! Yang Berhormat mungkin tidak ada *collateral* tetapi kalau anak muda ada idea yang baik, balik dari luar negara, ada Master, ada Ph.D, kerja selama lima tahun, ada idea yang baik, mereka tidak ada *collateral*, tidak ada harta. Yang kita taja hanya buah fikirannya. Itu pandangan saya.

Jangan kita lihat hanya hendak pinjam duit, mesti ada *collateral*. Hendak beli syarikat IT, mesti untung. *That is traditional evaluation*. Penilaian yang biasa untuk syarikat-syarikat yang biasa. Tetapi syarikat IT, penilaiannya mesti berbeza. Itu sahaja pandangan saya.

Tuan Pengerusi: Ya, masa Yang Berhormat cukup.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: So, saya minta supaya, Tuan Pengerusi, kalau kita mahu, saya menyokong MDC sebagai satu organisasi negara kita untuk memajukan industri IT ini. Ini *the third economy*. Ekonomi pertama,

berasaskan tani, ekonomi kedua berasaskan industri dan ini adalah ekonomi yang ketiga, *the future economy IT*, patut kita sokong usaha-usaha untuk memajukannya. Saya mohon menyokong, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, kementerian menjawab.

4.27 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]:

Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah pun membentangkan dan mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini dan seramai 10 Ahli Yang Berhormat telah pun mengambil bahagian. Yang Berhormat bagi Tambun telah pun mengatakan mengenai IKS yang kita tahu sebanyak 47 buah dana dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM15,625 juta ataupun RM15 bilion dan RM625 million di bawah pengelolaan pelbagai agensi yang telah dikatakan oleh Perdana Menteri dahulu iaitu Tekun, Amanah Ikhtiar dan sebagainya.

Dan juga untuk usahawan belia ialah sebanyak RM20 juta telah pun disediakan. Kerajaan untuk meningkatkan keupayaan IKS, telah pun memberi peranan kepada Credit Guarantee Corporation (CGC Malaysia Berhad) dengan membolehkan permohonan pinjaman disalurkan terus kepada CGC sekarang ini, menawarkan Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 bagi membaiki lagi keberkesanan operasi institusi kewangan pembangunan seperti Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad, Bank Industri dan Teknologi Malaysia Berhad, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Bank Simpanan Nasional dan sebagainya. Kita juga berharap bahawa bank-bank ini akan dapat memerhatikan, walaupun kita sekarang ini menekankan *risk management* tetapi juga memerhatikan bahawa kita perlu ada mentor-mentee sistem yang telah pun dikendalikan untuk sama-sama kita mewujudkan IKS yang sihat.

Saya telah menyatakan tadi bahawa yang kita pohon dalam peruntukan ini bukan IKS yang kecil-kecilan itu, tetapi peruntukan ini diminta ialah daripada pinjaman negeri Jepun, ICT-JBIC. Tarikh pinjaman ialah pada 26 Februari. Jumlah pinjamannya ialah sebanyak RM1.6 bilion dan pengeluaran pinjaman hanya pada bulan April 2002 ini sebanyak RM311 juta dan agensi pelaksanaannya ialah Malaysian Venture Capital Management (MAVCAP), syarikat milik Kementerian Kewangan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Dan di sini juga kita mendapati bahawa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Kepong tadi, kita bermasalah dengan industri kecil dan sederhana ini dalam bidang ICT kerana *Human Resources Development Fund* tidak dapat memujuk industri kecil dan sederhana ini untuk meminjam wang dan menggunakannya kepada meningkatkan kemahiran pekerja-pekerja mereka kerana maklum sahalah industri kecil dan sederhana ini pekerjaannya kecil dan apabila dipanggil untuk memberi latihan, kakitangannya kurang dan kebanyakan industri kecil dan sederhana takut apabila mereka ini telah pun ditingkatkan pengalaman dan pengetahuan mereka dalam ICT ini mereka akan berpindah dan lari ke tempat yang lain.

Kementerian Kewangan telah pun menyerahkan urusan pengendalian pinjaman daripada Jepun ini kepada tiga agensi pelaksana iaitu pertamanya MIDF, keduanya Bank Industri dan ketiga, Bank Pembangunan dan syarat-syarat dikenakan kepada peminjam untuk mendapatkan dan memperolehi daripada tiga buah agensi ini ialah seperti berikut; pertama pusingan jualan tahunan tidak melebihi RM25 juta ataupun ini mempunyai pekerja sepenuh masa tidak melebihi 150 orang dan faedah yang dikenakan kepada pinjaman Dana SMI JVIC ini daripada ketiga agensi pelaksana adalah sebanyak 6.25%. Jadi kita lihat bahawa industri kecil dan sederhana di bawah JVIC ini adalah merupakan strata yang tinggi bukan pada peringkat permulaan.

Pelaksanaan tahunan ataupun pemberian pinjaman Dana SMI JVIC ini dipantau melalui satu jawatankuasa *task force* yang dipengerusikan oleh Kementerian Kewangan sendiri dan dikawal oleh wakil daripada EPU, Bank Negara, JVIC di Kuala Lumpur dan agensi-agensinya pelaksana manakala Dana ICT JVIC ianya dipantau oleh sebuah lembaga pengarah.

Saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat bagi Jeli bahawa di Terengganu oleh kerana ketua-ketua pentadbirnya terdiri daripada alim ulama, mereka memegang kepada amanah, *alhamdulillah*. Kita bukannya hendak menumpukan

kepada kealimannya tetapi ketakwaan dan keimanan itu yang penting. Kalau seseorang itu tidak alim tetapi imannya kukuh, ketakwaannya bagus, saya rasakan perkara-perkara yang disebut tadi yang berlaku kononnya di Johor oleh kerana mereka tidak alim, tidak berlaku di Terengganu dan Terengganu pula dia kata tidak memohon peruntukan sebegini. Ingin saya berikan *preemptive* sahaja bahawa Terengganu *is in the pipeline*.

Selain daripada itu kumpulan pendahuluan ini ditubuhkan untuk membantu kerajaan-kerajaan negeri mengatasi masalah aliran tunai. Jadi semua negeri boleh memohon pendahuluan ini yang perlu dibayar balik dalam masa dua atau tiga tahun.

Bagi negeri Sabah keperluan RM200 juta adalah untuk atasi defisit sebanyak RM369 juta pada tahun 2001. Ini wujud kerana pertamanya kutipan cukai jualan kelapa sawit yang berkurang sekarang ini dan yang keduanya ia berkurang dari RM85 juta kepada RM12.6 juta sahaja. Yang keduanya kehilangan kutipan hasil duti import oleh kerana pemansuhan duti import daripada pelaksanaan AFTA dan tunggakan hasil air yang tinggi sebanyak RM138 juta dan perbelanjaan emolumen tinggi iaitu sebanyak RM405 juta.

Jadi kita telah pun meminta *Internal Audit* untuk mengaudit balik dan memberi nasihat kepada negeri-negeri yang berkenaan supaya jika banyak sangat emolumen ataupun pegawai-pegawai di sesuatu tempat, kita cuba agihkan ke tempat-tempat yang lain supaya dapat memberikan semaksimum mungkin perkhidmatan kepada pelanggan.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah benar bahawa di antara sebab Sabah mengalami defisit sehingga RM200 juta ini adalah akibat daripada kelemahan sistem *rotation*, pemilihan ataupun jawatan Ketua Menteri menyebabkan setiap Ketua Menteri itu mempunyai agenda yang tersendiri, melantik Ketua Menteri yang baru dan akan berlaku begitu. Kalau itu akibatnya, adakah Yang Berhormat bersetuju untuk mencadangkan supaya sistem tersebut ditiadakan. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Permohonan itu diminta oleh UMNO [Ketawa] Walau bagaimanapun, kita pastikan bahawa perkara-perkara seperti itu tidak berlaku oleh kerana perubahan pucuk pimpinan. Seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Marang hari itu bahawa perkara-perkara teknik profesional. Jadi kita mengharapkan mereka akan menjalankan tugas mereka dengan sebaik mungkin dan masalah-masalah politik ini tidaklah berapa mengganggu pentadbiran mereka.

Bagi negeri Johor pendahuluan yang dipinta ialah sebanyak RM60 juta untuk mengatasi masalah defisit tunai bagi suku tahun pertama 2002 sebanyak RM98.1 juta dan untuk membayar gaji dan bonus kakitangan. Saya teringat semasa Mesyuarat MKN iaitu Majlis Kewangan Negara dan kita harapkan supaya negeri-negeri melihat balik aliran tunai mereka pertamanya untuk meminta negeri-negeri supaya dapat mengutip hasil *revenue*. Jadi kita harapkan supaya pertamanya cukai tanah, yang keduanya hutang-hutang rumah murah dan sebagainya supaya dapat negeri-negeri berkenaan mengutip dan apa sahaja *revenue* yang patut dikutip akan dikutip oleh negeri-negeri yang berkenaan supaya mereka tidak datang balik ke Persekutuan untuk memohon pinjaman.

Yang Berhormat bagi Kemaman telah pun menyatakan setakat ini hanya empat buah negara yang mempunyai tunggakan bayaran kredit kelapa sawit ini iaitu Algeria - USD59.8 juta, Iraq - USD61.34, Sudan - USD11.94 dan Cuba - USD9.7. Jumlah yang terlibat sebanyak RM542.7 juta dan kerajaan berusaha untuk mendapatkan semula tunggakan berhutang dari negara-negara tersebut. Satu lagi secara psikologinya apabila negara-negara ini berhutang dengan kita, membeli kelapa sawit dengan kita dan harga kelapa sawit itu naik kerana *demand* nya lebih, cuma masalahnya ongkosnya agak lambat sedikit maklumlah macam Algeria dengan revolusi dan sebagainya, kita telah pun menghantar pasukan kita daripada EPU untuk mem *formulate* Rancangan Malaysia Kelima mereka. Iraq juga ada masalah, Sudan juga ada masalah tetapi kita bantu mereka dan selain daripada itu Petronas juga membantu mereka dan Cuba USD9.7 ini.

Saya tertarik dengan Yang Berhormat bagi Kemaman tadi tentang skim minyak sawit ini. Jadi kita tahu bahawa dalam keadaan kemerosotan kelapa sawit hari ini ramai orang kampung tidak memberi perhatian kepada penghasilan kelapa sawit ini. Oleh kerana itu mereka tidak membaja dan sebagainya dan jika mereka mengupah orang, harga kelapa sawit itu lebih murah daripada harga upahan. Jadi oleh kerana itu mereka meninggalkannya begitu sahaja.

Jadi apa yang dibuat ialah insentif yang diberi oleh kerajaan kepada penanam-penanam kelapa sawit iaitu sebanyak RM200 juta dan pekebun kecil dan ladang menanggungkan penebangan pokok disebabkan harga kelapa sawit jadi proses penanaman semula itu kebanyakannya tidak berlaku pada pekebun-pekebun kecil kerana mereka apabila naik sahaja harga kelapa sawit, mereka tidak jadi menebangnya tetapi masalahnya kenaikan itu tidak dapat sebanyak mana kerana waktu kemerosotan dahulu, mereka tidak membaja.

Jadi kejatuhan harga kelapa sawit pada akhir tahun menyebabkan ramai pekebun kecil menebang tetapi kontraktor kesuntukan masa jadi di sini juga banyak terbengkalai. Tetapi apa yang dibangkitkan oleh orang-orang kampung ialah supaya kelapa sawit-kelapa sawit yang tua itu tidak perlu ditebang tetapi disuntik sahaja, mereka akan jatuh sedikit demi sedikit dengan sendirinya. Oleh kerana itu mereka boleh membahagikan plot-plot mereka itu kepada bahagian-bahagian supaya semasa mereka menyuntik di tempat A, tempat B itu boleh juga mendapat kelapa sawit walaupun tidak sebegitu banyak.

Dan skim peraturan pembayaran kredit minyak sawit ini telah disediakan kepada 9 buah negara keseluruhannya POCPA ini tadi, dan sebanyak RM237.4 juta telah digunakan dan jumlah bayaran balik yang diterima ialah hanya RM103.1 juta. Jadi negeri-negeri yang tidak mengambil balik saya telah sebut tadi ya.

Kemaman juga telah menyatakan mengenai pekebun kecil tadi mengenai pinjaman yang disediakan, saya pun telah sebut tadi dan kita harap untuk FELDA, saya rasa kita ada dua cara di situ, yang pertama ialah penanaman semula yang orang FELDA sendiri sudah ada tanahnya dan kita minta kalau dapat mereka satukan supaya bernaung di bawah FELDA.

Yang keduanya, secara estet, jadi secara estet dengan cara mereka yang mempunyai tanah yang telah diberi geran yang berlainan.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat. Ia mengenai permasalahan peneroka FELDA ini ialah apabila pokok-pokok mereka telah lebih daripada 20 tahun ini dia punya *yield* nya rendah, di masa itulah mereka ini hendak diberikan *privatization*, makna dia serahkan tanah-tanah mereka. Jadi apabila tanah-tanah ini diserahkan maka mereka terpaksa mencari modal baru untuk tanam untuk dapat *yield* yang lebih tinggi supaya ditanamkan semula.

Jadi, masalahnya sekarang ini ialah *gestation period*, maknanya dalam masa ia tanam semula itu hingga pokok-pokok ini memberi hasil. Jadi, apa kemudahan yang akan disediakan oleh kerajaan untuk membantu peneroka ini sementara menunggu hasil dan saya harap oleh kerana kredit ini RM190 juta, kredit ini juga patut disediakan untuk mereka yang disediakan, diberi tanah selepas 25 tahun ini.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat. Ia tadi kalau misalnya seseorang itu telah pun membayar balik, mendapat geran jadi FELDA telah pun memujuk mereka ini supaya dapat dicantumkan balik, dibuat Fasa Kedua iaitu semuanya diselenggarakan oleh FELDA.

Tetapi banyak orang banyak ragam, ada yang tidak hendak dan ada yang hendak buat sendiri dan sebagainya, jadi di situ tidak boleh kita membuatkan satu *bar chart* untuk kita memajukan tanah mereka. Jadi dengan cara ini kita mengharapkan bahawa mereka dapat bersatu dan dapat bernaung di bawah FELDA dan FELDA akan masuk balik Fasa Kedua, mengikut Fasa Satu yang dahulu. Jadi dengan cara itu, banyak keistimewaan dapat diberi, kredit dapat diberi, makanan pun boleh diberikan kredit dan sebagainya dan ini dapat menguntungkan mereka.

Jadi, kita harapkan kepada mereka yang telah pun mendapat geran dapat mereka bersatu dan bernaung balik di bawah FELDA dan FELDA akan membantu mereka dalam fasa yang kedua. Kalau tidak nanti masalah kita hendak buat cara estet ini akan menjadi masalah.

Yang Berhormat bagi Parit Sulong telah pun meminta supaya peruntukan sebanyak RM26.38 juta dalam bentuk ekuiti ini, ianya digunakan untuk perbelanjaan dan menampung kos operasi MDC yang bersifat sosioekonomi yang bertujuan untuk memastikan pembangunan (MSC) Multimedia Super Corridor selaras dengan aspirasi kerajaan.

Jadi, MDC bukan sebuah syarikat yang mempunyai sumber pendapatan tertentu dan juga bukan ekuiti yang komersial. Jadi pemberian peruntukan ini dalam bentuk ekuiti akan menaikkan gagasan ekuiti kerajaan dalam MDC.

Sehingga 21 Jun 2002 terdapat 701 buah syarikat berstatus MSC dan daripada jumlah tersebut 463 buah dimiliki oleh rakyat Malaysia dan 238 buah dimiliki oleh rakyat asing dan daripada 700 buah syarikat yang saya sebut tadi, yang tidak aktif hanyalah sebanyak 41 buah. Jumlah syarikat tempatan yang menyertai *venture capital* adalah sebanyak 14 buah dengan nilai penyertaan sebanyak RM62 juta dan syarikat asing sebanyak RM3 juta.

Di antara dana-dana yang ditubuhkan untuk syarikat ICT yang selalu disebut oleh Yang Berhormat bagi Parit Sulong ini, setiap kali dalam perbincangan adalah MSC R&D *grant scheme* dan juga MSC *venture corporation* dan kita pun ada juga MEFCAP yang di bawah Kementerian Kewangan.

Peranan MDC bagi membantu syarikat-syarikat kecil dalam e-dagang, MDC telah menubuhkan Unit Pembangunan Usahawan dengan objektif menggabungkan syarikat-syarikat IKS menjadi satu, yang berdaya maju dan juga dapat dengan cara itu menjalankan aktiviti-aktiviti yang dipohon.

Yang Berhormat bagi Bagan telah pun

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Jeli.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Pengerusi, dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Daripada maklumat yang diberikan tadi, berapakah bilangan syarikat yang berdaftar bertaraf MSC yang dimiliki oleh bumiputera dan setakat ini berapa juta sudah eksport yang telah dibuat oleh syarikat-syarikat bumiputera yang bertaraf MSC, kalau tidak dapat diberi pada hari ini mudah-mudahan pada ketika lain dapat diberi, jumlah eksport oleh syarikat-syarikat bumiputera bertaraf MSC. Sekarang ini kalau boleh tahu berapa jumlah atau peratus sudah memadai. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Pengerusi, sebenarnya dalam data di MDC ia tidak memecahkan syarikat tempatan itu kepada *Malay, Chinese, Indian and Others* (MCIO) dengan izin, tetapi mereka cuma menggarap hanya syarikat tempatan atau syarikat luar. Jadi kalau hendak diminta itu memakan masa yang lamalah ya.

Yang Berhormat bagi Bagan telah pun

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Parit Sulong.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Saya ingat tidak ada tadi [*Ketawa*]

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, terima kasih di atas penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya gembira dengan jawapan yang beliau berikan. Sekadar saya ingin mendapat penjelasan selanjutnya iaitu adakah syarikat-syarikat tempatan yang menerima status MSC iaitu 463 dan adakah mereka bergerak cergas sebagaimana yang diharapkan ataupun ada juga di antara mereka yang sedang berada di dalam keadaan tenat.

Yang keduanya, di antara 41 *non-performing licencees* ini, iaitu mereka yang mendapat status MSC, 41 ini berapa buah syarikat tempatan dan berapa banyak pula syarikat asing. Terima kasih, sekiranya dapat diberikan hari ini.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat bercakap tadi daripada 463 buah ini adalah rakyat Malaysia, 41 buah ini tidak aktif tetapi untuk memecahkannya saya rasakan saya tidak dapat memberikan jawapannya pada ketika ini.

Jumlah tunggakan sebenar POCPA yang dibangkit oleh Bagan, jadi jumlah tunggakan sebenar seperti yang saya katakan tadi sebanyak RM542.7 juta ataupun USD142.82. Walau bagaimanapun, kerajaan sedang berusaha untuk mendapatkan

balik tunggakan pinjaman tersebut dan peruntukan RM190 juta adalah untuk menyelaraskan akaun Bank Negara sahaja dan bukan untuk menyelesaikan tunggakan tersebut.

Bank Negara menyediakan kredit terlebih dahulu kepada negara-negara berkenaan. Kredit POCPA tidak digunakan bagi maksud pelaksanaan projek yang dikatakan *double tracking* tadi, Yang Berhormat katakan yang diberi kepada India dan juga kepada China tetapi projek itu diperuntukkan di bawah peruntukan pembangunan.

Yang Berhormat bagi Kepong tadi, soalnya bagus mengenai *fiber optic* di Cyberjaya dan sekarang ini kita lihat bahawa *broad band* dan *cyber optic* telah pun dilaksanakan dan dengan cara itu kita lebih murah daripada Singapura dan orang Singapura pun ada datang melabur ke MSC tetapi cuma masalah sekarang ini dibangkitkan oleh tentang *broad band* ini, baru-baru ini hari itu saya rasa CEO Telekom telah pun menyatakan bahawa *broad band* ini boleh kita pohon dan boleh kita salurkan ke rumah masing-masing, cuma pemasangan *broad band* ini agak lambat sedikit, ini yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Kepong kerana ramai orang yang telah memohon, jadi *chicken-and-egg situation*, dengan izin. Telekom mengatakan tidak ramai orang, jadi dia tidak sediakan tetapi orang berkata pula ia tidak ada, jadi kita akan berpindah ke tempat lain.

Jadi, oleh kerana itu *fiber optic broad band* ini telah pun disediakan dan kita harapkan cuma masalah yang berbangkit sekarang *rating*, harga *call* dan sebagainya menggunakan *broad band* ini melalui Internet dan sebagainya, banyak orang minta kalau boleh dikurangkan lagi.

IKS kurang 30% gunakan *Internet* tadi Yang Berhormat tidak ada, seperti yang saya katakan tadi, HLDF ada membantu tetapi seperti mana biasa oleh kerana IKS ini dia punya pekerja-pekerjanya sedikit, jadi apabila ditarik untuk pergi kursus akan tinggal separuh sahaja, jadi operasinya tidak berapa menentu. Cuma masalah IKS saya katakan tadi, sebab mereka takut apabila mereka telah mempertingkatkan anak buah mereka dalam bidang ICT ini, maka anak buah ini akan lari ke tempat lain. Jadi kita berharaplah dengan adanya galakan-galakan melalui TAF dan sebagainya oleh MITI, kita harapkan HRDF dan lain-lain insentif yang dibagi oleh kerajaan, kita harapkan jugalah supaya IKS ini dapat menceburkan diri dalam bidang ICT ini.

Kepong juga telah menanyakan mengenai pelan yang disediakan oleh MAMPU, jadi dana ICT ini JBAC yang diperolehi daripada Jepun adalah untuk membantu syarikat yang berkaitan dengan teknologi ICT. Berkaitan dengan strategik pelan yang disediakan oleh MAMPU, ini tidak terlibat secara langsung oleh MEFCAP yang dipertanggungjawabkan dalam pengurusan pinjaman ICT ini.

Walau bagaimanapun, ada satu dasar mengenai ICT ini untuk seluruh negara dan nanti saya tengoklah dia punya *summary* ini, jadi kalau Yang Berhormat hendak ini saya akan bagi, insya-Allah. Yang Berhormat Kepong ini Tuan Yang di-Pertua, dia selalu menulis nota kepada saya dalam tulisan jawi. Tulisan jawinya cantik.

Mengenai Rompin adakah *collateral* yang dipakai dalam pembiayaan pinjaman kepada syarikat-syarikat seperti juga Bachok, kita, oleh kerana ICT ini merupakan satu perkara yang baru jadi *due diligence* tidak dapat menggunakan cara-cara yang lama tetapi selalunya kita ambil dari segi *potential* di situ kerana ramai anak-anak kita yang baru balik yang mahir dalam ICT tetapi apabila mereka pergi ke bank mereka selalu ditanyakan *collateral* mereka apakah *fast-track* mereka dan apakah pengalaman mereka dan sebagainya tetapi mereka mengatakan semuanya dalam otak sahaja. Jadi di sinilah dikatakan *due diligence* hendaklah juga dimasukkan kepada *potential* dan *interest* yang dikenakan adalah mengikut BLR 6.4 +1 dan semestinya rendah daripada biasa iaitu 7% atau 8%. Jadi kita harapkan nanti dengan adanya *due diligence* yang berlainan daripada yang biasa ramai lagi anak-anak kita menceburkan diri ke dalam bidang ICT ini.

Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM190,000,000 untuk Maksud B.29 dan dan RM271,039,010 untuk Maksud B.30 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui..

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM190,000,000 untuk Maksud B.28 dan RM271,039,010 untuk Maksud B.30 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM601,437,000 untuk Maksud P.28 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 2002 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM601,437,000 untuk Maksud P.28 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2002.

Maksud P.33 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 2002] –

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Pembangunan P.33 di bawah Kementerian Kerja Raya. Oleh kerana P.33 hanya token sahaja, ia tidak perlu dibahas.

Dato' Kamaruddin bin Jaafar [Tumpat]: Tuan Pengerusi, Peraturan Mesyuarat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Peraturan Mesyuarat....

Dato' Kamaruddin bin Jaafar: Peraturan Mesyuarat 35 (4) berkaitan dengan penggunaan bahasa kurang sopan atau biadap. Kita ingin berbalik kepada apa yang ditekankan oleh Yang Berhormat Sipitang dua hari yang lalu yang menggambarkan dalam bahasa yang jelas bahawa Ahli-ahli Parlimen adalah seperti 'beruk' dan bimbang oleh kerana mungkin beliau tidak akan masuk ke Dewan ini kerana merasa pedasnya. Jadi saya cadangkan supaya kita bersihkan rekod kita dan sebagainya sekarang juga.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tadi sebenarnya Yang Berhormat Kubang Kerian ada bawa perkara ini.

Dato' Kamaruddin bin Jaafar: Ya, saya tahu, saya tahu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: ...tetapi saya cadangkan kerana Yang Berhormat bagi Sipitang tiada dalam Dewan jadi saya fikir tidak elok kalau saya membuat sesuatu keputusan tanpa kehadiran Ahli Yang Berhormat yang berkenaan. [Disampuk] Tidak apalah, perkara ini kita tangguhkan sedikit masa, mungkin besok dia datanglah, bolehlah kita teruskan Aturan Mesyuarat kita.

Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM20 untuk Maksud P.33 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 2002 di bawah Kementerian Kerja Raya hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM20 untuk Maksud P.33 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 2002.

Maksud B.34 [Jadual] -

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Bekalan B.34 di bawah Kementerian Kesihatan terbuka untuk dibahas. Bagan, sila.

4.58 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Pengerusi, kami sedang menimbangkan satu jumlah RM55.5 juta untuk menampung kenaikan kadar bayaran elaun warden, elaun biasiswa, elaun buku, elaun perkakas, elaun kertas projek dan bayaran penyediaan makan dan penginapan kepada pengajar dan pelatih yang ditempatkan di institusi latihan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya nampak ada satu *trend* di mana institusi-institusi kesihatan tajaan kerajaan kebanyakan pelatih-pelatih adalah dari kaum bumiputera sahaja dan kalau kita tengok mereka di hospital-hospital swasta di mana mereka juga

ada menawarkan tempat untuk pelatih-pelatih, jururawat dan lain-lainnya juru-juru hospital, kebanyakan mereka adalah bukan bumiputera dan ini adalah satu trend yang tidak sihat.

Adakah kerajaan meneliti atau mengkaji mengapa boleh berlakunya demikian. Saya tidak meragui kebolehan pelatih-pelatih atau jururawat-jururawat dilatih. Sebenarnya sekiranya kita pergi ke hospital kerajaan jururawat-jururawat dan pekerja-pekerja hospital sikap mereka sekarang pun sudah memuaskan. Mereka boleh melayan pesakit-pesakit dengan baik, sopan-santun dan juga standard dan taraf pekerjaan mereka pun memuaskan. Cuma ia ada berdasarkan kepada kaum.

Saya pastilah kerajaan boleh menangani fenomena ini dengan terlaksananya langkah-langkah yang lebih positif supaya menggalakkan semua kaum menyertai latihan-latihan baik di hospital kerajaan atau di hospital swasta. Saya mintalah satu penjelasan dari kerajaan. Sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kemaman, lepas Kemaman, Yang Berhormat bagi Kepong dan lepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menjawab.

5.01 ptg.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof [Kemaman]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membahaskan pengurusan Butiran 20000 Perkhidmatan dan Perbekalan. Saya difahamkan bahawa kerajaan telah melakukan banyak usaha untuk melibatkan bumiputera dalam perniagaan dan untuk menjadikan bumiputera ini berjaya dalam perniagaan dalam dasar ekonomi bumiputera.

Saya hendak tahu daripada perbekalan yang telah dibekalkan terutamanya dalam perubatan kepada Kementerian Kesihatan ini, saya difahamkan bahawa kementerian membeli hampir lebih kurang hampir RM2 bilion perubatan. Daripada RM2 bilion ini berapa banyak yang telah dibekalkan oleh syarikat-syarikat bumiputera kepada Kementerian Kesihatan dan seperti mana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Bagan bahawa penglibatan bumiputera juga di dalam perbekalan ini mestilah ditingkatkan supaya ada perseimbangan dalam usaha-usaha kerajaan mengimbangkan penglibatan berbagai-bagai kaum dalam negara ini.

Jadi saya minta penjelasan kejayaan kerajaan untuk melibatkan bumiputera dalam Kementerian Kesihatan ini dan oleh kerana kementerian ini sudah lama beroperasi, jadi saya hendak tahu setakat mana kejayaan ini diperolehi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, di sini walaupun ada mengatakan tambahan sebanyak lebih RM55 juta untuk kenaikan kadar bayaran untuk sekian, sekian, tetapi tidak lengkaplah bagi kita sama ada untuk jururawat ataupun untuk doktor ataupun untuk doktor gigi dan sebagainya. Ini tidak disebut di sini.

Apakah jenis latihan yang diberikan kepada semua ini. Tuan Pengerusi, setakat ini di negara ini kita kurangkan lebih 3,000 doktor kalau tidak silap saya dan lebih 200 doktor gigi yang masih kurang di negara ini. Adakah latihan ini untuk doktor-doktor dan doktor giginya.

Setakat ini Tuan Pengerusi, saya pun tidak tahu sama ada di dalam latihan ini kita adakan kursus untuk kempen tidak merokok. Adakah kita buat di dalam kursus ini sebab di Akta Makanan 1983, Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau Pindaan 1997 ada mengehadkan ataupun melarang merokok.

Misalnya peraturan-peraturan 8(a) mana-mana orang di bawah 18 tahun yang merokok atau mengunyah apa-apa hasil tembakau atau memberi atau mempunyai dalam miliknya sama ada untuk kegunaannya sendiri atau tidak, apa-apa hasil tembakau adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM1,000.

Banyak lagi di dalam peraturan-peraturan, ini termasuk di mana-mana premis kerajaan, termasuk di Dewan Parlimen kita juga [*Mengalihkan pandangan kepada beberapa Ahli*] Tidak merokok ya? [*Ketawa*]. Tetapi walaupun ada papan tanda-papan tanda yang dilarang merokok di merata-rata tempat....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat adakah ini terkeluar daripada tajuk?

Dr. Tan Seng Giaw: Memang tidak terkeluar apabila kita hendak mengajar dan melatih pelatih-pelatih ini, latihan Kementerian Kesihatan Malaysia mesti kita masukkan di dalam kursus mata pelajaran itu agar kita tidak merokok...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Takkan, takkan hendak latih untuk tidak merokok pun kena bayar elaun, kena bayar ini peruntukan?

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak, dia, dia elaun ini supaya mereka boleh menghadiri kursus. Kursus latihan, inilah sebab kita hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah, siapakah pelatih-pelatih ini. Di dalam kursus itu adakah termasuk kempen melarang merokok kerana merokok sekarang itu hampir di dalam iklan kementerian itu katakan tiap-tiap tahun, 10,000 orang yang sakit ataupun kembali ke *rahmatullah* kerana kena-mengena dengan itu merokok? Ini masalah kita ini.

Di dalam Dewan ini di dalam tujuh, lapan tahun ini sudah pun ada banyak papan tanda yang mengatakan jangan merokok di sini. Tetapi kita masih tengok masih ramai yang merokok termasuk Ahli-ahli Parlimen dan sebab itulah saya berharap.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Adakah Yang Berhormat menasihatkan mereka supaya tidak akan merokok.

Dr. Tan Seng Giaw: Kita boleh menasihati tetapi, emm!....*[Dewan riuh]*.

Beberapa Ahli: Emm!

Dr. Tan Seng Giaw: Air di daun keladi sahaja. Emm....*[Ketawa]* Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat mengambil tindakan mengenai sesiapa yang masih merokok di kawasan larangan di Dewan ini.

Mujurlah Tuan Pengerusi tidak merokok. Sebab itu dia sokong kita semua.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: Saya bangkitkan ini entah sudah berapa kali tetapi tidak begitu berkesan tetapi kali ini kita boleh tambahkan penguatkuasaan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat. Lepas ini bincang sama Timbalan Menteri sendiri.

Dr. Tan Seng Giaw: Sekian, terima kasih. Baik, baik.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

5.06 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed]: Tuan Pengerusi, saya bersyukur dan mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Bagan dan Kemaman. Walaupun telah melahirkan rasa kebimbangan mengenai dua isu tetapi seperti saya, mereka juga bukan *raciest* walaupun Yang Berhormat bagi Bagan membangkitkan kurangnya bukan bumiputera dalam, khususnya kejururawatan dan Yang Berhormat bagi Kemaman pula dari segi perniagaan, peluang bumiputera membekalkan ubat dan peralatan klinikal.

Keprihatinan mereka ini sama dengan pemikiran kerajaan. Kerajaan telah beberapa kali mengadakan kempen, satu kempen khusus untuk menarik lebih ramai kaum bukan bumiputera menyertai bidang kejururawatan sampai masuk ke kampung-kampung atau sekolah-sekolah Cina dan India supaya mereka menaruh lebih banyak minat. Namun demikian usaha ini tidaklah berjaya sepenuhnya. Kita harap penggemblengan dapat terus kita lakukan agar berupaya menarik lebih ramai bukan bumiputera khususnya Cina dan India akan meningkat untuk mengikut kursus-kursus kejururawatan bagi kolej kejururawatan yang ditaja oleh kerajaan.

Kita tahu kurang pengimbangan antara kaum dalam sektor ini, tidak membawa manfaat yang besar. Oleh sebab itu saya harap Ahli-ahli Parlimen juga dapatlah sama-sama untuk berkempen agar pengimbangan ini dapat setara bagi semua kaum.

Tuan Pengerusi, dari segi perbekalan, tidak dinafikan bahawa kementerian mempunyai lebih RM1 bilion untuk perbekalan dan ubat termasuk alat-alat klinikal. Oleh kerana bidang ini agak tercicir sedikit peniaga bumiputera dalam *area* ini, kita hari

ini sedang berusaha menambahkan peniaga-peniaga bumiputera untuk menyertai pembekalan ubat dan alat-alat klinikal di Kementerian supaya mereka juga dapat mengambil bahagian dalam seruan Dasar Ekonomi Negara sekurang-kurangnya 30% daripada jumlah peruntukan yang besar sama ada membekalkan ubat atau membekalkan alat-alat klinikal. Kementerian sentiasa menggalakkan dan walaupun hari ini kita dapati daripada lebih RM1 bilion, dukacita bumiputera hanya 1% sahaja yang memasuki bidang ini dan dapat mengambil bahagian.

Kita harap kita dapat meningkatkan daripada 1% hingga 30%. Ini mungkin kerana pengusaha ataupun peniaga-peniaga bumiputera lebih tertumpu kepada sektor lain – *construction*, pemaju perumahan. Di bidang ini agak teknikal dan oleh sebab itu pada hari ini tertubuh satu persatuan iaitu Persatuan Pembekal Ubat dan Peralatan Klinikal Bumiputera dan supaya mereka bebas dalam perlumbaan untuk menyertai jenis perniagaan di Kementerian Kesihatan.

Saya dan juga Yang Berhormat Menteri Kesihatan memang prihatin akan perkara ini dan kita menggalakkan dan mudah-mudahan hasrat kita untuk meningkatkan peluang ini akan lebih ketara supaya jumlah peruntukan yang besar dari segi perolehan ini dapat diimbang juga antara bumiputera dengan kaum bukan bumiputera.

Saya juga berterima kasih supaya 'Kempen Anti Merokok' ini dapat sama-sama dilakukan di Parlimen oleh Yang Berhormat, diri saya sendiri dan memanglah saya pun menjalankan usaha supaya memujuk kawan-kawan untuk mengurangkan tabiat merokok ini. Maklumlah sebahagian daripada rakan-rakan ini sudah merokok 20 tahun dan kita beri peluang supaya dapat dikurangkan pada diri mereka.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: [*Bangun*]

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kemaman bersama Arau bangun.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak tahu pandangan kerajaan sebab bumiputera ini tidak ramai yang terlibat dalam perniagaan. Akan tetapi apa yang berlaku dalam kerajaan hari ini ialah ramai daripada mereka oleh kerana tidak memihak kepada parti-parti tertentu, mereka telah di diskriminasi dalam perniagaan ini terutamanya apabila melibatkan *supply* kepada kerajaan dan sebagainya.

Contoh yang nyata ialah saya sendiri. Saya dahulunya adalah seorang peniaga tetapi apabila saya tidak berada dalam pihak sana, maka syarikat-syarikat yang saya kuasai semuanya kena *blacklisted* oleh kerajaan. Jadi apakah kerajaan akan mengambil sikap ini sedangkan bumiputera tidak ramai dalam bidang perniagaan ini? Jadi minta pandangan Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed: Tuan Pengerusi, bercakap mengenai Kementerian Kesihatan, kita tidak ada kompromi soal hendak diskriminasi ini. Ini saya hendak beri janjilah. Kita tidak berdasarkan, kita *blacklist*kan orang kerana pandangan politik yang berbeza-beza. Ini suatu amalan yang tidak sihat sama sekali dan saya hendak memastikan bahawa di Kementerian Kesihatan tidak akan berlaku mana-mana pegawai yang memegang teraju mengenai pemberian perbekalan tidak akan berbuat demikian. Kita *fair* dan Yang Berhormat dipersilakanlah untuk masuk dan ambil bahagian dalam apa juga tender ataupun lain-lain perbekalan di Kementerian Kesihatan.

Tuan Pengerusi, dalam konteks anti-merokok ini, kita sudah lihat Kementerian Kesihatan berjaya. Kempen menerusi televisyen dalam rangka pertandingan bola sepak sedunia ini dengan meletakkan beberapa jadual dalam TV untuk menunjukkan betapa buruknya akibat merokok ini. Kita juga telah diminta oleh negara-negara ASEAN untuk membawa mengenai anti-merokok ini ke WHO di Geneva sebagai pemimpin kempen ini bagi pihak negara-negara ASEAN berikutan Persidangan Menteri Kesihatan di Laos tempoh hari. Perkara ini telah kita bawa ke WHO di Geneva dan telah mencapai kejayaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Arau, sila.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya memang akui bahawa

usaha-usaha memang dibuat oleh kerajaan untuk menghalang dan tidak menggalakkan merokok di kalangan rakyat. Harga rokok telah pun dinaikkan dan usaha juga telah dibuat oleh Kementerian. Akan tetapi saya membaca satu artikel bahawa bilangan perokok sekarang ini telah pun meningkat. Ada dia punya perbandingan daripada 4:1 now 6:1, lebih kurang macam itulah. Saya tidak dapat ingat angka tetapi peningkatan itu sekarang telah dapat dikesan dan yang lebih malang lagi hari ini kita melihat....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya rasa semua terkeluar daripada tajuklah, tidak berbangkitlah.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Ketawa]* Sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab, Tuan Pengerusi. Saya cuma hendak jelaskan untuk perhatian. Wanita-wanita muda sekarang.....

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]* Merokok juga.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Ramai terlibat dalam merokok.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya cadangkan supaya perkara ini dibangkitkan pada masa akan datang.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah habis?

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah habiskah? *[Ditujukan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kesihatan]*

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, satu sahaja. Disebabkan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi kata, dia berusaha. Memang berusaha, kita dapat tahu melalui iklan di TV yang melarang merokok dan dengan angka-angka dan sebagainya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, yang penting, ini *budget* yang kita mohon, tidak kena-mengena dengan merokok. Jadi cukuplah!

Dr. Tan Seng Giaw: Cuma itu sahajalah, tetapi kita nampak di dalam iklan-iklan itu, ada iklan syarikat-syarikat rokok. Syarikat-syarikat rokok itu memang ketara dan ini memang bertentangan. Sebelah tangan yang kanan – 'kita jangan merokok' sedangkan sebelah tangan kiri – 'sila merokok' *[sambil menunjukkan aksi]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bolehlah Yang Berhormat, Kementerian akan ambil ingatan dan catatan.

Dr. Tan Seng Giaw: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM55,445,000 untuk Maksud B.34 di bawah Kementerian Kesihatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM55,445,00 untuk Maksud B.34 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud P.38 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 2002]-

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Maksud P.38 di bawah Kementerian Pengangkutan. Oleh kerana Maksud P.38 hanya token sahaja ia tidak perlu dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Perbelanjaan sebanyak RM40 untuk Maksud P.38 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 2002 di bawah Kementerian Pengangkutan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM40 untuk Kepala P.38 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2002.

Maksud P.40 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2002]-

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Maksud P. 40 di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Oleh kerana Maksud P.40 ini hanya token sahaja ia tidak perlu dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM30 untuk Maksud P.40 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 2002 di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM30 untuk Maksud P.40 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2002.

Maksud P.41 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2002]-

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Pembangunan P. 41 di bawah Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga terbuka untuk dibahas. Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya sokong memberi wang sebanyak RM4,070,000 bagi membiayai pembelian, pembinaan, pengubahsuaian pusat khidmat wanita di negeri Terengganu, Perlis, negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan Labuan, Perak dan Selangor. [Disampuk] Penang telah diwujudkan.

Tetapi saya ingin bertanya, adakah pusat-pusat ini sudah diwujudkan di negeri Sabah dan Sarawak kerana pada hemat saya, kawasan-kawasan luar bandar yang lebih memerlukan pusat-pusat yang seperti ini. Adalah sepatutnya negeri Sabah dan Sarawak, yang dikatakan begitu luas kawasannya, perlulah diberi keutamaan jika ia belum ada Pusat-pusat Khidmat Wanita. Saya ingin tahu mengapa kedua-dua negeri ini dikebelakangkan? Saya dapati di dalam akhbar hari ini bahawa masih berlaku di negeri Sarawak – Sibul, kalau saya tidak salah, ada sindiket menjual-beli bayi – *trafficking of babies*, masih berlaku di Sarawak. Ini sangat mengejutkan. Ada perlunya kita memberi perhatian yang lebih kepada Sarawak dan Sabah, supaya kejadian ini tidak berlaku di sana.

Tuan Pengerusi, saya menyokong pemberian wang ini kerana kaum wanita masih ketinggalan dalam bidang ekonomi, sosial dan budaya, walaupun dikatakan pada waktu sekarang di universiti-universiti awam atau kerajaan, terdapat lebih ramai pelajar wanita tetapi dalam bidang ekonomi, sosial dan budaya, kaum wanita masih terkebelakang. Kaum wanita, khasnya kaum ibu yang bekerja, masih menghadapi banyak tekanan dan berbagai masalah, sama ada di tempat kerja ataupun di rumah. Mereka menghadapi lebih banyak tekanan, kerana selain daripada memainkan peranan sebagai seorang pekerja, pada waktu yang sama masyarakat dan keluarga juga mengharapkan mereka melaksanakan tanggungjawab dengan baik sebagai seorang ibu dan isteri.

Data Kementerian Kesihatan menunjukkan bahawa terdapat lebih ramai wanita yang menghadapi penyakit mental dan jiwa. Juga lebih ramai wanita yang membunuh diri kerana tekanan jiwa daripada kehidupan dan rumah tangga. Jadi, penubuhan Pusat Khidmat Wanita ini dapat sedikit sebanyak memberi bantuan dan sokongan kepada kaum wanita yang menghadapi masalah dan mereka yang tidak mempunyai sumber dan keupayaan untuk mengatasinya.

Oleh yang demikian, aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Pusat Khidmat Wanita haruslah selaras dengan tujuannya untuk memberi bantuan dan sokongan kepada golongan wanita yang kurang mampu dan menghadapi masalah. Janganlah Pusat Khidmat Wanita itu digunakan sebagai kemudahan untuk wanita UMNO, MCA, MIC atau Puteri UMNO, untuk mengadakan aktiviti-aktiviti seperti mengadakan kursus membuat kek, walaupun itu adalah baik untuk wanita tetapi ini bukan boleh menolong mereka yang bermasalah.

Dan saya dapati ada banyak aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Pusat Khidmat Wanita di Pulau Pinang, di Seberang Prai Tengah, di Seberang Prai Selatan, yang bukanlah boleh menolong kaum wanita yang bermasalah. Tetapi yang boleh memberi peluang untuk belajar memasak atau menggubah bunga, bukanlah itu tidak baik tetapi ia tidak selaras dengan tujuan penubuhan Pusat Khidmat Wanita. Saya berpendapat bahawa salah satu perkhidmatan penting yang harus diadakan oleh Pusat Khidmat Wanita ialah kaunseling.

Oleh kerana masyarakat kita berbilang kaum dan wanita, tidak mengira bangsa atau agama, mungkin menghadapi masalah dan memerlukan bantuan. Jadi adalah baik untuk Pusat Khidmat Wanita menyediakan kaunselor berbilang bahasa supaya kerja kaunseling dapat dijalankan dengan lancar. Saya ingin tahu, apakah kaedah kaunseling yang diguna pakai oleh kaunselor di Pusat Khidmat Wanita? Kaedah kaunseling konvensional ialah, dengan izin, *non-judge mentor*, iaitu kaunselor cuma memberi cara-cara atau jalan-jalan yang mungkin dapat mengatasi masalah dan biarkan orang yang terlibat itu membuat keputusan.

Kaedah yang baru dipanggil *feminist counseling*, dengan izin, mengambil pendirian

Tuan Mohamad bin Sabu: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kuala Kedah.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Pengerusi .

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak sokongkah?

Tuan Mohamad bin Sabu: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam minta berbagai-bagai tetapi tahukah bahawa kementerian ini diberi peruntukan paling sedikit – RM200 juta. Hanya menteri yang popular, kementerian ini tidak popular. Jadi, apakah pandangan daripada Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam supaya peruntukan diperbanyakkan bagi kementerian ini, termasuk melantik seorang Timbalan Menteri. Kasihan Menteri seorang kuat kerja dan peruntukan terlalu sedikit. Kerajaan tidak serius dalam melihat masalah wanita. Setuju atau tidak?

Puan Chong Eng: Memang setuju. Kita semua perlu sokong kementerian ini supaya ia diberi peruntukan yang lebih banyak dan juga melantik timbalan-timbalan termasuk setiausaha juga, supaya boleh menolong kementerian ini melaksanakan tugas-tugasnya dan juga kerana Timbalan Menteri Kewangan pun berada di sini, beliau boleh sampaikan *message* ini. [Disampuk]

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jeli.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Jadi saya hendak bertanya Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, apakah kerajaan benar-benar serius untuk menangani masalah wanita dan keluarga di dalam negara kita, bila mana kita tengok, saya hendak membetulkan kenyataan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Kedah, bila mana kita lihat anggaran projek untuk Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga untuk tahun 2001 hingga 2005 hanyalah RM7 juta. Lima tahun punya projek, hanya RM7 juta....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, ingin saya tegaskan bahawa ini tidak kena-mengena berkenaan dengan perbahasan.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Ini ada, ini yang saya hendak bagi tahu – RM7 juta *and then* Jabatan yang berada di bawah Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga hanyalah LPPKN sahaja. Yang lain kita tidak tahu apa lagi yang duduk di bawah kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga. Setuju ataupun tidak sekarang ini, sila banyakkkan lagi jabatan-jabatan yang berada di bawah kementerian ini supaya menterinya dapat bekerja dengan lebih berkesan untuk pembangunan wanita dan keluarga. Setuju atau tidak Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam?

Puan Chong Eng: Setujulah. Ini bukan salah Menteri, ini salah kerajaan, salah Kabinet ya. [Tepuk] Kita kasihan juga menteri ini bekerja seorang. [Ketawa] [Disampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh gulungkah?

Puan Chong Eng: Dan juga [Disampuk] ... Apa itu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukup.

Puan Chong Eng: Masa cukup? Untuk apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sepuluh minit untuk Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Saya rasa Tuan Pengerusi, peruntukan ini, walaupun kecil tetapi seorang sahaja mengambil bahagian – ini mula sahaja, bukan seperti perbahasan untuk pendidikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Untuk Yang Berhormat, untuk Yang Berhormat masa sudah cukup 10 minit.

Puan Chong Eng: Yakah? [Tercengang][Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat baru bangun sekarangkah? [Ketawa]

Puan Chong Eng: Untuk ini jugakah?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Di peringkat Jawatankuasa kami sudah membuat keputusan.

Puan Chong Eng: Saya rasa Tuan Pengerusi..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apa Yang Berhormat sila gulung.

Puan Chong Eng: Tuan Pengerusi, saya rasa ini kurang adil. Kalau hendak sedia untuk wanitakah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Ini diberikan masa yang lebih..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: ...Kerana..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Keputusan. *I have already decided.*

Puan Chong Eng:.. jadi saya hendak bertanya Tuan Pengerusi, berapa masa yang akan diperuntukkan untuk keseluruhannya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Untuk setiap ahli berucap sepuluh minit.

Puan Chong Eng: .. Untuk keseluruhannya kerana..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini tidak payah tanya kuasa di sini Yang Berhormat. Yang Berhormat masa sudah cukup.

Puan Chong Eng: Itu untuk Kementerian Pendidikan kerana ramai yang mengambil bahagian yang perlu...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tidak payah membuang masa, kalau ada gulung.

Puan Chong Eng: Saya tidak setuju Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Apa, Yang Berhormat? Mengapa tidak bersetuju, Yang Berhormat?

Puan Chong Eng: Ini seorang berbahas sahaja bukan sepuluh....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan untuk seorang, Yang Berhormat tak fahamkah? Setiap ahli berucap masa tempoh sepuluh minit.

Puan Chong Eng: Berapa orang yang berdiri tadi Tuan Pengerusi?.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada ramai hendak berucap.

Puan Chong Eng: Saya tahu berapa orang yang akan dibenarkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah tanya, cukup-cukup Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Saya rasa itu tidak adil Tuan Pengerusi .

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup masa sudah cukup. Sila sambung. Yang Berhormat bagi Arau.

Puan Chong Eng: Saya ada banyak lagi..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Arau.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Puan Chong Eng: Mana boleh..

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Arau masa sudah cukup, Yang Berhormat Arau boleh berucap pada hari esok.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Okay, terima kasih.

Puan Chong Eng:yang begitu teruk.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat saya minta tarik balik.

Puan Chong Eng: Tarik balik apa?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Apa yang Yang Berhormat kata tadi.

Puan Chong Eng: Okay, saya tarik balik, tetapi sikap ini tidak berselarai dengan Dewan ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Apa Yang Berhormat, keputusan Dewan kita sudah buat di peringkat Jawatankuasa setiap ahli berucap masanya sepuluh minit. Oleh sebab kita buat itu untuk membolehkan lebih ramai dapat berucap.

Puan Chong Eng: Itu untuk kementerian itu sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: .. bukannya ramai yang mengambil bahagian.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Ha! Hendak kena buangkah?

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Ha! Sila duduk *[Ketawa]*

Puan Chong Eng: Buanglah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat jangan cabar.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana kita ada Usul Penangguhan, maka saya menjemput Yang Berhormat Menteri mengemukakan cadangan.

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT
DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 16(3)**

Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga [Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan ;

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3) Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang”

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

Aktiviti Politik Di Kawasan Sekolah

5.32 ptg.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak [Setiu]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat Ucapan Penangguhan di bawah Peraturan Mesyuarat 17 berhubung dengan hentikan segera aktiviti parti politik di kawasan sekolah. Institusi pendidikan merupakan tempat yang amat mulia di sisi masyarakat. Institusi pendidikan meliputi daripada peringkat prasekolah sehinggalah ke pusat pengajian tinggi. Kedudukannya dipandang mulia kerana di sinilah pembinaan sahsiah. Peribadi pelajar dibina dan pembelajaran ilmu bermula.

Di sekolah pelajar didedahkan dengan pelbagai disiplin, ilmu pengetahuan dan pembinaan jati diri serta tunjuk ajar disiplin bagi membina generasi masa depan yang berakhlak mulia, berpengetahuan dan berketerampilan. Apa sahaja yang terdapat di persekitaran sekolah sama ada guru-guru, ustaz, kakitangan adalah merupakan idola dan ikutan para pelajar. Di sekolahlah dipupuk perasaan kasih sayang, hormat-menghormati, perpaduan hidup harmoni dan pelbagai sifat mulia buat bekal generasi mendatang.

Justeru itu kawasan sekolah telah dijadikan sebagai kawasan larangan dengan ianya berpagar dan diletakkan pengawal. Kita ingin tahu berapakah jumlah peruntukan pembinaan pagar-pagar sekolah yang baru di seluruh negeri Terengganu sejak tahun 2000 kerana sebahagiannya pagar-pagar sekolah itu jauh lebih baik daripada bilik-bilik darjah dan buku-buku yang terdapat di perpustakaan. Kedudukan sekolah dan maktab perguruan dijadikan kawasan larangan sepatutnya dipuji, kerana di sinilah terletak pusat sumber, makmal sains, komputer, taman haiwan dan unggas, perpustakaan dan pelbagai kemudahan pembelajaran. Sebahagiannya terdapat kemudahan asrama bagi menempatkan para pelajar.

Namun begitu keharmonian kawasan sekolah maktab perguruan, Sekolah Menengah Sains dan MRSM di Kelantan dan khususnya di Terengganu sudah tidak wujud lagi setelah UMNO dan Barisan Nasional kalah. Pemimpin politik Barisan Nasional khususnya UMNO tanpa segan silu menodai kawasan sekolah dengan pelbagai aktiviti dan kegiatan UMNO. Pengetua dan guru-guru sekolah menjadi kaku dan bisu terutama selepas menandatangani surat Aku Janji untuk menghalang kegiatan UMNO di kawasan sekolah.

Bayangkan bagaimana buruknya pimpinan UMNO menggunakan kuasa mereka membatalkan seminar menjawab soalan peperiksaan Sejarah peringkat daerah Setiu yang sepatutnya diadakan pada 14 April 2002 di Sekolah Menengah Saujana Setiu, melibatkan guru, pelajar daripada pelbagai sekolah menengah di sekitar daerah Setiu, tiba-tiba dibatalkan hanya kerana UMNO bahagian Setiu hendak mengadakan majlis bersama dengan Naib Presiden UMNO Malaysia.

Betapa kecewanya masyarakat pendidik, pelajar dan orang ramai melihat kawasan sekolah dijadikan pesta jamuan besar-besaran makanan dan sorak-sorai pimpinan politik dan *desperado* UMNO dengan kibaran bendera UMNO dan merasuah rakyat dengan duit ihsan. Saya tahu Yang Berhormat Setiausaha Parlimen akan menjawab nanti bahawa program tersebut telah dibatalkan, tetapi sebenarnya dipaksa untuk dibatalkan dan duit pendaftaran yang telah dibayar oleh masyarakat ataupun oleh para pelajar di kawasan berkenaan.

Peristiwa orang Melayu tidak mungkin luput ialah apabila UMNO mengadakan Mesyuarat Agung Cawangan di Sekolah Kebangsaan Pulau Kerengga, Marang pada 15 Mac 2002, apabila berlaku kes pergaduhan sehingga memaksa anggota polis

melepaskan dua das tembakan. Dengan peristiwa-peristiwa tersebut wajarlah pihak kerajaan memberhentikan serta-merta semua kegiatan politik khususnya UMNO di kawasan institusi pengajian dan sekolah. Melihat kepada aktiviti UMNO, Barisan Nasional yang semakin menganas adalah tidak wajar untuk kita membiarkan kawasan sekolah, institusi pengajian dijadikan tempat mereka menjalankan kegiatan dan aktiviti-aktiviti parti.

Ini kerana aktiviti UMNO dikaitkan dengan perbuatan bising, menghisap rokok, budaya samseng, membuang sampah di merata tempat, pergaduhan yang mana ini semua boleh mengakibatkan kerosakan, kebakaran dan mungkin pembunuhan dan kemusnahan di kawasan yang paling mulia iaitu pusat pengajian dan sekolah. Kita menuntut supaya sekolah dan pusat pengajian dibebaskan daripada aktiviti politik kepartian khususnya UMNO sesuai dengan ucapan Setiausaha Parlimen di Dewan yang mulia ini pada 17 Jun yang lalu, apabila beliau menyatakan aktiviti yang berbau politik partisan dan dibiayai oleh mana-mana parti politik adalah dilarang sama sekali di semua institusi pendidikan sama ada pendidikan rendah, menengah ataupun tinggi. Ini adalah ucapan *Hansard* yang dikeluarkan oleh Parlimen ini. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen hendak menafikan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sila.

5.38 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kesempatan ini saya ingin memberi penjelasan terhadap isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Setiu berhubung dengan penggunaan institusi pendidikan bagi tujuan aktiviti parti politik. Sememangnya saya bersetuju dengan kenyataan Ahli Yang Berhormat bahawa institusi pendidikan merupakan tempat pembinaan sahsiah, keperibadian pelajar dan pembelajaran ilmu. Namun saya kesal kerana terdapat sesetengah parti politik yang menggunakan institusi pendidikan khususnya di peringkat taman asuhan kanak-kanak dan prasekolah. Keupayaan mereka untuk menanam bibit-bibit kebencian sesama agama dan bangsa khususnya kepada pemimpin negara. Beginikah unsur-unsur pendidikan yang mahu diterap kepada anak-anak yang masih kecil. Ya, memang benar institusi pendidikan adalah tempat memupuk perasaan kasih sayang, hormat-menghormati serta perpaduan.

Tetapi saya ingin bertanya bagaimanakah sesetengah pihak yang menanam rasa kebencian dan perpecahan di kalangan murid. Adakah mereka merupakan idola kepada murid-murid seperti yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat. Saya berharap Ahli Yang Berhormat melihat diri dan organisasi sendiri sebelum menuding jari kepada pihak kerajaan. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, menyedari sekolah merupakan kawasan selamat, Kementerian Pendidikan telah memperuntukkan wang untuk pembinaan pagar sekolah. Bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari tahun 2000 sehingga 5 Februari 2002 sebanyak RM4.95 juta telah diperuntukkan bagi pembinaan ubahsuai dan naik taraf pagar sekolah bagi seluruh negeri Terengganu. Ini membuktikan bahawa Kementerian Pendidikan mengambil berat terhadap keselamatan sekolah-sekolah termasuklah di negeri Terengganu yang tidak diperintah oleh Barisan Nasional. Inilah yang kita anggap satu perkara yang selalu disebut-sebutkan oleh Yang Berhormat. Kita tidak pernah menganaktirikan negeri Terengganu mahupun negeri Kelantan.

Sejajar dengan usaha menjadikan institusi pendidikan dan sekolah sebagai tempat memakmurkan ilmu, Kementerian Pendidikan sememangnya menggalakkan aktiviti berunsur pendidikan seperti seminar, ceramah dan bengkel pendidikan di kawasan atau dewan sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan.

Ahli Yang Berhormat telah membuat tuduhan melulu tanpa berlandaskan fakta yang tepat mengenai pembatalan seminar menjawab peperiksaan Sejarah peringkat daerah Setiu pada 14 April 2002 di Sekolah Menengah Saujana, Setiu.

Mengikut siasatan kementerian ini, pada tarikh tersebut, 14 April 2002, sesi persekolahan berjalan seperti biasa dan Sektor Pendidikan Islam dan Moral Jabatan Pendidikan Terengganu telah mengadakan penyeliaan berkelompok di sekolah

berkenaan. Seminar menjawab soalan Sejarah peringkat daerah Setiu anjuran sekolah berkenaan, SMK Saujana, sebenarnya telah diadakan pada hari Sabtu, 13 April 2002 yang dihadiri oleh 450 orang pelajar.

Tolong Yang Berhormat, semak sedikit fakta Yang Berhormat. Yang Berhormat ini buat tuduhan. Belum dapat fakta, sudah buat tuduhan, silap Yang Berhormat. Dakwaan yang menyatakan program tersebut dibatalkan adalah tidak benar sama sekali. Majlis Bersama Naib Presiden UMNO anjuran UMNO Bahagian Setiu telah diadakan pada 12 April 2002 dan tidak sama sekali melibatkan guru dan pelajar sekolah tersebut.

Jadi, tidaklah kita mempolitikkan keadaan. Bangunan itu sahaja. Yang Berhormat jangan membuat tuduhan. Tolonglah periksa sedikit *facts* kita. Kalau tidak, macam ini susahlah Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan sememangnya berpegang kepada prinsip bahawa kawasan sekolah sebagai satu tempat di mana pembelajaran ilmiah diadakan adalah suatu zon berkecuali, dengan izin, kita panggil *neutral zone*, bebas daripada pengaruh politik. Oleh yang demikian, saya berpandangan tidak ada mana-mana parti politik yang menggunakan institusi pendidikan sebagai tempat menyemai benih-benih perpecahan dan budaya membenci pemimpin seperti yang berlaku di Tadika Pasti, demi *survival* parti politik berkenaan di masa hadapan.

Salah satu peraturan disiplin pelajar adalah larangan terhadap seseorang pelajar yang berumur kurang 21 tahun daripada mengambil bahagian dalam mana-mana perhimpunan yang diselenggarakan atau diadakan dengan tujuan untuk menyokong atau menentang mana-mana parti atau pertubuhan politik atau apa-apa pendapat politik atau mana-mana calon dalam sesuatu pilihan raya, Peraturan 7(1)(e), Peraturan-peraturan Pelajaran Disiplin Sekolah-sekolah 1959.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga bahawa peristiwa di Sekolah Kebangsaan Pulau Kerangga, Marang pada 15 Mac 2002 juga sebenarnya tidak melibatkan guru atau murid di sekolah tersebut. Pihak UMNO hanya menggunakan premis sekolah tersebut dengan terlebih dahulu mendapat persetujuan dan kelulusan pihak Jabatan Pendidikan Negeri dan pihak sekolah.

Saya ingin jelaskan bahawa mana-mana pertubuhan dan badan sukarela termasuklah badan-badan NGO dan parti politik boleh memohon untuk menggunakan premis di sekolah-sekolah. Terpulanglah kepada budi bicara pihak Jabatan Pendidikan Negeri, JPN dan Pengetua atau Guru Besar untuk meluluskannya. Itu terpulang kepada sekolahlah. Kalau dia hendak benarkan, benarkanlah atau JPN hendak benarkan.

Mesyuarat tersebut berlangsung semasa cuti persekolahan dan tiada guru atau murid di kawasan sekolah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Kementerian Pendidikan berpandangan adalah....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, panjang lagi kah? Sebab kita ada lagi satu usul yang perlu kita selesaikan pada pukul 6.00 petang.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Sedikit sahaja, Yang Berhormat. Tidak ada guru atau murid di kawasan sekolah. Kementerian Pendidikan berpandangan adalah lebih berbahaya pendekatan dalam pendidikan yang digunakan oleh parti Yang Berhormat melalui kelas-kelas taman asuhan kanak-kanak sebagaimana yang telah saya jelaskan tadi.

Sekianlah sahaja yang dapat saya jelaskan dan saya amat berharap Ahli Yang Berhormat tidak lagi membuat tuduhan yang melulu sebelum mengetahui perkara dan fakta yang sebenar. Terima kasih.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan kerana

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: ... Apa yang dia cakap tadi tidak benar, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mengikut Peraturan Mesyuarat 17(4)....

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Saya merujuk kerana saya pernah membuat soalan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: ... Lisan pada 26 April...*[Mikrofon dimatikan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, tetapi bukan di masa sekarang.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Soalan yang berhubung dengan parti tadi. Jawapannya adalah bertentangan sama sekali.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Ini jawapan rasmi di Parlimen...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu jawapan dia, itu jawapan dia.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: ...Yang dibuat oleh Menteri Pendidikan bahawa tidak

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 17(4), saya minta Yang Berhormat rujuk.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila, sila setiausaha.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Saya minta kementerian menjelaskan dalam soal ini kerana jawapannya bertentangan sama sekali. Ini saya ada jawapan rasmi di Parlimen bahawa tidak ada mana-mana....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh bangkitkan perkara ini di masa yang lain, bukan sekarang.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, sila-sila.

Penahanan Encik Lim Kit Siang Di Bawah Akta Hasutan 1948

5.46 ptg.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pokok Sena.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Puan Chong Eng: Pada 5 Jun 2002, Pengerusi Kebangsaan DAP, Encik Lim Kit Siang ditangkap di bawah Akta Hasutan 1948 oleh pihak polis di Pasar Pasir Pinji kerana mengedar risalah bertajuk “No to 929” kepada orang awam tanpa permit. Lim dibawa ke Balai Polis Ipoh walaupun beliau memberitahu pegawai polis, Chief Inspektor Abdul Wahab bin Abdul Rahman bahawa beliau percaya Akta Hasutan tidak menetapkan bahawa perbuatan mengedar risalah orang ramai memerlukan permit.

Setelah dibawa ke balai polis, pihak polis mengubah alasan tangkapan kepada perbuatan mengedar risalah yang bersifat hasutan, menghasut di bawah Seksyen 4(1)(c), Akta Hasutan. Alasan ini sukar diterima kerana pihak DAP sebelum ini telah mengedar berpuluh-puluh ribu naskhah risalah tersebut di Pulau Pinang dan tidak ada seorang pun yang membuat aduan.

Risalah “No to 929” menerangkan apa itu 929. Apakah itu negara Islam? Sama ada Malaysia sebuah negara Islam dan patutkah Malaysia menjadi sebuah negara Islam? Sebab 929 harus ditolak dan “No to 929” adalah satu kempen memberi kesedaran kepada semua rakyat tanpa mengira bangsa, agama dan parti politik. Kempen ini merupakan satu respons kepada pengumuman pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam pada 29 September 2001 di Kongres Kebangsaan Parti Gerakan.

Perlembagaan Malaysia dengan jelas mengatakan Islam adalah agama rasmi negara tetapi Malaysia bukanlah negara Islam. Pengumuman Mahathir adalah bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan.

Kempen “No to 929” bertujuan mempertahankan Perlembagaan negara kita. Jika perbuatan mempertahankan Perlembagaan boleh didakwa sebagai hasutan, bukankah pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa Malaysia sudah menjadi sebuah negara Islam lebih menghasut. Mengapakah pihak polis tidak mengambil tindakan yang sama terhadap Mahathir?

Pada jam 4.40 petang, 6 Jun 2002, pihak polis menyerbu pejabat DAP Perak dengan waran geledah berdasarkan laporan polis yang dibuat oleh Setiausaha UMNO Bahagian Ipoh Timur, Zulkifli Abdul Hamad yang mendakwa risalah “No to 929” mengandungi unsur-unsur sensitif. Pihak polis merampas semua risalah “No to 929”. Ini adalah tindakan melampau.

Pertama, polis mempunyai contoh risalah “No to 929”, apakah perlunya untuk merampas risalah tersebut dengan waran geledah. Kedua, tindakan kilat polis berikutan laporan polis oleh pihak UMNO seolah-olah menunjukkan polis kini berkhidmat untuk UMNO Bahagian Ipoh Timur dan bukan mengikut tafsiran profesional.

Saya ingin bertanya sekiranya DAP Cawangan Ipoh membuat satu laporan polis mendakwa pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengandungi unsur-unsur sensitif, adakah polis Perak juga akan mengambil tindakan cepat dan menggeledah Pejabat UMNO.

Pada 7 Jun 2002, Chief Inspektor Menglembu, Abdul Ghani mengancam orang ramai supaya jangan menerima Risalah “No to 929” Kami dari DAP membantah tindakan-tindakan polis Perak yang kurang profesional dan bertentangan dengan Perlembagaan yang mana menjamin kebebasan mengedar dan menerima makluman. Kami juga meminta pihak Menteri Dalam Negeri supaya mengadakan siasatan terhadap pegawai-pegawai polis yang membuat tanggapan secara tidak sah dan mengancam orang ramai agar imej polis dipelihara. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Setiausaha Parlimen.

5.51 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin]: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya ingin menjawab berkaitan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Chong Eng..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bukit Mertajam.

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Ahli Parlimen kawasan Bukit Mertajam, minta maaf, sebut nama dia.

Untuk makluman Yang Berhormat, tangkapan ke atas Encik Lim Kit Siang telah dibuat oleh pihak polis kerana polis mempunyai sebab bagi mempercayai, saya

ulang sekali lagi, mempercayai bahawa beliau telah melakukan kesalahan menyebarkan risalah-risalah yang berunsur hasutan dengan izin, *seditionous tendency, tendency* Tuan Pengerusi ya, *tendency* itu tadi yang menyebabkan polis mengambil tindakan di mana kesalahannya adalah di bawah Seksyen 4(1)(c) Akta Hasutan 1948.

Di bawah kesalahan ini, sekiranya disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali. Alasan penangkapan bukan kerana beliau mengedarkan risalah tanpa permit tetapi kerana kesalahan mengedarkan risalah yang berbentuk hasutan.

Dalam kes ini, walaupun beliau telah dinasihati, dinasihati supaya tidak mengedarkan risalah tersebut, ini perangai parti pembangkanglah, setelah diberi nasihat semua, degil juga lagi, terus mengedarkan risalah tetapi beliau enggan, ha! ini sudah memang akal fikiran parti pembangkang, enggan menuruti arahan seperti tadi pun. Kalau saya jadi Speaker, tidak tahulah apa jadi. Nasib baik saya tidak jadi Speaker [*Ketawa*] Arahan tersebut dan telah mencabar pula pihak polis. Tuan Pengerusi mencabar untuk menangkapnya, "Tangkaplah", dia kata, polis tangkaplah, tidak salah kan? Dia suruh tangkap maka polis pun tangkap, itu sahaja.

Puan Chong Eng: [*Menyampuk*]

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Diam [*Sambil menunjukkan ke arah Ahli Parlimen bagi Bukit Mertajam*] You tadi sudah bercakap Yang Berhormat [*Ketawa*] Terima kasih.

Berikutan dengan itu juga, pihak polis telah menggeledah Pejabat DAP Perak kerana di dalam risalah tersebut menyatakan bahawa risalah tersebut dicetak dan diterbitkan oleh Pejabat DAP Perak. Polis pun ada juga peraturan. Dengan waran geledah telah diperolehi untuk menentukan sama ada terdapat percetakan risalah-risalah dan juga peralatan yang digunakan untuk mencetak telah pun mematuhi peraturan yang ada. Melalui siasatan yang dibuat, mendapati sejumlah bungkusan-bungkusan risalah berkenaan di premis menerbitkan dan mencetaknya yang mana mereka boleh disyaki, disyaki, saya ulang sekali lagi melakukan kesalahan di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbit 1984.

Tuan Pengerusi, pada masa yang sama juga, Encik Lim Kit Siang telah membuat satu laporan polis yang menyebut bahawa risalah yang dimaksudkan tidak mengandungi unsur-unsur hasutan dan mempercayai bahawa beliau tidak melakukan kesalahan, itu dia punya tafsiran. Siapa pun boleh membuat tafsiran-tafsiran di bawah akta tersebut. Encik Lim juga mendakwa bahawa tindakan polis menangkapnya dan membawanya balik ke Balai Polis Pusat sebagai dengan izin, *wrongful trespass to person and wrongful arrest* ke atas dirinya. Kertas siasatan ke atas perkara ini akan dimajukan kepada Yang Arif Timbalan Pendakwaraya untuk tindakan selanjutnya. Maka terpulanglah kepada beliau untuk menentukan sama ada terdapat kes ini mendakwa kes Lim Kit Siang di mahkamah ataupun tidak.

Saya ingin menyatakan di sini, seseorang itu tidak bersalah kecuali dibuktikan kesalahannya oleh mahkamah. Terjemahan bahasa Inggerisnya kalau saya boleh, *a person is not guilty*, minta maaf ya, *until proven guilty by the court*. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan dan akan bersidang semula pada jam 10.00 pagi hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.57 petang.